

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 68

Hari Rabu

19 November 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL:

Bantahan Terhadap Tuduhan Ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat
Ke Atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia,
Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

- *Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim* (Ruangan)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J.,
A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 19 November 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERWAKILAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT - CADANGAN
MENGECILKAN SAIZ**

1. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang mengecilkan saiz Perwakilan Malaysia di seberang laut sesuai dengan trend yang diamalkan oleh negara-negara lain sekarang dengan meluasnya penggunaan teknologi canggih terutama teknologi maklumat yang membolehkan maklumat dikumpul dan diterima secara lebih murah dan berketerampilan tanpa melalui saluran diplomatik rasmi; sama ada beliau setuju bahawa langkah tersebut selaras dengan dasar kerajaan sekarang untuk mengurangkan belanja mengurus.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, kita menentukan saiz bilangan pegawai-pegawai di sesuatu kedutaan itu bergantung kepada beberapa faktor dalam hubungan kita dengan negara yang berkenaan sejauh manakah kepentingan kita, iaitu yang diasaskan kepada kepentingan politik, perdagangan, pelaburan dan juga berapa ramaikah rakyat Malaysia yang ada di negeri itu seperti pelajar-pelajar kita. Jadi, dengan cara inilah kita menentukan bilangan tersebut.

Semenjak tahun 1992 lagi kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk hendak mengurangkan perbelanjaan. Apabila kita telah memulakan penggunaan alat-alat komputer dan dengan itu kita dapat mengurangkan kakitangan pengambilan tempatan dan jawatan-jawatan yang mereka isikan itu, yang telah kosong terus dibekukan. Di samping itu kita juga sedang berusaha terus-menerus untuk menjimatkan lagi perbelanjaan kita di luar negeri dengan seboleh-bolehnya menentukan saiz pegawai yang sebaik-baiknya bagi keperluan atau kepentingan kita dengan negara yang berkenaan di mana kedutaan kita itu ditempatkan.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tambahan sama ada masih terdapat kekosongan-kekosongan tertentu yang masih belum diisi di mana-mana perwakilan di seberang laut?

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih ada kekosongan di seberang laut dan kita sedang berusaha untuk mengisikan kekosongan-kekosongan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau akan menimbang semula sebarang bilangan atau saiz perwakilan Malaysia di seberang laut. Sekiranya perwakilan tersebut tidak boleh memainkan peranan untuk mempertahankan kepentingan negara sepertimana yang berlaku baru-baru ini di Amerika Syarikat. Adakah pihak Kementerian Luar Negeri telah mengarahkan baik duta atau pegawai-pegawai kerajaan di sana untuk mempertahankan kepentingan dalam negara kita? Adakah kita berjaya memandangkan Amerika Syarikat telah menyiasat

Petronas dan juga resolusi yang dibuat oleh tiga puluh empat ahli Congressmen, di Congress yang mengutuk Perdana Menteri, kalau tidak berjaya adakah kita menimbang untuk meminta mereka pulang?

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu agak terkeluar sedikit daripada soalan asal, tetapi saya sedia untuk menjawabnya.

Yang pertama, jika sekiranya kedutaan itu dianggap tidak penting lagi bagi sebuah negara, bukan kerana peranan kita, tetapi boleh jadi kerana ada pertukaran-pertukaran fakta-faktor geopolitics, maka kita bersedia mengubahkan kedutaan kita itu ke tempat lain, seperti yang biasa berlaku di sebuah negara di Afrika.

Yang keduanya, daripada segi peranan pegawai-pegawai kita, saya tidak ragu-ragu untuk menyatakan di sini bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab serta peranan pegawai-pegawai kita di luar negeri khususnya duta-duta kita untuk mempertahankan kepentingan negara Malaysia bila-bila sahaja, mereka bukanlah bekerja hanya sekadar pada waktu 8.00 pagi hingga 4.00 petang, tetapi boleh dikatakan 24 jam. Mereka juga sentiasa diberi taklimat, dimaklumkan tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di Malaysia dan di samping itu juga kementerian sentiasa memaklumkan kepada mereka tentang pendirian yang diambil oleh kerajaan kita atas isu-isu penting antarabangsa. Maklumat yang kita berikan itu tidak semestinya kepada negara yang berkenaan, tetapi negara lain juga. Apa yang berlaku misalnya berkaitan dengan hal mata wang atau krisis yang berlaku ini. Ini pun kita telah

maklumkan kepada semua pegawai kita dan apa juga yang sedang berlaku dalam hal yang berkaitan dengan isu-isu usul Kongress dan juga yang berkaitan dengan ura-ura tindakan Amerika berkaitan dengan pelaksanaan sekatan di bawah ILSA yang dikenali juga dengan nama 'The Mateo Act' itu pun kita telah maklumkan kepada pegawai kita di tempat-tempat lain, kerana isu yang berkaitan ini juga adalah isu yang penting seperti isu untuk mengenakan sekatan ke atas Petronas. Ini bukan hanya isu antara Malaysia dengan Amerika Syarikat, tetapi ini adalah satu isu antarabangsa yang telah menarik perhatian seluruh dunia dan kita memang tahu pendirian negara-negara yang lain. Jadi, soal kita mempertahankan kedudukan kita itu adalah tetap, tetapi kalau Amerika masih beria-ia sangat hendak menjalankan tindakan mereka, itu adalah satu perkara yang menjadi keputusan mereka. Walau bagaimanapun kita tetap akan mempertahankan kedudukan kita, kerana isu yang berlaku itu ada hubung kait dengan maruah, kedaulatan dan martabat bangsa kita.

Berkaitan dengan usul yang akan dikemukakan nanti dalam Dewan ini, saya tidak suka hendak bercakap panjang mengenai perkara ini kerana segala kesempatan diberikan untuk membahaskan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) tidak hadir].

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) - PENERBITAN
BUKU-BUKU BERMUTU BAHASA MELAYU**

3. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah] minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa:

- (a) memandangkan kerajaan giat meningkatkan dan menggalakan penerbitan buku-buku bermutu di dalam Bahasa Melayu dan juga terjemahan buku-buku terkemuka, bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mampu berbuat demikian kerana kebanyakan buku-buku DBP mempunyai kualiti rendah (dari segi muka buku yang dibuat dari kertas nipis dan juga kertas berkualiti rendah); dan
- (b) keadaan pasaran buku-buku penerbitan DBP yang kurang menyerlah, apakah yang telah dibuat oleh DBP untuk memperbaiki kedudukan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan program peningkatan buku secara terancang berasaskan matlamat 70% komersial dan 30% sosial dalam usaha memasyarakatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu. Bagi memastikan harga yang berpatutan, jenis kertas yang digunakan diubahsuai mengikut pasaran tanpa menjejaskan mutu isi kandungan. Dewan Bahasa dan Pustaka merancang penerbitan 3,397 judul bagi tempoh 1996 - 2000 dalam semua bidang dan peringkat.
- (b) Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku yang boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu buku teks, buku bacaan umum dan buku pengajian tinggi. Buku teks dan buku

bacaan umum dapat dijual dengan memuaskan. Bagaimanapun buku pengajian tinggi jualannya sangat terhad kerana pasarannya kecil. Namun begitu, Dewan Bahasa dan Pustaka perlu menerbitkan buku ini untuk memenuhi tanggungjawab sosial memandangkan penerbit swasta tidak menerbitkannya kerana tidak menguntungkan.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah meningkatkan promosi buku-bukunya melalui iklan akhbar dan menerbitkan katalog dan brosur. Bahan-bahan perserantaan ini dihantar kepada perpustakaan awam dan swasta, dan juga orang perseorangan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah membuka 6 buah galeri buku di mana pembeli boleh membeli buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka. Di Sabah dan Sarawak, pembeli boleh mendapatkan buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka di kedai cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka akan menambahkan pusat-pusat jualan bukunya terutama di Kuala Lumpur.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita dapati banyak buku dari luar negara seperti Indonesia yang dipasarkan di dalam negara kita. Jadi, adakah buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan

Pustaka dapat kita pasarkan di luar negara seperti di Brunei, Singapura dan Indonesia?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, khusus dengan Indonesia kita ada satu persefahaman melalui satu perjanjian yang telah ditandatangani dan kita sentiasa cuba berikhtiar dan berusaha untuk membolehkan buku-buku kita memasuki pasaran di Indonesia. Walaupun ada sedikit sebanyak kemajuannya, tetapi pada hemat saya ianya perlukan usaha-usaha yang lebih banyak lagi untuk melihat lebih banyak lagi buku kita kedapatan di pasaran di Indonesia. Begitu juga di kawasan-kawasan atau di negara-negara yang disebutkan itu.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dewan Bahasa dan Pustaka telah banyak menterjemahkan buku-buku ilmiah, jadi saya ingin tahu dari Timbalan Menteri apakah pembahagian kerja antara Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang ini bersama dengan Institut Terjemahan Negara, bagaimanakah susunannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang Dewan Bahasa dan Pustaka bekerja rapat dengan Institut Terjemahan Negara dalam banyak perkara. Apabila sampai kepada hendak membuat kerja-kerja menterjemahkan buku-buku, kita harap dengan cara itu lebih banyak lagi kita dapat terjemahkan di masa-masa yang akan datang.

PEJABAT KEMENTERIAN DI SARAWAK - CADANGAN PENUBUHAN

4. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, berikutan pembangunan industri yang pesat di

Bintulu, adakah kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk membuka sebuah pejabat di Bintulu. Jika ada, bila. Jika tidak, mengapa. Tidakkah pejabat kementerian di Sarawak menghadapi kekurangan kakitangan untuk mengendali skop kerja seluruh Sarawak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang mempunyai rancangan untuk membuka lebih banyak pejabat cawangan Jabatan Alam Sekitar di Sarawak termasuk Bintulu.

Kementerian memang sedar bahawa terdapat kekurangan sumber tenaga kerja bagi pengurusan alam sekitar kerana penambahan beban tugas di Jabatan Alam Sekitar Sarawak pada masa akhir-akhir ini. Bagi mengatasi masalah ini, kementerian ini sedang berusaha untuk menambah bilangan tenaga kerja untuk ditempatkan di Jabatan Alam Sekitar Sarawak.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana tidak ada Pejabat Kawalan Alam Sekitar di Bintulu sekarang, bagaimanakah caranya kementerian mengawasi masalah alam sekitar di Bintulu dan bilakah usaha penguatkuasaan alam sekitar di Bintulu akan dipertingkatkan?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, pengurusan adalah dibuat di Kuching, ibu negeri Sarawak.

**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU - TEMPOH
PERKHIDMATAN TENTERA**

5. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah] minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa lama lagi tentera-tentera di negara ini dikehendaki berkhidmat di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina; dan
- (b) kehadiran tentera-tentera negara ini adakah semuanya dibiayai oleh PBB. Berapa jumlah semua perbelanjaan sepanjang tahun 1996 dan berapa ramai anggota terlibat.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Pengaman Tentera Malaysia akan berada di Bosnia-Herzegovina sehingga bulan Jun 1998.

Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia di bawah UNPROFOR pada tahun 1994 dan 1995 adalah dibiayai oleh PBB. Sejak tahun 1996 perbelanjaannya adalah dibiayai oleh kerajaan kita sendiri dengan jumlah sebanyak RM166.7 juta. Bilangan anggota yang terlibat bagi tahun 1996 ialah seramai 2111 anggota.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berapa ramai tentera kita yang gugur semasa berkhidmat di negara Balkan itu dan apakah jaminan masa depan kepada keluarga mereka ini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka tepat berkenaan jumlah anggota kita yang gugur semasa berkhidmat di Bosnia-Herzegovina. Walau bagaimanapun saya akan memberikan jumlah itu kepada Yang Berhormat kemudian. Tetapi berkenaan

dengan kebajikan, tiap-tiap ahli yang gugur di dalam perkhidmatan mereka, kebajikan keluarga mereka akan dijaga sehingga akhir hayat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan peralatan yang digunakan di Bosnia-Herzegovina adalah untuk kesesuaian tempat di Bosnia itu sendiri.

Saya ingin tahu apabila tentera kita terpaksa balik ke negara ini menjelang bulan Jun 1998 nanti, peralatan-peralatan yang digunakan seperti trak, kereta kebal dan sebagainya, bagaimana caranya hendak dibawa balik ke Malaysia dan perancangan daripada Kementerian Pertahanan untuk pengubahsuaian?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, segala peralatan yang kita gunakan adalah peralatan yang boleh digunakan untuk keadaan yang multipurposed, oleh itu ia akan dibawa pulang.

PROJEK KLIA/MENARA KEMBAR PETRONAS/BAKUN - MENGURANGKAN PENGGUNAAN KOMPONEN LUAR

6. Tuan Abdul Aziz bin Yassin [Muar] minta Menteri Kerja Raya menyatakan komponen-komponen luar dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Menara Kembar Petronas dan Bakun dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan komponen-komponen luar di dalam pembinaan dapat dikurangkan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komponen luar dalam projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur adalah komponen-komponen peralatan, perkakasan dan perisian komponen yang tidak terdapat dalam negara. Komponen-komponen ini diperlukan untuk memastikan

perkhidmatan KLIA mencapai taraf antarabangsa dengan sistem pengendalian yang terkini dan canggih. Dalam hubungan ini saya ingin juga memaklumkan bahawa KLIA Berhad telah mewujudkan satu jawatankuasa 'Bahan Binaan' yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan KLIAB untuk memastikan bahan binaan dan peralatan yang hendak digunakan adalah daripada sumber tempatan.

Bagi projek Menara Kembar Petronas pula, ia membabitkan kira-kira 36 peratus komponen luar. Langkah mengawal dan seterusnya mengurangkan lagi penggantungan kepada komponen luar adalah dengan menggalakkan pengilang-pengilang terlibat yang membekalkan komponen kepada projek ini dan membuka kilang mereka di Malaysia. Contohnya, syarikat membuat lif iaitu 'Otis' telah memperbesarkan kilangnya di Pulau Pinang untuk tujuan mengeluarkan dan membekalkan komponen kepada projek Menara Kembar Petronas.

Mengenai projek Hidroelektrik Bakun pula, adalah dianggarkan 60% komponen luar digunakan. Bagi mengurangkan komponen luar di dalam pembinaan projek ini, kerajaan telah mengenakan syarat kepada kontraktor Engineering, Procurement dan Construction (EPC) supaya mendapatkan komponen tempatan sekurang-kurangnya sebanyak 40 peratus. Sekiranya komponen yang diperlukan tidak dikeluarkan di dalam negeri, kontraktor EPC diminta berbincang dengan syarikat tempatan mengenai kebolehan mereka mengeluarkan komponen tersebut. Kontraktor EPC diminta mengadakan perbincangan dan melawat syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai potensi untuk memulakan pengeluaran peralatan yang diperlukan.

Beberapa perbincangan di antara kontraktor EPC dan syarikat telah diatur untuk mengenalpasti peralatan yang akan dikeluarkan dan jadual pengeluarannya. Antara peralatan berpotensi yang dikaji ialah turbines, generators, transformers, convertor stations, valves, swithgears, insulators dan submarine cables, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa mengawasi kesemua projek pembinaan untuk memastikan keutamaan adalah diberi kepada penggunaan sumber tempatan. Hanya sekiranya sumber tempatan tidak boleh diperolehi, atau tidak mudah dikeluarkan, barulah penggunaan komponen luar dibenarkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadang-kadang kerajaan cuba mengawal supaya komponen-komponen luar tidak diguna di dalam kita membina bangunan-bangunan dan lain-lain jenis perniagaan. Adakah Yang Berhormat sedar juga kadang-kadang kita menggunakan konsultan-konsultan dari luar negara dan mereka ini seringkali menetapkan jenis-jenis barang yang perlu digunakan dengan alasannya barang-barang ini memang sesuai untuk bangunan yang sedemikian rupa. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah konsultan-konsultan luar ini masih kita perlukan, sedangkan kita telah merdeka berpuluh tahun. Adakah kita mengawal konsultan-konsultan luar ini supaya di masa-masa yang akan datang mereka tidak membuat sokongan terhadap barang-barang terutama sekali barang-barang yang datang dari negara mereka? Ini terbuka kita lihat. Contohnya Jepun apabila dia datang, mereka membawa

daging dari Jepun dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memastikan kawalan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jurutera-jurutera perunding yang telah kita guna pada masa yang lalu bukannya digunakan sekali lagi. Banyak di antara syarikat dari luar negeri telah menjadi rakan kongsi kepada syarikat-syarikat tempatan. Oleh kerana itu saya percaya kita telah mengatasi masalah itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jikalau ada kerja-kerja di mana kita suka mendapat kepakaran yang tinggi barulah kita menggunakan jurutera-jurutera perunding atau juru perunding dari luar, sekiranya kita tidak dapat dari negeri sendiri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang saya terima tiap-tiap projek yang besar mempunyai keperluan service kepada projek tersebut sekurang-kurangnya 5% daripada nilai harga projek. Umpamanya service kepada pengangkutan (transportation), shipping, forwarding dan sebagainya. Yang satu lagi ialah insurans. Kalau mega projek seperti Bakun umpamanya, saya telah dimaklumkan insurannya iaitu tidak kurang daripada RM700 juta. Jadi, jika dijumlahkan semua service yang dikehendaki untuk projek mega ini tidak kurang daripada RM1 bilion hingga RM1.8 bilion. Kalau perkara sedemikian betul-betul berlaku, mungkin insurance industry yang ada pada masa sekarang tidak mencukupi. Jadi kita menggunakan Llyod Insurance dan sebagainya.

Mengenai pengangkutan, shipping, forwarding, kemungkinan kita tidak mempunyai kemudahan yang secukupnya, umpamanya kita menggunakan Water Ride, Mammoth dan sebagainya. Soalannya macam manakah kerajaan hendak mengatasi supaya jangan banyak sangat perkhidmatan ini disalurkan ke luar negeri sebagaimana ditetapkan dalam EPC kontrak?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pengangkutan dan juga insurans menjadi satu komponen yang penting dalam kontrak-kontrak yang kita sediakan kepada mana-mana kontraktor.

Di dalam projek-projek besar seperti saya kata tadi, projek KLIA dan projek-projek yang lain, kita memerlukan satu jumlah komponen yang besar ada dibelanjakan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah mengambil beberapa tindakan untuk menggunakan syarikat insurans tempatan dan juga Syarikat Perkapalan Malaysia. Selain daripada itu perkhidmatan syarikat-syarikat tempatan yang lain juga kita guna.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah invisible spending. Ia sudah selesai, tidak payah kita takut lagi.

TENAGA SURIA BAGI PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR - PENGGUNAAN

7. Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, memandangkan sistem membekalkan elektrik menggunakan tenaga suria (solar energy) didapati bukan sahaja memuaskan tetapi juga “environment friendly” adakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan kegunaan tenaga suria untuk Projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) khususnya di kampung-kampung di pedalaman yang jauh dari sistem grid.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik luar bandar boleh dibekalkan melalui pelbagai cara sama ada melalui sistem grid ataupun sistem alternatif yang lain bergantung kepada lokasi sesebuah kampung, kemudahan perhubungan ke kampung berkenaan, bilangan pengguna dan potensi pembangunan kampung berkenaan.

Sistem solar menjadi pilihan sistem bekalan elektrik alternatif bagi kawasan-kawasan terpencil di pedalaman yang terlalu sukar dihubungi sama ada melalui jalan darat mahupun air. Secara perbandingannya, hasil penilaian ke atas sistem solar yang telah dijalankan secara perintis di 13 buah kampung-kampung pedalaman, sistem ini memang diakui 'environment friendly' kerana ia tidak mencemarkan alam sekitar dari segi merosakkan keadaan muka bumi ketika membinanya, tidak membawa bau diesel yang busuk dan tidak bising dengan bunyi enjin. Hasil dari itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Kampung-kampung yang sesuai telah dikenalpasti untuk dibekalkan dengan sistem solar dan pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, sistem membekalkan elektrik dengan menggunakan tenaga suria ini adalah satu sistem yang baru. Jadi, kita belum pasti siapa yang akan bertanggungjawab mengenai penyelenggaraannya.

Soalan tambahan saya, siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara (maintain) sistem membekalkan elektrik menggunakan tenaga suria ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang membekalkan merekah yang akan bertanggungjawab. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah rancangan kementerian untuk memberikan bekalan elektrik kepada semua rumah panjang, kampung-kampung dan perkampungan Melayu di kawasan pantai di seluruh Sarawak yang telah lama ditunggu oleh penduduk-penduduk?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai rancangan untuk meliputi semua kawasan di tanahair kita ini termasuk banyak kawasan di Sarawak. Tempoh masa ini kita jangka dalam tahun 2010 kita akan mencapai 95% hingga 99%, kita berdoa kepada Tuhanlah. *[Ketawa]*

BENIH PADI BAKA BARU - JUMLAH PELADANG MENERIMA PAKAI

8. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian menyatakan berapa ramaikah peladang-peladang telah menerima pakai benih padi baka-baka yang baru diisytiharkan dan berapa luaskah kawasan sawah yang telah ditanami.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak dua tahun yang lalu tiga variety benih padi baru

telah diisytiharkan. Dua variety iaitu MR 159 dan MR 167 telah diisytiharkan pada 19 Januari 1996 manakala variety MR 185 telah diisytiharkan pada 15 Julai 1997.

Sehingga kini, seramai 12,055 petani telah menerima pakai variety MR 159 dan MR 167 dengan melibatkan kawasan tanaman seluas 12,150 hektar. Bagi variety MR 185 pula, bekalan benih akan mula diedarkan kepada petani-petani dalam tahun 1998.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya variety padi yang diperkenalkan terlalu banyak. Sehubungan dengan itu saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi kawasan MADA variety manakah yang paling sesuai sekali untuk ditanam di kawasan MADA dan apakah jangkaan pihak kementerian di segi yieldnya supaya ini dapat meyakinkan petani-petani dalam kawasan MADA.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, di kawasan MADA variety yang telah diedarkan ialah MR 84 sebab dari segi ketahanan rintangan terhadap penyakit adalah begitu baik sekali. Dari segi pengeluarannya (yield) agak tinggi melebihi 7 tan satu hektar optimumnya. Kalau dari segi peralatan pula, di segi mudah pecah (broken drain) itu kurang, ia tahan pecah dan juga hasilnya tinggi.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada angka yang disebutkan tadi, saya merasa kurang puas hati sebab sejak dua tahun baru lebih kurang 12,000 hektar sahaja peladang-peladang yang

menggunakannya. Apakah galakan ataupun usaha kerajaan apabila memperkenalkan satu-satu benih yang baru dengan menyediakan secukupnya benih untuk ditanam barulah kemajuan pertanian di negara ini lebih terjamin, sebab kalau kita biarkan sahaja orang kampung membeli dan menukar, maka lambatlah. Sebelum setengah orang menggunakannya sudah jenis padi baru pula diperkenalkan. Jadi berapa luaskah kawasan pengeluaran benih padi untuk dibekalkan kepada peladang-peladang, setidak-tidaknya sekali benih padi itu diperkenalkan, setengah daripada kawasan padi di seluruh negara kita ini dapat benih padi baru untuk ditanam.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan variety ini kita tidak perlu tukar disebabkan ada variety baru. Yang dikeluarkan baru ini adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai masalah penyakit daun dan juga serangan penyakit daun-daun. Jadi, sekarang ini kita gunakan MR 84 iaitu benih padi yang begitu baik sekali di segi performancenya atau di segi prestasinya. Ini adalah satu cara untuk memperluaskan variety ataupun meluaskan pemilihan benih itu. Perkara ini kementerian selalu lakukan dan tidak variety yang baru diadakan, ia adalah untuk kemungkinan sesuatu rancangan terhadap sesuatu kawasan.

RUMAH KEDIAMAN/RUANG NIAGA - UNJURAN

PENAWARAN

9. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah unjuran penawaran untuk rumah-rumah kediaman dan ruang niaga bagi tahun 1998, 1999 dan 2000. Apakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa pasaran

hartanah di Malaysia terutama sektor kondominium dan ruang pejabat mengalami lebih penawaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, adalah diunjurkan bahawa penawaran untuk rumah-rumah kediaman adalah lebih kurang 162,631 unit pada tahun 1998; 159,999 unit pada tahun 1999 dan 140,000 unit pada tahun 2000. Bagaimanapun kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai ruang niaga oleh kerana ini bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Pada awal 1997, kerajaan mengenakan syarat bahawa hanya rumah yang berharga lebih daripada RM250,000 boleh dijual kepada warganegara asing dengan dikenakan levi sebanyak RM100,000 bagi setiap pembelian. Sedikit sebanyak tindakan ini telah memberi kesan kepada jumlah bilangan yang dibeli oleh warganegara asing yang mengekalkan lebihan penawaran. Adalah diandaikan setelah levi ini dibatalkan pada pertengahan atau akhir tahun 1997 jumlah lebihan rumah kos tinggi ini akan berkurangan. Selain dari itu lebihan penawaran ini boleh dikaitkan juga dengan jumlah rumah kos sederhana yang telah siap dibina berbanding dengan jumlah rumah kos tinggi. Sebagai contoh perbezaan secara accumulative di antara dua jenis rumah ini telah meningkat daripada lebih kurang 44,000 unit pada tahun 1990 kepada lebih kurang 98,000 unit pada tahun 1996. Sebahagian besar keperluan rakyat tempatan dipenuhi melalui pembelian rumah kos sederhana yang bermakna mereka tidak lagi terpaksa membeli rumah kos tinggi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dengan berlebihan rumah-rumah kos tinggi ini dan yang banyak membelinya adalah warganegara Singapura, apakah kerajaan tidak memikirkan dari segi sudut sosio ekonomi pada masa yang akan datang iaitu warganegara asing begitu banyak memiliki rumah-rumah mewah dan rakyat sendiri tidak dapat memiliki rumah. Jadi, apakah langkah kerajaan hendak kontrol perkara ini di masa akan datang?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana adalah perniagaan dan kerajaan tidak mengenakan sekatan-sekatan yang akan menyusahkan perniagaan oleh kerana perniagaan adalah bergantung kepada permintaan dan bekalan. Bagaimanapun kerajaan pada keseluruhannya telah memberi penekanan kepada pembinaan rumah kos sederhana dan rumah kos rendah. Bagi rumah-rumah kos rendah sudah dikenalpasti cara dan bagaimana kita hendak mengatasinya dengan penubuhan Syarikat Perumahan Negara. Bagi pembinaan rumah-rumah kos sederhana dianggarkan keadaan pasaran sendiri akan menentukan kedudukan sebenar.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kadar cukai keuntungan hartanah bagi rakyat asing telah dibuat oleh kerajaan dan juga levi RM100,000 telah dihapuskan. Jadi, soalan tambahan saya, sehingga hari ini adakah kementerian dapat atau terlihat tanda-tanda yang menunjukkan minat rakyat asing memiliki hartanah di negara kita, jikalau tidak ada apa sebabnya?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak mempunyai petanda-petanda yang boleh menunjukkan gambaran yang sebenar oleh kerana keadaan ekonomi semasa masih dalam peringkat awalan, kita akan dapat mengetahui keadaan sebenar dalam jangka masa yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yunus bin Rahmat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan. Baris kelima selepas BSN ialah 'BSN Komersial'.

TABUNG AMANAH EKONOMI BELIA - JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN

10. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kedudukan Tabung Amanah Ekonomi Belia, jumlah pemohon dan kelulusan, peruntukan telah dikeluarkan hingga Jun 1997 mengapakah berlakunya kerenah birokrasi di antara pejabat-pejabat belia daerah, negeri, kementerian dan pihak BSN Komersial di dalam meluluskan permohonan dan kadar pinjaman dipohon termasuk lewat bayaran dikeluarkan serta langkah mengatasinya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 1997 kedudukan Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia adalah seperti berikut:

Jumlah pemohon	-	4,425 orang
Jumlah permohonan yang telah diluluskan	-	2,240 orang
Peruntukan yang telah diluluskan	-	
RM33,835,914.00		

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia menyediakan kemudahan pinjaman kepada Usahawan Belia

secara mudah dan murah. Semua peringkat baik daerah, negeri dan kementerian memainkan peranan bagi menjayakan program tersebut. Kerendah birokrasi tidak timbul dengan syarat permohonan yang diterima lengkap dan mematuhi syarat pinjaman yang ditetapkan. Selain daripada itu permohonan yang diterima lengkap adalah mudah untuk dibuat kajian dan keputusan bagi melahirkan usahawan yang benar-benar berdayamaju dan bertanggungjawab terhadap pinjaman yang dikeluarkan.

Walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa peka dan berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk mempercepatkan pemerosesan permohonan bagi maksud memberi kepuasan kepada semua pihak. Kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti memberi penerangan mengenai Skim Pinjaman Tabung Ekonomi Belia kepada belia-belia yang berminat, mengubahsuai borang-borang permohonan, melonggarkan syarat pinjaman, membuat pertimbangan permohonan di peringkat negeri dan mengadakan kerjasama dengan BSN Commercial Bank mulai 1 Ogos 1997. Dengan usaha ini adalah diharapkan segala program Tabung Ekonomi Belia dapat dipertingkatkan demi faedah dan kepentingan usahawan belia keseluruhannya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada dasarnya kita memang bersetuju dengan cara bertindak pihak kementerian, pejabat belia negeri dan sebagainya. Tetapi apa yang menjadi rungutan, apabila permohonan itu dikemukakan sehingga enam bulan pun tidak ada jawapan lagi sama ada ditolak atau diterima. Jadi, bagaimanakah keadaan

ini berlaku dalam satu kementerian yang begitu sofistikated, yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang canggih dan sebagainya.

Saya ingin tahu sebenarnya berapa lama tempoh daripada permohonan yang diterima yang lengkap, yang tidak lengkap itu kita cannelkan ke sebelah kiri, tetapi ini yang di sebelah kanan maknanya permohonan yang lengkap bila sebenarnya. Apakah piagamnya bahagian ini supaya permohonan-permohonan ini dapat diproses dengan baik dan pemohon tidak terkeliru?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada makluman yang disuarakan oleh Yang Berhormat. Saya rasa hairanlah apabila dikatakan enam bulan tidak ada jawapan langsung, adakah diterima ataupun tidak.

Sebenarnya kementerian saya telah mengambil perhatian yang cukup serius atas pemerosesan permohonan-permohonan untuk tabung ini. Jadi, kalau ada kes-kes seperti ini silalah beritahu saya ataupun pegawai-pegawai kementerian. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, selepas beberapa bulan ataupun dua tahun perkara ini dijalankan, pemerosesan permohonan seperti apa yang telah saya katakan, telah dilicinkan dan pada biasanya kalau borang itu diisi dengan lengkap dan semua yang diminta pun telah diberi dengan lengkap, permohonan itu boleh diproses dan diluluskan dalam tempoh dua-tiga tahun. Kadang-kadang dua-tiga bulan pun boleh diluluskan.

Sebelum BSN Commercial Bank masuk berkerjasama dengan kementerian supaya kita dapat melicinkan lagi pemerosesan dengan cara profesional, kementerian juga telah membuat keputusan supaya kita dapat

mempertimbangkan permohonan dan meluluskan permohonan di peringkat negeri, tidak payah dihantar ke kementerian - itu melicinkan. Jadi, semua langkah telah diambil, tetapi saya hairan apabila mendengar bahawa sepanjang enam bulan pun tidak ada jawapan, sila beritahu!

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak kementerian memberi arahan-arahan tertentu kepada Tabung Amanah Ekonomi Belia kepada BSN Commercial Bank ke atas pemohon-pemohon Tabung Amanah Ekonomi Belia ini, kerana kalaulah diikutkan syarat-syarat standard, kriteria bank dengan izin, Five C yang telah ditetapkan oleh komersial bank, maka adalah amat rumit bagi belia-belia untuk melayakan bagi mendapatkan pinjaman ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian telah mengadakan perbincangan yang panjang lebar dengan bank berkenaan iaitu BSN supaya pemerosesan permohonan itu dapat dimudahkan dan dicepatkan tidak mengikut sangat standard-standard kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak lain. Jadi, ini adalah mengikut objektif untuk mengadakan tabung ini, iaitu seperti apa yang saya katakan memberikan peluang dan juga pinjaman kepada usahawan-usahawan belia yang berpotensi supaya mereka dapat pinjaman yang mudah dan murah. Ini adalah objektifnya. Jadi, tidak bimbanglah, kita akan memperbaiki lagi sekiranya keadaan sekarang ini tidak cukup baik.

**SYARIKAT IDRIS HYDRAULIC DI KENINGAU - PENGLIBATAN
MENCURI KAYU BALAK**

11. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Syarikat Idris Hydraulic itu sendiri atau ejennya terlibat dalam perbuatan mencuri kayu balak milik Syarikat Idris Hydraulic di Keningau, Sabah, kerana hasil daripada penangkapan yang dibuat oleh pihak Polis Sabah itu menunjukkan kegiatan pencurian tersebut dijalankan secara terancang dan terbuka; dan
- (b) adakah terdapat mana-mana pembesar negeri Sabah terlibat dalam membenarkan kegiatan pencurian itu dijalankan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin

Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara ini masih dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah.
- (b) Pihak-pihak yang terlibat hanya akan diketahui setelah selesai siasatan dijalankan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.....

Seorang Ahli: Soalan!

Tuan Yunof Edward Maringking: Pada bulan Jun yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan bahawa ada beberapa pemimpin negeri Sabah yang terlibat mencuri balak. Jadi, soalan tambahan saya adalah adakah kementerian ataupun pihak Perdana Menteri mempunyai bukti yang kukuh dan kalau ada mengapa begitu lambat untuk

mengambil tindakan dan membawa mereka yang terlibat itu ke muka pengadilan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan tadi perkara ini masih dalam siasatan dan apabila selesai maka kita akan dapat mengetahui butiran berkenaan dengan siasatan tersebut.

UNIVERSITI SWASTA/KEMBAR/ANTARABANGSA - GALAKAN PENUBUHAN

12. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah di dalam keghairahan dan galakan penubuhan universiti swasta/kembar/antarabangsa, pihak kerajaan telah mengambil kira dan iktibar pelbagai persoalan penting dan asasi dalam keputusan penghakiman cadangan penubuhan Universiti Merdeka dahulu. Justeru itu, adakah kerajaan bercadang mengeluarkan Kertas Putih sebagai langkah bahawa kerajaan sepenuhnya bertanggungjawab dari segi jangka pendek dan jangka panjang di atas segala tingak tanduknya dalam konteks yang berkaitan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil kira semua aspek dan implikasi dalam memproses semua permohonan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta khususnya universiti swasta. Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk meneliti penubuhan dan perkembangan IPTS, universiti swasta, program berkembar, cawangan Universiti Antarabangsa dari segi jangka pendek dan jangka panjang. Akta IPTS memperuntukan bahawa setiap permohonan untuk menubuhkan universiti swasta hendaklah di atas pelawaan Menteri Pendidikan. Ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa mengawal dan mengambil kira segala aspek sebelum meluluskan penubuhan sesebuah universiti swasta.

PEMUPUKAN SEMANGAT PATRIOTIK/BERBUDAYA MALAYSIA DAN BERMORAL TINGGI DI KALANGAN REMAJA

13. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah tindakan dan perancangan bersepadu yang diambil oleh kementerian untuk menyemai nilai kesedaran yang bersemangat patriotik, berbudaya Malaysia dan bermoral tinggi di kalangan para remaja yang merupakan generasi pelapis yang akan merealisasikan Wawasan 2020; dan
- (b) adakah keadaan para remaja kini bersedia memikul tanggungjawab yang dibebankan di bahu mereka dengan adanya segelintir remaja masih alpa, terumbang-ambing terlibat dalam gejala sosial yang tidak sihat di mana tidak sensitif terhadap kemajuan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan akan terus melaksanakan program-program ke arah pembentukan generasi muda yang dinamik, kreatif, bersemangat patriotik, berwawasan dan berbudaya tinggi berasaskan kepada penguasaan ilmu, kemahiran dan teknologi tinggi ke arah penyediaan generasi pelapis yang akan merealisasikan Wawasan 2020. Beberapa program teras kementerian ialah:

- Program Jatidiri Kepimpinan
- Program Pembangunan Latihan dan Kemahiran
- Program Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan
- Program Pembangunan Sahsiah
- Program Penjalinan Sosial dan Antarabangsa
- Program Khidmat Sosial Negara
- Program Rakan Muda

Tuan Yang di-Pertua, melalui program-program ini nilai-nilai murni ke arah pembentukan perilaku yang baik untuk golongan belia dimasukkan sebagai teras utama sewaktu pelaksanaannya. Kementerian Belia dan Sukan amat yakin dan percaya bahawa belia-belia hari ini mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dengan semangat, bimbingan dan panduan dari pemimpin-pemimpin yang sedia ada sekarang. Tanggungjawab dan komitmen pemimpin-pemimpin yang berjaya pada hari ini amat diharapkan bagi kesinambungan pimpinan negara dan pembangunan manusia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial di kalangan remaja yang berlaku sekarang ini tidak membimbangkan di mana mengikut kajian Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1994 hanya 4% daripada belia-belia yang terlibat dalam unsur-unsur negatif. Kementerian Belia dan Sukan dalam menjalankan peranannya bagi mengukuhkan pertubuhan serta mengenalpasti program dan aktiviti yang relevan untuk golongan belia. Di bawah strategi baru Kementerian Belia dan Sukan, program dan aktiviti akan ditumpukan kepada tempat-tempat di mana ramai kedapatan kelompok-kelompok belia seperti di kilang-kilang, institusi-institusi pengajian tinggi, kawasan-kawasan perumahan, rancangan tanah dan pusat membeli-belah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan yang saya percaya telah banyak berusaha untuk menentukan bahawa warisan ataupun masyarakat yang akan mendukung cita-cita murni bangsa di masa akan

datang mempunyai satu semangat yang betul-betul mantap untuk kebahagiaan Malaysia.

Persoalan saya ialah kita dengar bahawa ada ura-ura kementerian akan mewujudkan penubuhan, dengan izin, National Service. Dalam konteks ini tidakkah kementerian selain dari usaha yang telah dilakukan, wajarnya diwujudkan National Service ini memandangkan pada masa kini masih banyak lagi gejala yang tidak begitu sihat. Jadi, adakah dengan mengadakan National Service ini sebagai satu compulsory kepada belia-belia untuk menekankan satu komitmen kepada negara?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya isu National Service itu diwujudkan secara compulsory bukanlah satu isu yang baru. Program ini kuasanya bukan kepada Kementerian Belia dan Sukan tetapi kementerian lain.

Sebenarnya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukannya National Service, tetapi Program Khidmat Sosial Negara. Program Khidmat Sosial Negara dianggotai oleh pelajar-pelajar yang baru keluar dari bangku sekolah. Mereka akan diminta supaya menyertai satu kursus sepanjang enam minggu di tempat tinggal mereka supaya mereka diajar nilai-nilai yang positif dan murni sebelum mereka keluar bekerja di mana-mana tempat yang mereka akan bekerja. Itu bukan Khidmat Sosial Negara. Ini ada sedikit elemen, ada persamaan sedikit dengan National Service dalam rancangan itu. Sebenarnya ia bukan satu program National Service.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat apabila kita bercakap fasal belia, kita bercakap juga tentang pelajar-pelajar (students). Walaupun Kementerian Pendidikan juga menjalankan aktiviti iaitu aktiviti summer camp, kerana kita lihat pada hari ini banyak syarikat swasta menganjurkan summer camp dengan bayaran yang agak mahal, yang tidak berkemampuan oleh setengah-setengah keluarga.

Adakah Kementerian Belia dan Sukan ini bersama dengan Kementerian Pendidikan, pool resources, adakan summer camp ini setiap penggal cuti sekolah, supaya kita dapat mengasuh penuntut-penuntut ini menjadi rakyat yang bertanggungjawab, jangan apabila mereka keluar sekolah, mereka sudah bekerja di kilang dan sebagainya baru kita hendak latih. Di masa cuti sekolah ini mereka tidak membuat apa-apa kerja, kadang-kadang mereka berehat ataupun selepas menduduki peperiksaan. Jadi, kedua-dua kementerian ini patut berkerjasama dan membuat kursus ataupun summer camp di setiap negeri supaya ini dapat mengatasi masalah-masalah gejala sosial di peringkat belia dan sebagainya.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang positif dan konstruktif. Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya sentiasa berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sesuatu program dan kami berharap bahawa tahap kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Berkenaan dengan summer camp yang begitu mahal. Sekarang ini kita telah pun mengadakan beberapa program melalui kem untuk pelajar-pelajar dan juga untuk remaja-remaja yang telah keluar dari sekolah. Yuran yang kena dibayar untuk menyertai kem itu adalah murah sekali supaya menggalakkan mereka akan menyertai dengan penuh semangat dan penuh perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui.

[Soalan No. 14 - Y.B. Puan Chua Soon Bui (Tawau) tidak hadir]

**PERWAJA DI BAWAH PENGURUSAN TAN SRI ERIC CHIA -
LAPORAN TERPERINCI**

15. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah laporan terperinci mengenai permasalahan PERWAJA oleh pengurusan di bawah Tan Sri Eric Chia telah dimajukan kepada pihak BPR untuk bertindak dan sila nyatakan status penyiasatan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, laporan ke atas masalah pengurusan dan status kewangan PERWAJA telah pun dikemukakan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR). Laporan ini telah disediakan oleh syarikat audit bebas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kementerian ini masih belum menerima hasil siasatan daripada BPR. Siasatan masih diteruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa pihak BPR sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawannya telah menghadapi masalah meneruskan siasatan mereka,

di mana antaranya ialah salah seorang saksi adalah datang dari negara Jepun yang enggan berkerjasama dengan BPR. Saya difahamkan saksi ini bernama Encik Eng Utani iaitu seorang pegawai atau jurutera kanan di NKK. Mengapakah pihak kementerian tidak boleh menggunakan pengaruh kerana NKK merupakan seorang kontrak atau pembekal utama kepada PERWAJA, menggunakan pengaruh kementerian untuk memaksa NKK berkerjasama dengan BPR? Kalau NKK enggan berbuat demikian, batalkan kontrak dengan NKK.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan tambahan yang pertama jikalau TPM kata benar, saya pun 'benarlah', kerana Yang Amat Berhormat lebih mengetahui tentang hakikat itu.

Soalan yang kedua mengenai dengan individu yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ada kaitan dengan NKK. Kalau inilah sebenarnya mungkin BPR akan menggunakan kaitan (connection) ini untuk mendapat maklumat daripada individu seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan rela membawa satu kertas putih mengenai perkara ini ke Dewan yang mulia ini dan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan pertanyaan.

Tuan M. Kulasegaran:nampaknya ada gangguan....

Seorang Ahli: Manakam! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, bilakah perkara ini akan berlaku memandangkan kerajaan telah rugi secara terus, indirectly or directly, dengan izin, berjuta-juta malah berbilion-bilion ringgit dan PLUS Highway pun boleh dibiayai dengan free. Oleh itu, saya harap kerajaan dapat membuat perkara ini dengan seberapa segera yang

Seorang Ahli: Soalannya apa?

Encik M. Kulasegaran: saya belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat - cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Cukup!

Seorang Ahli: Duduklah hoi!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah cukup.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Teluk Intan ini dia baru masuk ke dalam Parlimen ini, kita tidak boleh marah pada dialah. *[Ketawa]* Dia ketinggalan zaman sebab perkara kertas putih ini dibangkitkan berpuluh-puluh kali dan kerajaan menyatakan tidak perlu diadakan kertas putih. *[Tepuk]*

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA - KUOTA

16. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa beliau bersetuju dengan usul Pemuda UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun ini mengenakan kuota ke atas institusi pendidikan tinggi swasta dan lojiknya serta bilakah dan peratusan kuota ini yang akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak pernah menetapkan kuota kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi swasta. Apa yang diusahakan oleh pihak kementerian ialah menggalakkan pelajar bumiputera memasuki IPTS seperti menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang akan membuka peluang pinjaman kepada pelajar-pelajar bumiputera memasuki IPTS.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa jumlah IPTS sekarang dan berapa jumlah bumiputera yang diterima masuk belajar pada tahun lepas dan tahun ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah galak sebut angka ini 'empat ratus lima beleh' (415). *[Ketawa]* Penyertaan bumiputera lebih kurang 5%, sudah 10 kali sebut.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sama ada beliau bersetuju bahawa IPTS akan dibenarkan menerima pelajar-pelajar mengikut keperluan, dan kalau ada kuota ini harus mengikut keperluan dan bukanlah mengenakan kuota sepertimana yang dicadangkan oleh usul Pemuda UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO di mana ianya dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan apakah tabung yang telah ditubuhkan oleh IPTS untuk menampung keperluan ini dan bolehkah tabung yang ditubuhkan ini dibuka kepada semua?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka ini tidak suka tengok ramai lagi bumiputera dalam IPTS. *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak ada, ini bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, untuk sementara waktu ini kemudahan itu disediakan untuk pelajar bumiputera sahaja dahulu. Kita tunggulah, sampai masa besok kita timbanglah.

KEBERSIHAN - USAHA KERAJAAN

17. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah pihak kementerian seterusnya dalam menangani masalah kebersihan serta kesedaran terhadap kebersihan di kalangan rakyat negara ini terutama sekali dari segi penyediaan tong-tong sampah di tempat-tempat awam yang dikatakan tidak mencukupi serta tidak mempunyai ciri-ciri yang mudah dan senang untuk diuruskan serta dakwaan dan pendedahan yang dilakukan oleh pihak media tentang sikap sesetengah kontraktor sampah persendirian yang sering membuang sampah-sampah yang dikutip di tempat-tempat yang tidak sepatutnya bagi mengelakkan bayaran yang dikenakan di tempat-tempat pelupusan sampah yang disediakan. Apakah tindakan tegas pihak kerajaan setakat ini bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, dengar macam suara Ela. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan terus berusaha memupuk sikap suka kepada kebersihan di kalangan rakyat dengan menjalankan kempen-

kempen kebersihan yang berterusan. Di samping itu, jika benar tong-tong sampah tidak mencukupi di tempat-tempat awam, kementerian ini akan menasihatkan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan supaya menambah bilangan serta menyediakan tong sampah berkapasiti besar bertujuan menampung jumlah sampah yang lebih banyak. Pihak kementerian ini baru-baru ini telah membuat keputusan untuk menjalankan audit ke atas pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menilai prestasi perkhidmatan mereka khasnya dalam bidang kebersihan dan kecantikan bandar.

Mengenai sikap kontraktor sampah persendirian yang membuang sampah di tempat-tempat yang tidak sepatutnya bagi mengelakkan bayaran di tapak pelupusan, pihak-pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan di bawah kontrak yang telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, kandungan Akta 133 di bawah Fasal 47(1)(a)(b)(d) dan (g) terhadap kontraktor yang terbabit jika kontraktor berkenaan membuang sampah di tempat awam.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 14, 18 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

Bantahan Terhadap Tuduhan Ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat Ke atas Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: akan mencadangkan:-

“**Menyedari** bahawa Malaysia adalah sebuah negara berdaulat dan merdeka yang dibangunkan di atas prinsip demokrasi dan musyawarah;

Menginsafi sifat majmuk masyarakat Malaysia dari segi suku kaum, agama dan kebudayaan di mana rakyat telah hidup bersama dengan aman damai, hormat menghormati dan saling berganding bahu membina sebuah negara yang utuh lagi makmur;

Meyakini bahawa hubungan antara negara-negara perlu mengikut prinsip keadilan, kebebasan, persamaan dan saling hormat-menghormati;

Memaklumi bahawa Malaysia memberi kebebasan kepada rakyatnya memilih pemimpin dan kerajaan menerusi proses pilihan raya yang bebas dan demokratik;

Menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mendukung prinsip perdagangan bebas;

Memandang berat terhadap surat 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat bertarikh 27 Oktober 1997 kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad,

Perdana Menteri Malaysia yang mengandungi tuduhan beliau seorang yang anti-Yahudi serta usul beberapa ahli Kongres di Kongres Amerika Syarikat yang menuntut Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka bersabit tuduhan tersebut atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri;

Kesal dengan usaha Kerajaan Amerika Syarikat untuk menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya (Iran-Libya Sanctions Act) ke atas Petronas yang melabur di dalam industri gas di Iran;

Maka Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan seperti berikut:

1. **Menegaskan** bahawa Malaysia akan terus mempertahankan prinsip menghormati kerukunan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama dan di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad prinsip tersebut terus diamalkan. Selaras dengan dasar yang mengamalkan sikap terbuka, adil dan saksama adalah dinafikan kenyataan bahawa pimpinan negara adalah anti mana-mana kaum termasuk Yahudi;
2. **Membantah** cadangan usul dari beberapa ahli Kongres yang membuat tuduhan melulu dan mempertikai kedaulatan dan hak rakyat dan menuntut masyarakat antarabangsa akur terhadap hak rakyat mana-mana negara menentukan kepemimpinan serta dasar negara masing-masing melalui proses demokrasi dan musyawarah;
3. **Membantah** keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas dalam industri gas di Iran kerana ianya melanggar semangat perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa;
4. **Berusaha** untuk menjamin kesinambungan hubungan baik dengan Amerika Syarikat dalam segala bidang dan berusaha untuk mempertingkatkan hubungan tersebut;
5. **Dan** di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.” *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, usul ini kita kemukakan dengan rasa prihatin bahawa Malaysia adalah negara yang bebas dan merdeka. Malaysia tegak sejak merdeka, mempertahankan prinsip demokrasi. Semangat yang samalah dipertahankan melalui muafakat antara kaum, dan dalam setiap pilihan raya diberikan pilihan kepada rakyat untuk menentukan wakil mereka dan pimpinan mereka. Sebab itulah penegasan kita dalam usul ini ialah tentang semangat dan prinsip amalan demokrasi yang telah dan akan terus kita pertahankan.

Kita juga ingin menegaskan dalam usul ini bahawa Malaysia adalah di antara model dan contoh pengurusan negara dengan menerima kenyataan kepelbagaian kaum, agama, budaya. Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk, dan kalau ada satu-satunya contoh negara di mana semangat perpaduan kaum terjalin, dipupuk dan dipertahankan, Malaysia adalah model dan di antara

model yang kita banggakan. [Tepuk] Bahkan banyak negara yang bicara soal hak asasi, yang membicarakan soal demokrasi, yang membicarakan soal hormat-menghormati antara satu kaum dengan kaum lain, membicarakan soal membenteng ataupun menentang atau cuba membanteras prasangka kaum dan diskriminasi, lebih banyak membicara tetapi kenyataan di negara belum dapat meyakinkan kita bahawa semangat tersebut dipertahankan. Di sebaliknya, Malaysia sebaik sahaja ada suara atau tindakan atau langkah yang dikenal pasti sebagai bertentangan dengan semangat keadilan dan juga muafakat dan kerjasama antara kaum, maka kita bukan sekadar kerajaan tetapi rakyat juga tidak dapat menerimanya.

Apatah lagi dalam budaya masyarakat kita, Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain suku kaum ini telah menjadi sebat. Dalam fahaman Islam prinsip ini tertera dan kita telah berulang kali menegaskan dengan semangat 'lita'arafu', bukan sekadar kenal, menerima kenyataan kepelbagaian, tetapi menerima kepelbagaian sebagai kejadian Tuhan dan cuba mengenali dan menghormati kepelbagaian yang wujud.

Ketiga, kita mahu menegaskan bahawa pelaksanaan semangat demokrasi, kepelbagaian yang disebutkan tadi itu terserlah lebih-lebih lagi di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah menterjemahkan prinsip ini sebagai satu kenyataan. Ekonomi Malaysia bertambah teguh meskipun menghadapi sedikit masalah sekarang, tempaian awalnya dari perkembangan di rantau dan kini seluruh rantau digugat. Tetapi nyata pertumbuhan ekonomi negara kita, semangat perpaduan yang wujud dan terjalin di kalangan rakyat lebih terserlah sekarang berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. [Tepuk] Kita termasuk dalam kerajaan adalah orang yang pertama mengaku bahawa semua ini, keutuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kehebatan dalam hubungan persahabatan dengan negara-negara lain tidak mungkin terjalin tanpa perpaduan kaum dan kerjasama yang erat di kalangan semua komuniti, etnik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita dapat tegaskan sebagai prinsip utama negara kita dan ini juga track rekod Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sebab itu perlu kita membuat penilaian tentang peranan beliau, sumbangan beliau, kenyataan beliau dari konteks yang secara menyeluruh, tidak terpisah-pisah. Ini seperti tahi lalat di muka, kalau kena pada tempatnya, kalau lihat dalam konteks muka, tahi lalat itu manis. Tetapi kalau diambil tahi lalat semata-mata secara terpisah janggal nampaknya. Ini masalah ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat ini ialah tidak mahu lihat

tahi lalat di muka. Dia lihat tahi lalat secara terpisah semata-mata tahi lalat. Ini tidaklah ada kaitan dengan tahi lalat di muka Tuan Yang di-Pertua yang juga manis.

Sebab itulah ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyentuh tentang orang-orang Yahudi itu diambil dan dilihat keluar daripada konteksnya. Kalau kita baca buku *The Merchant of Vanist* karangan Shakespear membicarakan tentang saudagar Yahudi, Schellock, apakah ini bermakna Shakespear itu anti-Yahudi, saya tidak kira begitu. Kerana kalau kita mahu lihat dan menilai Shakespear dan kekuatannya, kita melihat dari keseluruhan corpus karya Shakespear. Menuduh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai anti-Semitic lebih melulu, kerana semites itu orang mana? Kata *Oxford Dictionary*, istilah semites itu, dengan izin, “*a member of any of the people supposedly to be descended from Shem, son of Noah, including especially the Jews, Arabs, Assyrians, Babylonians and Phoenicians.*” Takkanlah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mesti benci semua orang Yahudi, Arab, Assyria dan Babylonian. Ada pula yang mengatakan orang Yahudi itu children of Abraham. Kita pun children of Abraham juga, termasuk orang-orang Kristian, Yahudi dan Islam.

Sebab itu kita sekali lagi menegaskan bahawa mengambil kenyataan dan membuat tuduhan melulu itu tentulah tidak munasabah. Kita memilih untuk mengetengahkan usul ini lebih-lebih lagi kerana kita umumnya menghormati hubungan antara negara, kita menghargai hubungan baik dengan Amerika Syarikat, kita mempunyai kepentingan perdagangan dan hubungan ekonomi yang kuat dengan Amerika Syarikat dan kita telah menjalin hubungan dengan negara Amerika Syarikat begitu lama dengan kadar perdagangan yang meningkat sehingga RM66 bilion pada tahun lalu.

Pelajar kita sendiri di Amerika Syarikat berjumlah 11,646 di mana 3,602 adalah tajaan kerajaan. Maka untuk dikaitkan bahawa Malaysia mempertikai semangat dan hubungan baik dengan Amerika Syarikat juga tidak munasabah. Tetapi sepertimana kita dapati dari masa ke semasa Amerika Syarikat memilih untuk membuat teguran terbuka, maka sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat kita juga mempunyai hak dan kebebasan untuk membuat teguran kepada mana-mana perkembangan dalam dan luar negara.

Kita juga ingin menegaskan penyesalan kita terhadap tindakan unilateral sepertimana yang dibuat dalam kenyataan bersama Perdana Menteri dan Presiden Chirac dari Perancis semalam bahawa keputusan unilateral yang dibuat termasuk Akta Sekatan Iran-Libya dan dipaksa agar diterima pakai oleh semua negara tanpa menggunakan forum antarabangsa dan badan-badan perdagangan antarabangsa seperti WTO adalah sukar diterima. Sementara kita menghormati hak mana-mana negara membuat akta

dan sekatan masing-masing, kita tidak percaya munasabah bagi Amerika Syarikat mengenakan undang-undang yang dibuat dan harus diterima pakai di Amerika Syarikat dan dikenakan ke atas Malaysia, syarikat-syarikatnya atau rakyatnya. Dalam konteks ini Akta Sekatan Iran-Libya yang mempertikai hak Petronas untuk bersama-sama dengan syarikat lain dalam pelaburannya di Iran amatlah dikesali, dan oleh yang demikian, kita tidak bercadang untuk memberikan apa-apa kerjasama dalam urusan penyiasatan pasukan dari Amerika Syarikat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita mahu mengulangi pendirian kita dan kita telah memohon kerjasama semua pihak, kerajaan dan pembangkang untuk melihat usul ini dari sudut prinsipnya, prinsip demokrasi, prinsip masyarakat pelbagai kaum yang kita dukung dan prinsip bahawa Perdana Menteri yang kita pilih harus diberikan laluan untuk memimpin dan menolak hak ataupun menolak anggapan atau andaian mana-mana pihak luar termasuk beberapa ahli Kongres Amerika Syarikat yang mempertikai kedudukan pemimpin negara kita. Kita rakyat, kita memilih, kita gunakan ruang dan wadah demokrasi dan kita tetap akan pertahankan kedudukan Perdana Menteri kita. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

3.51 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul khas memberi keyakinan penuh dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak menjadi Perdana Menteri Malaysia 16 tahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui corak kepimpinan yang efektif dan berwibawa telah membawa negara ini ke mercu kejayaan. Dari sebuah negara kecil yang kurang dikenali di rantau Asia Tenggara, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya transform Malaysia kepada sebuah negara yang pesat membangun dan dinamik. Kepimpinan beliau telah menjadikan Malaysia sebuah negara contoh kepada negara-negara membangun yang lain. Pembangunan ekonomi yang dicapai oleh negara kita bukanlah kejayaan tunggal beliau. Kepimpinan beliau juga telah berjaya menyatupadukan rakyat yang terdiri dari berbilang bangsa, kebudayaan dan agama. Usaha ini telah membawa kepada kestabilan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri melampaui batasan agama, bangsa dan kebudayaan. Apa yang saya ingin

tegaskan di sini ialah kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah diberi kepercayaan dan mandat oleh rakyat jelata melalui pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1995. Parti Barisan Nasional telah memperolehi lebih daripada 65.4% undian popular di pilihan raya tersebut. Ini adalah majoriti terbesar yang pernah diperolehi sejak negara kita mencapai kemerdekaan. *[Tepuk]*

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional juga berjaya memenangi sebanyak 162 kerusi dari jumlah 192. *[Tepuk]* Ini adalah 84% daripada kerusi Dewan Rakyat. Apa yang aneh ialah Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang sentiasa melaung-laungkan sistem dan amalan demokrasi dan merupakan jaguh mempertahankan demokrasi kini pula menunjukkan sikap tidak menghormati proses demokratik yang telah memilih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia mempunyai keyakinan kepada kerajaan pimpinan beliau, asal beliau, aspirasi beliau dan yang lebih penting ialah wawasan beliau untuk membawa negara kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi. Rakyat Malaysia tidak boleh membenarkan segala hasil titik peluh yang dinikmati selama 16 tahun lesap begitu sahaja. Rakyat Malaysia juga tidak boleh membenarkan campur tangan pihak luar untuk menentukan nasib pemimpin-pemimpin yang kita pilih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan pihak luar yang hendak menjatuhkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah suatu ujian perpaduan rakyat Malaysia. Ini telah membuat rakyat Malaysia lebih bersatu padu tanpa mengira ideologi politik. Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan berdaulat tidak boleh dan tidak dapat terima campur tangan luar dalam urusan pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta maaf dan meletak jawatan kerana menuduh beliau sebagai seorang anti-Semitic dan anti-Yahudi adalah tidak berasaskan sama sekali. *[Tepuk]* Sudah menjadi kenyataan umum bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang liberal dan tidak suka membangkitkan isu perkauman. Adalah tidak wajar sama sekali beliau dianggap sebagai pelampau perkauman. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah membenarkan negara Israel mengambil bahagian dalam pertandingan Kriket Antarabangsa di negara ini walaupun terdapat bantahan daripada pelbagai pihak. Selain

daripada itu, beliau juga menjemput pelajar-pelajar dan pemuda-pemudi dari Israel untuk melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan membenarkan mereka melawat Malaysia ialah kita hendak mereka lihat dengan sendiri bagaimana sebuah negara yang mempunyai penduduk Islam sebagai majoriti boleh hidup aman damai, bersikap toleransi, tolong-menolong dan rela berkongsi dengan kaum-kaum yang lain. Amalan ini telah membawa kepada keamanan, kemakmuran dan keharmonian kepada semua rakyat. Jika negara Israel yang mempunyai majoriti kaum Yahudi boleh mengamalkan sikap toleransi, tolong-menolong dan rela berkongsi tentulah negaranya sudah tentu juga akan menikmati keamanan dan keharmonian.

Tuan Yang di-Pertua, adakah tujuan murni untuk membawa keamanan dan keharmonian kepada negara Israel itu dianggap sebagai anti-Semitic, anti-Yahudi. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Menteri Dalam Negeri telah mengamalkan dasar terbuka dengan membenarkan rakyat Malaysia melawat Israel. Susulan dari itu ramai rakyat Malaysia telah melawat Israel atas urusan perniagaan atau sebagai pelancong. Apa yang menyedihkan adalah 34 ahli Kongres Amerika Syarikat menyuarakan rasa tidak puas hati ke atas Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan menyifatkan beliau sebagai anti-Yahudi. Sebaliknya Kerajaan Israel sendiri telah menunjukkan hasrat meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi dengan Malaysia. Pada 3 November tahun ini sebuah akhbar terkemuka di Israel, iaitu *Harith* melaporkan bahawa Menteri Perdagangan dan Industri Israel Tuan Nathen Shrnsky telah memperakukan untuk melonggarkan dasar perdagangan negaranya demi untuk menggalakkan pertumbuhan perdagangan antara Israel dengan Malaysia dan Indonesia. Saya percaya kerajaan Israel tidak akan mengadakan sebarang hubungan dengan Malaysia sekiranya mereka menganggap pemimpinnya adalah anti-Semitic dan anti-Yahudi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, keazaman rakyat Malaysia menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri semakin padu dan kuat. Saya ingin mengakhiri dengan ucapan, Dr. Mahathir, all Malaysian love you, respect you and salute you.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menyertai perbahasan Parlimen mengenai Belanjawan 1998 pada 20 Oktober yang lepas, saya telah mengumumkan bahawa sungguhpun DAP sebuah parti pembangkang, kami masih akan memberikan sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sekiranya Amerika Syarikat atau mana-mana negara Barat cuba mencampur tangan ke dalam urusan dalaman negara Malaysia melalui cubaan menukar pucuk pimpinan politik negara ini secara paksa mengikut kesukaan mereka. Ini adalah kerana sama ada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad tetap memegang jawatan sebagai Perdana Menteri atau tidak, hanya rakyat Malaysia sendiri yang ada hak untuk menentukannya, dan tidak kira Amerika Syarikat mahupun lain-lain negara Barat, semuanya tidak berhak mengajar rakyat Malaysia siapa yang patut menjadi Perdana Menteri negara ini. *[Tepuk]*

Untuk kali pertama dalam pengalaman politik saya selama tiga dekad ini, saya telah mendapat liputan paling ketara, *[Ketawa]* bukan hanya oleh media-media bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, tetapi juga oleh media elektronik, di mana untuk kali pertama, ucapan saya telah mendapat liputan utama dalam berita Radio 4, jam 8 malam yang sama. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Tahniah, tahniah! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Sejak hari Isnin lepas, berikutan dengan keputeraan saya dari satu persidangan di New Delhi, saya telah mengeluarkan tiga kenyataan dalam dua hari yang lepas, meminta Jemaah Menteri menimbang semula sama ada sesuai atau tidak bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membentangkan usul di Parlimen untuk mendapatkan undi keyakinan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, hanya oleh kerana beberapa orang ahli Kongres Amerika Syarikat telah memberi satu notis yang sungguh mengejutkan (outrageous) menghendaki Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meletak jawatan, dan saya juga meminta supaya isu mengenai resolusi draf Wexler yang angkuh itu serta mengejutkan ini diasingkan dari isu Petronas dan Akta Sekatan Iran-Libya dan bahawa kedua-dua isu ini harus diasingkan dari isu usul keyakinan kepada Perdana Menteri. Saya juga mencadangkan supaya tiga usul berasingan dibentangkan di Parlimen dan bukannya mencampuradukkan ketiga-tiga isu berasingan ini menjadi satu usul bersama.

Bagaimanapun, nasib saya tidak begitu baik semacam dahulu. Kesemua kenyataan saya yang dengan jelasnya menunjukkan bahawa DAP menyokong secara penuh kutukan ke atas resolusi draf Wexler dan cubaan Kerajaan Amerika Syarikat untuk melaksanakan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas

Petronas, telah disekat semuanya oleh media cetakan Bahasa Malaysia dan Inggeris, total blackout dan elektronik.

Di Pulau Pinang hari Isnin semasa membuka Konvensyen Akbar Cina Antarabangsa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa di Malaysia wujudnya kebebasan berakhbar, dan bahawa akhbar Malaysia sungguh bertanggungjawab. Bagaimanapun, kritikan dan serangan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri ke atas media-media Barat menyifatkan kebebasan media di dunia Barat sebagai kebebasan ampu juga sama boleh dipakai di atas media Malaysia, sebagaimana yang dicerminkan oleh sekatan ke atas kenyataan saya dalam dua hari ini. Hak untuk ampu sahaja. Bukannya saya telah mengucap apa-apa yang tidak setia, antinasional ataupun mengkhianati negara.

Pendirian DAP adalah jelas daripada awal-awal lagi, DAP akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sekiranya wujud sebarang konspirasi antarabangsa untuk memaksakannya meletak jawatan kerana sama ada Perdana Menteri harus meneruskan jawatannya sebagai Perdana Menteri atau tidak adalah merupakan urusan rakyat Malaysia sendiri dan kita tidak akan membenarkan siapa-siapa orang asing untuk mengajar kita. Inilah sebab mengapa pada 17 Oktober, saya telah mencadangkan bahawa sekiranya Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasa perlu untuk tunjukkan kepada dunia luar bahawa beliau masih mendapat keyakinan rakyat Malaysia dan terus menjadi Perdana Menteri negara ini, maka cara yang wajar adalah melalui satu usul keyakinan di Parlimen dan bukannya mengadakan perjumpaan-perjumpaan awam, demonstrasi, pelekat, pelekat kereta malah memakai lencana menyuarakan sokongan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir ala Korea Utara. Mungkin Yang Berhormat Menteri Penerangan bertanggungjawab taruh sticker dalam Dewan ini, bukankah? Bukan inspirasi Yang Berhormat? *[Ketawa]* Dia tidak berani mengakui. Tidak ada. *[Ketawa]* Sudah langgar keistimewaan Dewan ini tahu! *[Ketawa]*

Saya telah mengulangi cabaran saya di Parlimen tetapi nampaknya Dato' Seri Dr. Mahathir tidak rasa masa itu adalah perlu untuk mengemukakan usul keyakinan untuk menunjukkan kepada dunia luar bahawa beliau masih mendapat keyakinan rakyat Malaysia sebagai Perdana Menteri. Pada hakikatnya, sungguhpun cubaan dilakukan oleh sesetengah pemimpin Barisan Nasional untuk meletakkan Perdana Menteri ke dalam satu situasi 'no-win' dengan menukar pilihan raya kecil Sungai Bakap menjadi ujian keyakinan ke atas Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, DAP telah menyelamatkan Perdana Menteri. *[Ketawa]* Barisan Nasional mahu jatuhkan nama baik Perdana Menteri, tetapi DAP menyelamatkan Perdana Menteri... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ini murahlah!

Tuan Lim Kit Siang:...dari keadaan yang memalukan di dalam dan luar negara dengan menjelaskan pendirian kami bahawa pilihan raya kecil di Sungai Bakap bukannya satu ujian keyakinan ke atas Perdana Menteri, kerana Perdana Menteri tentu kalah. Satu undi majoriti turun ialah boleh dianggap sebagai kegagalan Perdana Menteri. Di sana majoriti begitu besar jatuh. *[Tepuk]* Siapa berdiri demi kepentingan negara, bukan Presiden Gerakan. Presiden Gerakan kata ujian kepercayaan Perdana Menteri, kalau begitu mana ada kepercayaan, sudah kalah. *[Ketawa]* Kita selamat Perdana Menteri! Yang Berhormat dari Beruas tidak setia kepada Perdana Menteri *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, berdiri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat dari Tanjong jadi batu apikah? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Masa itu kita menerangkan jangan menukarkan pilihan raya kecil Sungai Bakap sebagai satu ujian kepada Perdana Menteri, tunjuk kepada dunia rakyat masih sokong kuat Perdana Menteri. Kita kata jangan, nanti akan memalukan Perdana Menteri. Tetapi pemimpin-pemimpin Gerakan degil, tidak mahu dengar, tiap-tiap ceramah kata ini teks daripada Mahathir. Satu undi untuk Barisan Nasional ialah satu undi tunjuk sokong Mahathir. Kalau bukan DAP selamatkan Dr. Mahathir, mana kedudukan Malaysia dalam dunia. *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Malulah!

Tuan Lim Guan Eng: Malulah Gerakan!

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap boleh belajar sedikit, jangan menyalahgunakan strategi taktik politik untuk kepentingan sendiri, a lesson in politic. *[Ketawa]*

Mengapakah keadaan ini berubah hanya kerana beberapa orang ahli Kongres Amerika Syarikat secara angkuh, outrageous, arrogance, memandai-mandaikan dan melulu memberi notis untuk mengemukakan usul terhadap Dato' Seri Dr. Mahathir? Adakah Parlimen Malaysia akan diminta meluluskan usul keyakinan setiap kali beberapa ahli perundangan Amerika Syarikat atau negara-negara Barat mengedarkan usul draf yang menggunakan bahasa melulu dan cuba mencampuri hal ehwal politik tempatan Malaysia? Amerika sangat kerap kali melakukan.

Tambahan lagi, resolusi draf di bawah nama Robert Wexler ini belum dikemukakan atau dibincangkan di House of Representatives tetapi hanya dirujuk kepada Committee on International Relations dan diedarkan kepada ahli-ahlinya, dan sejak itu Kongres Amerika Syarikat telah ditangguhkan untuk tempoh 11 minggu. Menurut seorang pemerhati Kongres, resolusi sebegini biasanya mungkin mati atau dibunuh sebelum ia diperdengarkan di peringkat jawatankuasa kecil, dan resolusi ini tidak mempunyai kuasa mengikat dan juga bukannya sebarang perundangan yang memiliki kuasa penguatkuasa, tetapi hanya merupakan suatu kenyataan yang menyuarakan sentimen sesetengah ahli Kongres mengenai sesuatu isu.

Semua rakyat Malaysia mendapati resolusi Wexler ini suatu dokumen yang angkuh, melulu dan tidak dapat diterima pada peringkat antarabangsa. Resolusi draf Wexler yang dirujuk kepada Committee on International Relation yang bertarikh 22 Oktober ini yang berbunyi - saya mahu ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana sampaikan satu salinan ini yang berbunyi:

“Expressing the sense of Congress regarding the anti-American and anti-Semitic remarks of Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad.

Whereas over the last several weeks, Prime Minister Mahathir Mohamed of Malaysia has publicly made inflammatory anti-American and anti-Semitic statements;

Whereas his characterization of a Jewish agenda to destroy the Malaysian economy is hateful bigotry recalling the horrors of Nazi doctrine and history’s darkest moments;

Whereas it is the responsibility of the United States Congress to respond to the dangerous scapegoating of ethnic, religious and cultural groups throughout the world; and

Whereas the United States and Malaysia have had a close and enduring relationship since 1957, and the negative and volatile remarks of Prime Minister Mohamad violate the spirit of friendship and co-operation between our two nations. Now, therefore, be it resolved by the House of Representatives (the Senate concurring) that it is a sense of the Congress that:

1. *The democratically-elected Government of Malaysia should, on behalf of the Malaysian people, specifically condemn the verbal attacks articulated by Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad;*
2. *The Prime Minister of Malaysia should himself apologize and acknowledge the destructive and divisive nature of his words, or as an alternative, resign as the Prime Minister of Malaysia; and*
3. *The United States and Malaysia should continue to strengthen their bilateral co-operation and work to ensure the human rights of all ethnic, religious, and cultural groups.”*

Tuan Yang di-Pertua, bahasa dalam resolusi draf Wexler ini sungguh ofensif dan memandaimandai dan bukannya sesuatu yang ditulis oleh seseorang yang memandang berat hubungan baik di antara Amerika Syarikat dan Malaysia, dan tindakan menyeru Dato' Seri Dr. Mahathir meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan meminta Kerajaan Malaysia mengutuk Dato' Seri Dr. Mahathir ini adalah sesuatu tindakan yang langsung tidak dapat diterima dan telah melampaui batas sehingga mencabul kedaulatan rakyat Malaysia dalam memutuskan hal ehwal dalaman politik negara ini.

Biar apa pun perbezaan politik kita, rakyat Malaysia tidak dapat menerima sikap rakyat Amerika Syarikat yang angkuh dan melulu yang melanggar segala norma perilaku antarabangsa asas, iaitu tidak mencampuri hal ehwal politik dalaman negara lain. Atas sebab inilah DAP bersetuju menyokong sepenuhnya bahagian-bahagian usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang merujuk kepada sikap biadap Ahli Kongrs Amerika Syarikat ini, iaitu:

“Memandang berat terhadap surat 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat bertarikh 27 Oktober 1997 kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang mengandungi tuduhan beliau seorang yang anti-Yahudi serta usul beberapa ahli Kongres di Kongres Amerika Syarikat yang menuntut Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka bersabit tuduhan tersebut atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri; dan

Membantah cadangan usul dari beberapa ahli Kongres yang membuat tuduhan melulu dan mempertikai kedaulatan dan hak rakyat dan menuntut masyarakat antarabangsa akur terhadap hak rakyat mana-mana negara menentukan

kepimpinan serta dasar negara masing-masing melalui proses demokrasi dan musyawarah.”

Bagaimanapun, harus wujud ruang untuk perundingan dan perbezaan pendapat mengenai soal sama ada tindakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan usul undi keyakinan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri di Parlimen hari ini hanya kerana beberapa orang ahli Kongres mengemukakan notis mengenai resolusi draf melulu yang meminta Dato' Seri Dr. Mahathir meletak jawatan, merupakan suatu tindakan yang over-reaction ataupun suatu tindakan balas yang tidak wajar.

Sama ada ia satu in approve, satu reaction, over-reaction dan satu response dan tidak appropriate. Sama juga, atas isu cubaan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menguatkuasakan Akta Sekatan Iran-Libya 1996 - suatu perundangan Amerika Syarikat sendiri ke atas Malaysia kerana urusan Petronas dengan Iran, DAP akan memberikan sokongan 100% kepada Kerajaan Malaysia untuk melindungi kedaulatan rakyat Malaysia sama ada individu, syarikat mahupun korporat untuk berurus niaga dengan negara-negara lain, sama ada mereka merupakan rakan atau musuh Amerika Syarikat.

DAP menyokong sepenuhnya Kerajaan Malaysia dalam pendirian bahawa Akta Sekatan Iran-Libya 1996 Amerika Syarikat merupakan undang-undang Amerika Syarikat sendiri yang hanya berkuat kuasa di Amerika Syarikat ke atas rakyat dan syarikat Amerika Syarikat dan tidak boleh dilanjutkan ke mana-mana rakyat atau syarikat asing. Percubaan Kerajaan Amerika Syarikat untuk secara sembarangan dan satu pihak (unilateral) melanjutkan undang-undang domestiknya yang tidak berkuasa antarabangsa ke lain-lain negara mesti dicabar oleh masyarakat antarabangsa sebagaimana yang dilakukan oleh Malaysia, Perancis, Jerman dan European Community.

Pihak Amerika harus diberitahu secara lantang dan jelas bahawa ia tidak boleh mengeksport atau mengenakan dasar-dasar luar negaranya sendiri yang dilaksanakan ke atas musuh-musuh lamanya iaitu Iran dan Libya serta Cuba melepasi sempadan negaranya dan ia tidak akan dibiarkan membuka precedent yang bahaya dalam perdagangan antarabangsa. Masyarakat sedunia tidak boleh membiarkan suatu kuasa besar dunia menganggap bahawa ia berkuasa untuk meluluskan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan ke atas seluruh dunia sehingga mencabuli kedaulatan negara-negara lain.

Pada hakikatnya, Kerajaan Amerika Syarikat harus diberitahu bahawa tindakan unilateralnya untuk menghukum syarikat-syarikat asing yang melabur di Iran berkemungkinan mencetuskan perang dagangan antarabangsa, dan akibatnya bukanlah pemulauan Iran, tetapi pemulauan Amerika Syarikat

sendiri. Inilah mengapa DAP dengan sepenuh hatinya menyokong usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas isu ini yang menyatakan:

“Kesal dengan usaha Kerajaan Amerika Syarikat untuk menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas Petronas yang melabur di dalam industri gas di Iran; dan Membantah keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas dalam industri gas di Iran kerana ianya melanggar semangat perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa.”

Timbalan Pembantu Setiausaha Negeri untuk Sekatan Tenaga dan Komoditi Amerika Syarikat, William Ramsay yang kini berada di Malaysia untuk menyiasat urusan gas Petronas dengan dua rakan kongsi asing, iaitu Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia, dalam projek gas Pars saham Selatan bernilai RM6.6 bilion (US\$2 bilion) di Iran, harus diberitahu mengenai pendirian sepakat para ahli Parlimen sama ada dari kerajaan mahupun pembangkang yang menolak percubaan satu pihak yang melulu Kerajaan Amerika Syarikat untuk melaksanakan Akta Sekatan Iran-Libya Amerika Syarikat ke atas Petronas.

Sementara DAP menyatakan secara jelas bahawa kami akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Perdana Menteri sekiranya wujud sebarang konspirasi antarabangsa melibatkan kuasa-kuasa asing, sama ada dari Amerika Syarikat atau negara-negara Barat yang cuba menjatuhkan Dato' Seri Dr. Mahathir kerana ini merupakan tindakan yang tidak wajar dan mencampuri hal ehwal politik tempatan, tetapi kami juga perlu menyatakan dengan jelas bahawa sokongan DAP ini bukan secara membabi buta atau tidak kritikal, dan kami memegang kepada hak kami untuk menyoal, mengkritik malah membantah sebarang dasar dan langkah yang salah, tidak tepat atau kaunter produktif ke atas kepentingan negara.

Dalam kenyataan saya pada hari Isnin saya pernah mencadangkan supaya para Ahli Parlimen diberi peluang untuk menonton rakaman RTM ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir di Kuala Terengganu. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Penerangan patut ada, kalau tidak inefficient. *[Ketawa]* Kononnya wujud konspirasi dan agenda Yahudi antarabangsa untuk merosakkan ekonomi Malaysia yang telah dinafikan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir supaya para Ahli Parlimen tahu apa sebenarnya yang ditutur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kuala Terengganu.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi sekali lagi bahawa beliau telah menjelaskan rujukannya terhadap Yahudi itu. Sungguhpun penjelasan Perdana Menteri yang

berikutannya adalah dialu-alukan, tetapi persoalan masih kekal iaitu sama ada dalam ucapannya di Kuala Terengganu beliau memang pernah merujuk kepada konspirasi dan agenda Yahudi antarabangsa dalam usaha merosakkan ekonomi Malaysia.

Dalam ucapan saya ke atas Belanjawan 1998 pada 20 Oktober, saya telah membangkitkan dua isu dengan menyatakan bahawa kesemua usaha menaikkan keyakinan yang cuba dilakukan oleh Budget 1998 ini akan dirosakkan dengan mudah oleh sebarang kenyataan atau ucapan yang menggoncangkan keyakinan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Pada masa itu, saya berkata bahawa ucapan beliau di Kuala Terengganu mengenai konspirasi dan agenda Yahudi antarabangsa yang kononnya cuba merosakkan ekonomi Malaysia serta lain-lain negara muslim masih menunjukkan kesan buruk ke atas Malaysia, dengan izin, still hornting Malaysia, sungguhpun Dato' Seri Dr. Mahathir telah menafikan pada keesokan harinya selepas ucapan di Kuala Terengganu bahawa beliau tidak pernah berkata sedemikian atau bererti sedemikian. Saya tidak jangka sebulan selepas itu isu ini masih, dengan izin, haunting negara Malaysia dan ekonomi Malaysia. Masalahnya adalah Perdana Menteri di Kuala Terengganu itu telah dilaporkan oleh media-media tempatan serta agensi berita tempatan, Bernama yang telah diberikan liputan seluas-luasnya oleh media-media antarabangsa sama ada *Washington Post*, *New York Times*, *International Herald Tribune*, *Los Angeles Times* mahupun *Sydney Morning Herald*. Melainkan kesemua wartawan tempatan kita ini telah sama-sama terlibat dalam konspirasi untuk merosakkan nama baik Perdana Menteri. Jika tidak, adalah lebih adil untuk membuat kesimpulan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang pernah merujuk kepada konspirasi dan agenda Yahudi antarabangsa untuk sabotaj ekonomi Malaysia sungguhpun beliau mungkin tidak bermakna begitu. Sekiranya ini benar, maka Perdana Menteri harus merendah diri mengakui secara terbuka kesilapan yang beliau ada buat dan meminta maaf, kerana dengan izin, to err is human to forgive divine.

Saya sedang menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan sama ada beliau bersedia untuk membenarkan semua Ahli Parlimen termasuk Barisan Nasional menonton rakaman RTM mengenai ucapan Perdana Menteri di Kuala Terengganu berkenaan. Bolehkah selepas ini kita pergi dengar supaya kita tahu, tidak payah argue apa yang berlaku. Kita buat keputusan di sini, kita patut boleh menonton rakaman. Bolehkah jaminan dibuat Yang Berhormat Menteri Penerangan atau tidak berani siarkan itu. *[Ketawa]*

Dato' Mohamed bin Rahmat: Berita RTM itu telah pun disiarkan oleh RTM, semua rakyat telah menonton. Mungkin Yang Berhormat tidak menonton berita itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tidak menonton. Bukan masalah sama ada saya menonton atau tidak menonton, tetapi masalahnya ialah apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap ialah merujuk kepada konspirasi agenda Yahudi untuk mensabotaj ekonomi Malaysia, dan kalau tidak, tunjuk lagi satu hari dua puluh kali seperti pilihan raya besar. Semasa itu satu ucapan dua puluh kali, tiga puluh kali sampai semua orang setiap penduduk Malaysia tahu. Ini tidak benar, kenapa tidak buat. Kalau saya sampai kesimpulan cakap begitu sungguhpun tidak bermakna mahu buat begitu dan beliau sudah nafi, itu kita alu-alukan, tetapi untuk tamatkan kontroversi ini admit salah dan minta maaf, tunjuk humility. Rakyat mahu tahu, kita mahu tahu, kita sayang Perdana Menteri, sebab itu kita buat cadangan ini. Bukan kita mahu merosakkan matlamat Perdana Menteri. Kalau kita ada silap kita minta maaf, bukan hilang martabat, kita tunjuk kita ada martabat.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya, selepas apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam surat khabar bahawa beliau ada menyatakan komplot Yahudi dan sebagainya. Adakah apa-apa yang dibuat, apa-apa tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri untuk membetulkan apa yang ada disiarkan sehingga beliau dapat satu surat daripada 34 ahli Kongres ini, di mana dalam perenggan, saya baca apa yang ada di sini, surat ini bertarikh 27 Oktober tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini untuk penjelasan dan dapat pendirian daripada rakan saya dari Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu. Yang Berhormat diingatkan Yang Berhormat boleh soal. Buatlah penjelasan tetapi bukannya baca petikan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan itu. Saya quote apa yang ada di sini. Selepas itu mendapat dari kawan saya, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Padatkan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya. Perenggan yang ketiga, "*reasonly in reference to your comment you said that you have been misquoted. And you only repeating what we have been told by certain*

people.” Adakah itu apa yang benar bahawa beliau ada menyatakan itu, tetapi ini disuarakan oleh orang lain tetapi repeated lain. Adakah itu apa yang benar, dan bolehkah saya dapat daripada rakan saya pendirian dia atas perkara ini. Jika tidak disuarakan apa yang dikatakan dalam surat khabar, kenapa tidak menafikan serta-merta. Saya dapat pendirian rakan saya dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Sebab itulah saya rasa ini mustahak bahawa isu ini dijelaskan dan cara untuk penjelasannya ialah rakaman RTM yang sangat efisien, sangat cekap di bawah pentadbiran Yang Berhormat Menteri Penerangan dibuat untuk semua Ahli Parlimen, kalau bukan untuk negara dua puluh kali satu hari. Bolehkah buat?

Dato’ Mohamed bin Rahmat: Ya. Hendak buat apa, kalau hendak buat sebaran beberapa puluh kali pun kerana ceritanya satu dunia sudah tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Tahu bahawa ada cakap. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri Penerangan mengakui bahawa ada cakap. Kalau begitu saya meminta Perdana Menteri mengakui dan minta maaf.

Dato’ Mohamed bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Mahu jelaskan? Boleh jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Menteri Penerangan [Dato’ Mohamed bin Rahmat]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada kata perkara ini betul, apa yang dituduh kononnya ada Perdana Menteri mengatakan ada pakatan ini, saya tak kata.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, sekarang Yang Berhormat Menteri Penerangan menafikan bahawa dalam ucapan Yang Amat Berhormat di Kuala Terengganu, beliau ada sebut mengenai komplot dan agenda Yahudi untuk merosakkan ekonomi. Kalau begitu kenapa Yang Berhormat Menteri Penerangan sudah cuai, lalai dalam tanggungjawabnya membenarkan satu perkara yang begitu jelas meleret dua bulan sampai sekarang kita perlu satu Usul kepercayaan, Parlimen perlu bermesyuarat, tak boleh untuk penonton

seluruh dunia. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan mahu membeli ruang di surat khabar di luar negeri, mahu membeli ruang televisyen di luar negeri, tetapi kalau perkara sebegitu mudah tak boleh buat dalam negara ini apa guna.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sebenarnya penjelasan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu tidak dua bulan kemudian. Perdana Menteri membuat penjelasan beberapa hari selepas laporan itu dikeluarkan dan nyata dieksploit oleh media antarabangsa dengan membuat caption yang begitu sensational iaitu Perdana Menteri adalah anti-semitic dan anti-Yahudi dan menganggap adanya konspirasi Yahudi terhadap Malaysia dan negara-negara lain. Penjelasan Perdana Menteri ialah bahawa beliau tidak menyatakan begitu, tidak bermaksud membuat kenyataan sedemikian dan bahawa beliau menyatakan hanya bahawa beberapa orang yang terlibat itu kebetulan adalah orang-orang Yahudi.

Saya percaya konteks ucapan itu harus difahami, sebab itu dalam saya membentangkan Usul, saya telah menyatakan konteks ucapan. Apa yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah menggunakan tafsiran orang-orang Amerika tertentu, Ahli Kongres, mereka pertamanya tak dengar, tak dapat maklumat yang betul dan mendapat maklumat tambahan dari hal yang di setionalize oleh media asing.

Saya ingin memberikan penjelasan di sini bahawa Perdana Menteri tidak bermaksud menyatakan sedemikian, yang penting ialah penjelasan telah dibuat, tiga, empat hari selepas ucapan itu disampaikan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan hanya dibuat dihari kemudian, bukan tiga, empat hari. Okay. Kita hadir di sini.

Masalah bukan penjelasan dibuat, masalah ialah apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata di Kuala Terengganu. Mungkin saya mengakui, saya tak tonton siaran RTM itu, tetapi ada rakyat Malaysia yang menonton siaran itu, bukan orang asing, dapat kesimpulan bahawa tuduhan itu dibuat. Kita boleh tahu, boleh salahkan rakyat Malaysia sebagai boneka alat orang luar yang mahu menjatuhkan nama baik Dato' Seri Dr. Mahathir dan kalau apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri begitu jelas, kenapa tak mahu siarkan lagi apa beliau cakap supaya semua rakyat Malaysia boleh confidence, yakin bahawa inilah semua sensationalisation oleh media massa antarabangsa yang tidak bertanggungjawab, kenapa Yang Berhormat Menteri Penerangan kali yang pertama begitu segan untuk menggunakan dengan kuasa yang sepenuhnya radio televisyen untuk make a point. Tak pernah begitu segan, kali yang pertama mahu simpan kenapa, sebab itulah saya kata ini kita mengakui, saya menyeru, saya cadang harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri timbang perkara ini kalau ada cakap begitu sungguhpun tidak ada bermaksud begitu, sungguhpun saya akui tidak bermaksud begitu sebagai beliau sudah menjelaskan mengakui ada kesilapan yang dibuat mungkin bahasa tidak begitu

elok digunakan dan meminta maaf dan nothing to be lost by such a public apology, more to be keen.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mesti menyuarakan perasaan terkejut saya selepas pulang dari New Delhi apabila membaca satu laporan Khamis lepas mengenai tindakan balas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas dua panggilan telefon ke Kedutaan Amerika Syarikat yang mengancam akan mencederakan rakyat Amerika Syarikat.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghuraikan sebagai tidak berasas bahawa rakyat Amerika Syarikat akan dcederakan di Malaysia memandangkan negara ini sebuah negara yang mencintakan keamanan, kenyataan beliau seterusnya bahawa ugutan sedemikian, dengan izin, only an expression of anger of the people in Malaysia adalah sungguh tidak wajar dan malang sekali sehingga dapat membawa kepada isyarat bahawa ugutan sedemikian boleh difahami, diberi simpati atau sekurang-kurangnya condonce, di condonce oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya bersedia membiarkan perkara ini berlaku khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sekali menyuarakan perasaan kesal atau mengutuk ugutan-ugutan sedemikian.

Semalam semasa memberi komen mengenai seruan Duta Amerika Syarikat John R. Mallot supaya menghentikan retorik yang emosi kedua-dua pihak demi memperbaiki hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa rakyat Malaysia berhak

mengadakan perhimpunan dan meluahkan perasaan mereka dan bukanlah mudah untuk 'switch on and switch off' perasaan rakyat. Sememangnya para pembangkang dan NGO di negara ini berharap supaya rakyat Malaysia memiliki hak-hak berhimpun dan meluahkan perasaan mereka secara aman ini yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa perlu terjerat oleh Akta Polis, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Kanun Keseksaan bahawa sebenarnya tidak ada hak itu, adakah tiga orang boleh tangkap already.

Walau bagaimanapun bahagian Usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai keperluan melindungi hubungan baik di antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah penting untuk kedua-dua negara terlibat dalam era globalisasi ini dan dengan itu DAP juga akan menyokong sepenuhnya bahagian usul ini yang berbunyi:

“Berusaha untuk menjamin kesinambungan hubungan baik dengan Amerika Syarikat dalam segala bidang dan berusaha untuk mempertingkatkan hubungan tersebut.”

Adalah sungguh menakjubkan dan bersejarah sekiranya semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti politik sama ada dari kerajaan mahu pun dari pembangkang dapat mengundi sebulat suara menyokong Usul ini untuk memberitahu masyarakat dunia bahawa tindakan angkuh dan melulu Ahli Kongres Amerika Syarikat yang menghendaki Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita meletak jawatan telah melampaui batas yang boleh diterima serta batas antarabangsa serta hubungan antara dua negara. Semua rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan politik mereka juga berdiri teguh mengutuk sikap

melulu rakyat Amerika yang menganggap diri mereka memiliki kuasa sepenuhnya untuk memutuskan apa yang patut dan tidak patut dilakukan oleh pemimpin negara lain.

Sama juga adalah sungguh baik dan bersejarah sekiranya semua Ahli Parlimen tanpa mengira pendapat politik dapat berdiri teguh bersama mengutuk Kerajaan Amerika Syarikat yang cuba melanggar kedaulatan Malaysia dengan melaksanakan undang-undang negaranya iaitu Akta Sekatan Iran-Libya 1996 ke atas Malaysia dan korporat Malaysia Petronas hasil dari urusan petrolumnya di Iran.

Ini juga mengapa di dalam kenyataan saya, saya pernah mencadangkan supaya kerajaan merunding dengan pihak pembangkang dalam proses merangka usul ini supaya semua Ahli Parlimen dapat mengundi sebulat suara menyokong suatu usul dan memberitahu Amerika Syarikat serta masyarakat dunia bahawa semua Ahli Parlimen di Malaysia berganding bahu untuk menolak sebarang usaha untuk mencabul kedaulatan negara kita ataupun campur tangan luar ke atas hal ehwal politik dalamannya. Usul sebegitu tidak akan, dengan izin, ‘embarass’ Perdana Menteri ataupun ‘embarass’ pembangkang di mana tidak seorang pun Ahli Parlimen yang akan merasa keberatan untuk menyokong usul itu. Jika tidak ia akan merosakkan peluang bersejarah untuk negara ini untuk menunjuk kepada masyarakat sedunia bahawa rakyat Malaysi berdiri tegas untuk melindungi hak kedaulatan mereka.

Usul di bawah nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini merupakan satu usul omnibus yang meliputi tiga isu berasingan dan ia

sepatutnya dibentangkan sebagai tiga usul berasingan iaitu satu usul mengenai resolusi draf Wexler yang melulu, ugutan sekatan terhadap Petronas mengikut Akta Sekatan Iran-Libya Amerika Syarikat serta undi keyakinan kepada Perdana Menteri.

Kita menyokong penuh tindakan mengutuk resolusi draf Wexler serta cubaan Kerajaan Amerika Syarikat mengenakan sekatan ke atas Petronas tetapi kami tidak boleh menyokong usul ini kerana ia mempunyai elemen ketiga yang berkaitan dengan undi keyakinan kepada Perdana Menteri.

Kedua-dua perkara resolusi draf Wexler dan sekatan Amerika Syarikat ke atas Petronas langsung tidak ada kena-mengena tentang undi keyakinan kepada Perdana Menteri. Dalam suatu perbincangan ke atas usul keyakinan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri isunya bukanlah resolusi draf Wexler atau sekatan Amerika Syarikat ke atas Petronas tetapi merupakan, dengan izin, satu national inquest ke atas pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir di negara ini sama ada dari segi soal demokratik, hak asasi, dasar-dasar ekonomi, rasuah, transparency sama ada dalam kerajaan mahupun di pasaran, pembinaan negara, pendidikan, perhubungan antarabangsa dan sebagainya.

Ini merupakan satu tajuk perbincangan yang langsung berbeza dari usul yang dibentangkan ini dan tidak harus dicampur adukkan dengan pengutukan negara ini ke atas resolusi draf Wexler atau sekatan Amerika Syarikat ke atas Petronas.

Sementara Amerika Syarikat tidak berhak campur tangan dalam politik Malaysia tindakan kita mengutuk sikap angkuh dan melulu Amerika Syarikat ini juga tidak boleh digunakan untuk merampas hak-hak para Ahli Parlimen Malaysia untuk menjalankan tugas mereka mengadakan satu 'inquest' sepenuhnya ke atas rekod pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir melalui satu Usul keyakinan kepada Perdana Menteri.

Pada hakikatnya semasa negara kita menghadapi pelbagai krisis ekonomi, politik dan alam sekitar sekarang adalah perlu kita mengadakan perbincangan yang berasing dan menyeluruh ke atas usul keyakinan kepada Perdana Menteri mengenai cara beliau memimpin negara ini dengan secepat mungkin dan tidak ada apa-apa perhubungan dengan isu resolusi Wexler atau Petronas.

Keperluan ini amat ketara khasnya pada hari ini, semasa negara kita terjunam ke dalam krisis keyakinan yang baru yang telah memusnahkan sebarang keyakinan yang masih ada pada para pelabur sama ada tempatan mahupun asing terhadap negara ini dan pasaran kewangan kita.

Ini telah dicetuskan oleh insiden di mana United Engineers Malaysia dengan tiba-tibanya membazirkan RM2.4 bilion untuk menyelamatkan Renong dan seterusnya merampas hak para pemegang saham minoriti yang telah mencetuskan krisis baru di Bursa Saham Kuala Lumpur menyebabkan keyakinan para pelabur terhadap Malaysia menjunam ke tahap paling rendah hasil dari kekurangan ketelusan yang ketara.

Semalam Indeks Komposisi BSKL telah terjunam ke titik paling rendah iaitu 622.09 mata berkurangan 45.2 mata iaitu 6.8% dalam sehari. Serangan paling hebat dirasai oleh United Engineers Malaysia sendiri yang merupakan salah satu saham paling aktif di Malaysia dengan nilai saham jatuh 38% menjadi RM3.86, tahap paling rendah sejak Februari 1993 dan dalam urusan pagi semalam ia jatuh ke had 30% dalam masa satu jam setengah, nilainya berkurang dari RM6.25 menjadi RM4.38. Pagi ini Indeks Komposisi BSKL terus jatuh ke bawah 600 mata berakhir dengan 596.84 berkurangan 25.25 pada penghujung urusan pagi.

Perasaan pasaran bercampur-campur dengan rasa marah dan panik, 'outrage and panic.' 'Outrage' kerana marah kerana UEM yang kaya dengan tunai, satu 'catch cow' telah digunakan untuk menyelamatkan syarikat pembiaya UMNO utama dan pihak penguatkuasa pula membenarkan tindakan tersebut dilakukan dan dilakukan secara pantas. Para pengurus tabung sungguh marah terhadap urusan UEM ini di mana kemasukan tunai tidak akan mendatangkan kebaikan kepada para pemegang saham Renong dan kemungkinan kepada pemegang saham majoritinya dan bukannya membantu syarikat asal yang berada dalam kesusahan sekarang.

Singapore Business Times hari ini memetik salah seorang pengurus tabung yang memiliki saham UEM yang berkata, dengan izin, it would be one thing if UEM bought into new Renong shares but this cash is going into the pockets of major shareholders. It is the rape of the century.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat tengah mencadangkan pindaan Usul.

Tuan Lim Kit Siang: Belum!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tengah buat. Sekarang ini tengah buat dan Yang Berhormat, jangan lupa bahawa ini belum lagi terbuka untuk perbahasan. Jadi, saya tak nampak hubungkaitnya sekiranya Ahli Yang Berhormat bangkitkan insiden-insiden ataupun kejadian yang tidak ada hubungkait, sangkut-paut dengan apa yang Ahli Yang Berhormat hendak cadangkan. Elok Yang Berhormat beralih kepada apa yang hendak dicadangkan supaya dapat dipinda.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada perbahasan ini ditumpu ke atas Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau pindaan saya, saya belum kemukakan, saya tidak ada keluar tajuk. Confidence motion.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tak, Yang Berhormat. Tidak! Saya tidak berniat hendak menyekat Ahli Yang Berhormat dari berucap, tetapi Yang Berhormat, jangan lupa bahawa

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada pindaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: jangan terpesung jauh sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak pesung jauh. Negara krisis, rape of the century, confidence motion, inilah tajuk yang tepat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, ...

Seorang Ahli: Keyakinan.

Tuan Lim Kit Siang: Keyakinan apa hal, keyakinan

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba hubungkaitkan dengan pindaan Usul.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita mahu tahu kenapa

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk menjelaskan kenapa satu Usul bahagian mengenai keyakinan khas, apa ertinya. Boleh saya teruskan?

It is the rape of the century is unethical and it puts the credibility of the whole market at risk. Dan seorang lagi research manager berkata: "The deal puts any cash rich company which closely linked to the government at risk. Its a trend no serious investor will find acceptable." Sama ada Telekom, Sime Darby, Tenaga, Maybank, kepercayaan pelabur-pelabur sekarang soal 'a question mark'.

Dan lebih dahsyat lagi seorang lagi fund manager berkata: 'Malaysia's dreams of being a financial centre are over. They hurt investors and then they blame them, this move will even alienate bumiputera entrepreneurs who will say: "Why not help me."'

Dan inilah apa yang mustahak akhirnya kepentingan ini ada analyst yang kata, 'there is something wrong with corporate Malaysia, we have seen this before and it is call Japan, investors are terrified, Malaysia is going down the same root with cash rich companies bailing out parents or affiliate debts.'

Dan orang kata seorang umur belum 30 tahun ada RM1.2 bilion debt sekarang RM3 bilion debtlah, hutang sekarang meningkat RM3 bilion. *Singapore Business Times* pun ada laporkan bahawa perasaan fund manager ini bukan sahaja oleh kerana deal UEM tetapi oleh kerana pengurusan-pengurusan Renong dan UEM ada memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku apa-apa aset injection oleh UEM sama ada bersangkutan paut dengan Light Rail Transit System oleh Renong atau Time Telekom. Situasi keadaan di mana pengumuman di UEM dibuat membeli 723 juta saham-saham Renong pada RM3.24 se saham yang melibatkan RM2.4 bilion pun sangat menimbulkan soalan mengenai transparency.

Yang pertama, sungguhpun pembelian ini melalui suatu transaksi, melalui pasaran terbuka, para pemegang saham minoriti langsung tidak tahu tentang perkara ini, 723 juta saham ini telah dibeli pada harga purata RM3.24 se saham yang merupakan 11.7% lebih tinggi dari harga penutupan Renong pada hari Isnin iaitu RM2.90 semasa urusan berkenaan diumumkan.

Bagaimanapun, para penganalisa mencabar dakwaan Pengerusi Eksekutif Renong, Tan Sri Halim Saat di dalam sidang akhbar pagi ini bahawa 723 juta saham Renong telah dibeli oleh UEM di dalam pasaran terbuka memandangkan di dalam bulan yang lepas jumlah dagangan saham Renong di pasaran terbuka berjumlah lebih kurang 112 juta saham yang mewakili hanya 15% dari urusan UEM, biar pun setiap saham berkenaan dibeli oleh UEM, ini bererti bahawa sejumlah 611 juta saham Renong atau 85% telah dibeli melalui

off market trading. Kenyataan yang misleading secara ketara ini sungguh memeranjatkan.

Keduanya, Jawatankuasa Pelaburan Asing telah memberikan waiver kepada UEM untuk tidak perlu menawarkan general offer kepada pemegang saham minoriti.

Ketiga, pengumuman telah dibuat pada pukul 8.00 malam hari Isnin dan telah ditinggal oleh hampir kesemua media tempatan dan hanya dilaporkan di media asing, menyalahkan sifat misteri dan kekurangan ketelusan seluruh urusan ini. Apakah justifikasi ke atas waiver ini? Adakah UEM akan menggunakan tabung para pemegang sahamnya untuk menyelamatkan Renong? Adalah dianggarkan bahawa melalui bill ini, UEM sekarang telah kehilangan lebih kurang RM925 juta. Sekarang UEM telah hilang RM925 juta oleh kerana membeli saham Renong itu. Apabila mempertimbangkan bayaran purata untuk 723 juta saham itu ialah RM3.24 sesaham sementara harga Renong midday, saya tak tahu sekarang ialah RM1.96. Dengan deal itu UEM sudah hilang, rugi RM925 juta.

Oleh kerana deal itu dia telah menjatuhkan KLSE, rakyat sudah hilang berpuluh-puluh bilion ringgit krisis keyakinan, inilah krisis keyakinan.

Keempat, oleh kerana sekarang UEM telah hilang RM925 juta dalam satu hari setengah, rakyat akan memikul tanggungjawab tol tentulah tak boleh lari lagi. Rakyat akan ditol, rakyat akan ditol.

Keempat, adakah UEM mematuhi peraturan mengikut Akta Syarikat bahawa sebarang perubahan kepentingan atau kepentingan-kepentingan

pemegang saham utama di sesuatu syarikat harus mengumumkan perubahannya kepada BSKL dalam tempoh 14 hari urusan niaga berlangsung. Memandangkan urusan ini telah berlangsung sepanjang satu bulan dan jika ya, bagaimanakah urusan niaga ini telah dilindungi tanpa diketahui orang luar.

Dalam sidang akhbar pagi ini, Halim Saat telah berkata mengenai, dengan izin, great possibility of turning Renong into a private company, if Renong shares fall further. Bukankah notis ini bahawa satu syarikat, satu conglomerate, Renong akan di delisted, notice of delisting of the Renong akan mengakibatkan keyakinan lagi terjunam, delisting sehingga mahu di list Renong, orang yang beli public listed company ada kepercayaan kepada public listed company akan menghadapi satu private company melainkan pertanyaan yang berbangkit dari pembelian saham Renong oleh UEM secara tiba-tiba dijawab dengan baik, keyakinan pasaran hanya akan terus jatuh dan jatuh. Asset shuffle yang terbaru ini telah dilihat sebagai bertujuan untuk membolehkan UEM memikul beban tunai Renong demi melindungi kepentingan UMNO dan telah diterima dengan tindak balas yang buruk oleh pasaran.

Salah satu pengurus tabung yang bertapak di UK telah dipetik di sebuah akhbar asing sebagai berkata, dengan izin, this isn't surprising. This sort of deal is another example showing that the Malaysian playing field is not level for foreign and other minority investors, they won't be keen to invest in a country which allows deals on this nature.

Inilah mengapa saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya mengeluarkan kenyataan kementerian, ministerial statement di Parlimen mengenai tindakan surprise bail out UEM ke atas Renong yang bernilai RM2.4 bilion ini demi memulihkan keyakinan para pelabur dengan menjawab pertanyaan yang timbul mengenai urusan ini serta membantu mewujudkan prinsip ketelusan di BSKL dengan bukti kekurangan keyakinan dalam ekonomi negara ini yang terbaru dengan wujudnya perasaan outrage dan panic di BSKL bagaimanakah Parlimen boleh meluluskan satu undi keyakinan tanpa perjalanan perbincangan sepenuhnya ke atas semua aspek pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di negara ini. Sebenarnya, oleh kerana apa yang berlaku kita perlu satu perbincangan yang khas, kita tak mahu berkaitan perbincangan ini dengan isu Wexler resolution, kita tidak mahu mengaitkan perbincangan ini dengan isu Iran-Libya, oleh kerana kita tahu, kita boleh diputarbelitkan bahawa kita sokong Wexler, sokong Iran-Libya Sanctions Act, kita tidak. Sebab itu, kita tak mahu mengaitkan, ini mustahak, kalau kita bertanggungjawab bukankah Parlimen akan menjadi satu 'loughing-stock' kita hari ini undi percaya, besok BSKL lagi jatuh. Siapa boleh kata tak jatuh? Nampaknya trend terlaksana, sekarang BSKL, KLSE, Komposit Indeks jatuh ke 500 bukan hairan lagi. Sampai tahap ini kita mana boleh tanpa satu perbincangan yang sepuas mengadakan satu, barulah buat keputusan sama ada undi kepercayaan kepada Perdana Menteri dilulus atau tidak dilulus. Ini bukan majoriti, bukan keputusan pilihan raya 1995, inilah negara kita menghadapi krisis, multiple crisis, economic crisis, political crisis, environmental crisis.

Ringgit pun terlibat sekarang, oleh kerana UEM deal RM3.46 kepada US\$1, kita boleh lulus tanpa perbahasan ini satu undi kepercayaan, apa yang berlaku UEM, sekarang tidak ada kepercayaan mengenai blue chips, UEM bluers of the blue chips, sekarang greeners of the greener chips dan lain-lain blue chips. Apa yang akan berlaku kepada Renong. Renong bertanggungjawab mengenai membina cyber jaya RM10 bilion, terlibat dalam membina Putrajaya RM20 bilion, Multimedia Super Corridor. Adakah Multimedia Super Corridor sama akan collapse oleh kerana Renong collapse. Inilah economic environmental, saya tak mahu bercakap panjang mengenai environmental, jerebu, politik demokrasi, adakah demokrasi kita lebih sihat di Parlimen ini bercakap perbahasan Budget sebelas hari kurang satu hari. Ini adakah kita memajukan mempertahankan demokrasi, adakah politik lebih sihat, sepuluh minit bercakap. Semalam saya ada menulis surat kepada Setiausaha, pejabat saya Ketua Pembangkang tidak ada air-cond sebelas hari.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat, keputusan kerusi yang telah dibuat tempoh hari biasanya Yang Berhormat patutlah tahu bahawa keputusan itu tidak boleh diungkit-ungkitkan kembali dan Yang Berhormat ambil kesempatan ini untuk membangkitkannya dalam pencadangan seperti ini, saya rasa ini tak senonoh Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Jangan ambil kesempatanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Seronok tak seronok. Salah ialah salah. Undemocratic ialah undemocratic. Saya bukan mahu

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak senonoh, bukan seronok.

Tuan Lim Kit Siang: Ha!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak senonoh.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah dan semalam saya ada menulis surat kepada Setiausaha sebelas hari pejabat Ketua Pembangkang tidak ada air-cond, tidak ada fax, tidak ada 'photocopy machine,' mungkin oleh kerana sebelas hari dahulu saya ada membuat kritik-kritik mengenai pentadbiran Parlimen, saya ada sebut mengenai empire building dalam Parlimen dan sebab itulah ini berlaku. Ini bukan

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat, sebarang masalah ataupun kekurangan yang dihadapi sepertimana yang disebutkan tadi itu, saya rasa Yang Berhormat ada peluang yang lain, bukan membangkitkan dalam ...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya timbulkan ini bukan spesifik ...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Sabar, sabar!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebab saya rasa sekarang ini bukan masanya untuk Yang Berhormat untuk membangkitkan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya timbulkan perkara ini ...

Seorang Ahli: Jangan cari peluanglah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya beri peluang nanti, tetapi bukan sekarang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya timbulkan perkara ini bukan oleh kerana mahu jawapan, bukan. Perkara ini satu tunjuk bahawa kita ada krisis politik, kita tidak faham begitu penting, kita memupuk ciri-ciri, budaya-budaya demokrasi khasnya apabila kita mahu satu masyarakat madani dan perkara ini boleh berlaku dan perkara ini kita perlu bincang, get order dan lain-lain, ISA detention semua, barulah kita boleh kata, all-right, selepas perbahasan itu kita masih puas hati

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soal fax dan sebagainya, saya dapat makluman semalam, memang kita selesaikanlah. Sudah diberi keputusan, tetapi saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, rantau ini semuanya mengalami krisis ekonomi dan krisis mata wang yang dahsyat. Beberapa negara jiran mengalami masalah yang jauh lebih dahsyat daripada kita. Kita bersyukur alhamdulillah, bahawa setakat ini kita masih dapat bertahan, kita belum lagi perlu untuk menyerah kepada tabung-tabung kewangan antarabangsa untuk memberi pertolongan.

Saya sebut perkara ini bukan dengna maksud untuk angkuh atau takabur, tetapi kita harus sentiasa mengambil langkah dan ini di antara lain dengan cara

memberi keyakinan, membuat kenyataan yang membina, yang positif, kalau rakyat umpamanya mudah terpengaruh dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dah lingkup lama ekonomi kita. *[Tepuk]* Sebab itu perlu kita beri penjelasan pada keadaan sebenarnya sekarang ini setelah reda sedikit Asia Tenggara serangan agak dahsyat di Korea. Korea Selatan mempunyai kekuatan ekonomi yang jauh lebih besar daripada kebanyakan negara-negara Asia Tenggara, Asian dan keadaan krisis kewangan dan perbankan di Jepun sekarang mula melanda.

Jadi, kalau kita ambil satu, dua contoh ukuran yang dibangkitkan dan dibesarkan sebagai satu krisis dan oleh yang demikian harus ada perdebatan dan undi percaya atau tidak percaya kepada kerajaan berdasarkan kes ini. Ia tidak berlaku di mana-mana negara, berlaku di Thailand akibat daripada keretakan sistem politik dan parti-parti campuran di Thailand, tidak ada masalah dengan kekuatan parti memerintah dalam keadaan biasa, tidak berlaku di mana-mana negara dalam soal ini keperluan undi percaya.

Kita bentangkan Usul Undi Percaya ini walaupun kata Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ini melibatkan surat 34 orang Ahli Kongres dan tiga usul, tiga orang yang mencadangkan draf usul, ialah kerana ia melibatkan soal keadulatan dan kemerdekaan negara dan bukan soal yang dikaitkan dengan hal-hal yang lain. *[Tepuk]*

Jadi, oleh yang demikian, saya haraplah supaya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tumpukan kepada usul ini dan saya dalam membentangkan usul

ini memang sengaja tidak mengaitkan isu-isu yang lain, bahkan saya tekankan soal:-

- (i) proses demokrasi dan pilihan raya;
- (ii) soal masyarakat majmuk dan perpaduan di antara kaum;
dan
- (iii) membantah usul yang dibuat oleh Kongres Amerika dan juga sekatan Iran-Libya itu dengan cara memberi sokongan kerana substantive, kritikan Ahli-ahli Kongres Amerika itu ialah terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebab itu peruntukan dan para itu saya masukkan dalam usul. Dan oleh yang demikian, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dapat tumpukan perkara-perkara ini dan soal undi percaya atau tidak dalam hendak menentukan pimpinan negara ini kita tunggu ada pilihan raya akan datang atau sebelumnya ada pilihan raya kecil yang akan datang, sama ada Ahli Parlimen Barisan Nasional atau Ahli Parlimen pembangkang yang pergi dahulu, kita ada pilihan raya kecil.

Tetapi soal hendak dikaitkan dengan usul ini dan hendak dikembangkan sehinggakan beberapa kes oleh kerana kejatuhan nilai ringgit dan juga pasaran saham, saya fikir agak sukar kita terima dalam hal ini kerana kita tahu apa yang berlaku sekarang, bukan sahaja di rantau ini dan sekarang perkembangan terakhir melibatkan Brazil dan sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Tanjong melupakan, memaafkan semua golongan manipulators dan speculators yang

jahat menjahanamkan ekonomi kita dan tumpu perhatian kesalahan kerajaan yang menyebabkan kejatuhan mata wang dan pasaran. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, politik begini kita harus faham bahawa masalah yang kita hadapi ini ialah untuk mengurangkan tekanan supaya sistem politik kita kekal stabil untuk menangani masalah ini dan jangan umpamanya kaitkan isu-isu yang tidak ada kaitan dalam perbahasan ini. Saya tidak katakan masalah ekonomi kita tidak boleh dibahaskan semata-mata kerana debat Belanjawan dari dua belas hari jadi sebelas hari atau sebelas hari jadi sepuluh hari, kita telah hilang demokrasi kerana pendekkan empat jam perbahasan. Ini mazhab demokrasi dari mana datangnya macam ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya faham dia perlu cari untuk distract attention from UEM, Renong skandal. Dan sebab itu

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan sebab itu

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong, sebenarnya Yang Berhormat telah pun mengambil masa yang begitu panjang untuk mencadangkan, tetapi nampaknya sampai ke saat ini Yang Berhormat, saya belum nampak lagi sebarang cadangan pindaan usul yang disuarakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri untuk bercakap mengenai usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, belum untuk cadang. Bila saya cadang, itu hak saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, tidak! Tidak Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai orang lama.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat patutlah erti juga, ini Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat telah pun memaklumkan pihak urusetia tentang adanya pindaan usul. Dan takkan Yang Berhormat tidak mengerti.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi apabila saya berdiri, saya berdiri atas ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ada beri notis untuk pindaan. Bila saya hendak kemukakan pindaan, itu hak saya, bukan hak kerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat takkan tidak erti, ini saya hendak sarankan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya belum masa untuk kemukakan pindaan, mungkin saya tak mahu kemukakan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Itu terpulang!

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu hak saya terpulang kepada saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, tetapi yang ini sebab takkan Yang Berhormat sanggup hendak kata nanti, kerusi tidak beri peluang. Ini saya kena cakap terus terang di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada saya mahu kemukakan, itu akhir ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik, tetapi jangan merayau jauh sangat sampai tak ada kesudahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak merayau, ini saya mahu jawab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau saya tak faham terpaksa untuk create diversion oleh kerana UEM, Renong skandal sekarang menjadi satu krisis besar dan saya sangat hairan, beliau kata ini bukan satu masalah besar, bukan satu krisis, seorang Menteri Kewangan boleh kata ini sebagai krisis apabila KLSE sudah jatuh lima, enam point di bawah 500 point ringgit pun jatuh, saya rasa ini tidak begitu bertanggungjawab. Apabila berkata kita tidak menegurkan manipulasi yang membawa masalah kewangan, ini pun tidak bertanggungjawab.

Oleh kerana apa yang kita bincang di sini ialah apa yang berlaku dalam dua, tiga hari ini, memang kita dalam keadaan kedudukan yang lebih baik daripada setengah negara jiran, setengah rantau ini, masalah ialah kenapa dalam keadaan ini kita dalam dua, tiga hari membenarkan peristiwa yang berlaku yang boleh menyebabkan satu krisis ekonomi yang lebih besar, bukankah ini tidak bertanggungjawab, bukankah ini satu perkara yang kita perlu bincang dan bincang berasingan. Saya bersetuju berasingan, bukan

dalam ini. Saya sebut ini untuk menunjukkan kenapa kita cadang, kenapa kita
....

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, dia cakap berulang-ulanglah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Suruh dia berhenti!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa dia ...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib! Luboh Antu kalau bangun atas Peraturan Mesyuarat, saya akan benarkan, tetapi jangan bercakap ataupun mencelah dengan sesuka hati.

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun. Yang Berhormat hendak bangkitkan sesuatu ya?

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, hendak beri jalan Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada kompelin cakap dan panjangkan masa, saya boleh beri.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti mahu kompelin lagi? Apabila timbul saya mahu jawab, saya perlu jawab. Saya belum habis jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya habis jawab kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, selepas itu saya beri jalan. Okay.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia hendak teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri jalan, saya habiskan jawapan ini dahulu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Pokok Sena bangun atas Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, 35(3). Seorang Ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masalah. Dia ini bercakap berpuluh kali dah. Setiap kali berapa kali punya budget, jawatankuasa itu sahaja dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Suruh dia duduklah, berilah pula orang lain hendak bercakap sama. Saya pun hendak bercakap, ini demokrasi. Habis lari orang Amerika ini. *[Ketawa]*

Saya hendak bercakap supaya orang Amerika ini dengar sebelum dia balik. Ini dia bercakap, American lari habis.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat 35(3), saya rasa tak kena Yang Berhormat. *[Ketawa]* Walaupun Yang Berhormat kehilangan kesabaran, tetapi saya rasa saya telah beri kata dua kepada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya memadamkan ucapannya dan selama ini saya tidak mengehendkan masa, tetapi Ahli Yang Berhormat janganlah ambil kesempatan. Ini yang saya hendak sarankan kepada Yang Berhormat. Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Saya perlu jawab oleh kerana keterangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebab itu saya perlu jawab dan saya harap bahawa beliau faham kenapa kita kata bahawa tak boleh mencampuradukkan ketiga-tiga isu yang berlainan khususnya apabila negara kita menghadapi satu krisis keyakinan ekonomi yang baharu.

Saya harap bahawa kita boleh bersetuju supaya kita boleh menunjukkan kepada dunia bahawa dalam perkara US Congressman mengenai Petronas, Iran-Libya Sanctions Act bahawa semua Ahli Parlimen boleh berdiri 100% supaya kita boleh pindaan usul dan itulah sebab saya ada kemukkan satu pindaan oleh kerana dalam bentuk yang ada sekarang di mana isu US Congressman, isu Petronas dan isu vote of confidence disatukan, kita tidak

boleh beri satu sumbangan untuk mengutuk resolusi Wexler dan Iran-Libya sanction act, oleh kerana masalah keyakinan kita perlu bahas dengan berasingan dan sebelum saya kemukakan pindaan saya, saya mahu mengakhiri dengan satu peringatan sahaja, bukan sahaja pasaran saham dan ekonomi kita dalam keadaan yang kritikal, boleh disifatkan, dengan izin, sebagai satu aquarium adalah dead fishes, dying fishes, healthy fishes, kita ada dua masalah sekarang, bila healthy fishes boleh die, masalah kedua ialah when were the aquarium will break.

Saya harap oleh sebab ini kita perlulah menumpukan perhatian kalau kita mahu bincang undi kepercayaan. Sebab itu saya kemukakan bahawa pindaan ini:

- (i) membatalkan perenggan satu hingga perenggan lima, bahagian satu selepas Timbalan Perdana Menteri akan mencadangkan; dan
- (ii) membatalkan perenggan nombor satu dan perenggan nombor lima bahagian dua selepas.

Maka Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan seperti berikut dan penangguhan diubahsuai sepertimana yang perlu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Siapa yang menyokong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya belum buka lagi untuk bahas.

Dr. Tan Seng Giaw: Penyokong mesti diberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak berucap serentak ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Belum lagi Yang Berhormat. Saya akan beri peluang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa pindaan usul dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sekarang terbuka untuk dibahas. Tetapi sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membahaskan tumpukan kepada pindaan usul sepertimana yang dicadangkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Kepong.

5.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar ucapan Yang Amat Berhormat dari kereta saya, sekarang di Kuala Lumpur ini memang kesesakan lalu lintas yang menimbulkan perasaan tersinggung di hati dan terkalang di mata. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat]*

Ini adalah masalah di Kuala Lumpur sekarang dan saya telah mendengar ucapan dengan sepenuhnya Yang Amat Berhormat. Saya berpendapat bahawa yang dibangkitkan mengenai 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat itu satu pendapat yang baik, yang betul kerana 34 Ahli Kongres ini memang kurang ajar mengenai masalah di Malaysia dan tidak betul bagi mereka untuk membidas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan cara yang sedemikian. Saya berharap Kongres tidak akan meluluskan usul mereka kerana ini telah mencabuli kedaulatan negara yang lain.

Yang kedua, saya ada dengar mengenai Akta Sekatan Iran-Libya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, itu pun tepat, persis dan jitu kerana memang undang-undang yang dilulus di Kongres memang tidak boleh digunakan di Malaysia dan bukan sahaja di Malaysia, di mana-mana tempat kecuali ke Amerika Syarikat.

Sebab itu saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat mengenai Akta Sekatan Iran-Libya dan saya pun bersetuju bahawa kita tidak akan membenarkan pasukan penyiasatan yang akan hadir ke Malaysia untuk menyiasat ke atas penglibatan Petronas dalam urusan di Iran, memang kita boleh dibenarkan, saya dengar bahawa pasukan ini akan datang ke Malaysia untuk mendapat penjelasan, untuk mendapat maklumat dari Malaysia dan adakah pihak kerajaan akan membenarkan mereka datang ke Malaysia untuk mendengar penjelasan.

Saya ada baca kenyataan dari Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang menyatakan kerajaan akan menerima setakat memberi maklumat kepada

mereka sahaja. Walau bagaimanapun kedua-dua perkara ini adalah tepat dan memandangkan, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana parti kita membuat ketetapan bahawa memandangkan keadaan yang ada di Malaysia ini, termasuk masalah gawatan ekonomi di Malaysia dan juga bukan sahaja di Malaysia, saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat, di Korea Selatan, di Jepun paling membimbangkan dan mungkin ada disebutkan bahawa ini satu ura-ura bahawa kita mengenang kepada kemerosotan yang dahsyat pada tahun 30-an, ini ada ura-ura, saya pun tidak ada bukti. Tadi saya ada dengar profesional dan ahli-ahli perniagaan yang mengatakan bahawa mungkin ini satu tanda bahawa kemerosotan dahsyat 30-an akan melanda bukan sahaja Malaysia bahkan di seluruh dunia. Saya berharap kemerosotan sedemikian tidak akan berlaku.

Walaupun bagaimanapun, keadaan di Malaysia yang merupakan salah satu negara yang dilanda gawatan ekonomi ini memerlukan perbincangan yang berlanjutan dan kita yang baik sekali kalau Yang Amat Berhormat boleh menerima pindaan ini maka kita boleh sokong dengan sebulat suara kerana kita tidak mahu

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, tak payah kita hendak kacau sekarang, saya beri pendapat kerana kita hendak menegakkan demokrasi, itu pendapat bahagian ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang hendak menegakkan demokrasi bukan menegakkan hipokrasi yang dilakukan oleh pihak Ahli dari Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya parit yang sulong ini memang sulong sangat [*Ketawa*] kerana tidak memahami keadaan yang sebenar. Kita mesti asingkan, kalau ada orang yang melakukan tidak adil ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang pertama, kerana masalah Akta Sekatan Iran-Libya, kita ada usul mengenai masalah itu, jangan kita menggembleng dan mengumpulkan semua sama sekali kerana rakyat di Malaysia sekarang pun hendak tahu.

Selain dari kedua-dua perkara yang saya sokong dengan sepenuhnya, tetapi perkara yang lain, keadaan gawatan di Malaysia, keadaan Bursa Saham Kuala Lumpur, ini semua masalah yang besar, tambah pula dengan UEM, Renong, tadi saya dengar ahli-ahli perniagaan dan juga profesional yang hampirah sebulat suara, saya ada satu pertemuan dengan mereka, hampir sebulat suara tidak boleh menerima cara UEM dibenarkan mengambil alih Renong, cara-cara yang dibuat ini dalam keadaan ekonomi bergelora ini jangan kita benarkan cara yang demikian, kerana ada orang yang sebutkan tadi, yang katanya pada akhir tahun ini mungkin Bursa Saham Kuala Lumpur akan habislah sama sekali, bukan sahaja 500 mata bahkan juga sifar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, point of order, kalau hendak bercakap dia kena tengok Tuan Yang di-Pertua, bukan tengok Setiausaha Agung DAP. Jangan buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Yang Berhormat, sekarang ini kita dalam perbincangan berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Jadi, biarlah kita tumpukan kepada pindaan itu dahulu kerana kita ada debate proper selepas ini ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya menumpukan masalah kepada sebab apa kita hendak adakan pindaan, bukan kita tak sokong. Kita sokong, tetapi itu adalah

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Rompin bangun pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin, saya ingat ada parit yang sulong sahaja tak sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan kepada Kepong, kalau hendak jadi juara kepada Ketua Pembangkang dengan alasan untuk hendak mengambil alih, tak payahlah. Saya hendak bertanya, adakah ini strategi DAP untuk meraih undi kepada masyarakat umum, kata sokong, tetapi bila usul ini mungkin ada perkiraan yang lain. Saya tak mahu

menuduh, sebab itu dicadangkan usul ini, saya hendak minta penjelasan sedikit. Kalau sokong bukannya yang hendak dipinda itu menjadi perkara yang besar, kalau ada sesuatu perkara yang hendak dibahaskan, yang tidak berpuas hati, banyak lagi ruang lain boleh dibahaskan dalam isu apa pun. Tetapi ini saya nampak mungkin dahululah, dalam Dewan ini kita sokong, bila pergi pilihan raya kecil, lain cerita, lain caranya.

Begitu juga dahulu dalam semua ulasan, saya berterima kasihlah kepada pembangkang kerana menyokong banyak perkara yang dibangkitkan, isu terhadap usaha kurang ajarnya Congressman ini dan isu tentang pelaburan Iran-Libya, saya ucapkan syabas tetapi adakah kerana perkiraan politik lain, kerana dicadangkan usul pindaan ini. Saya minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasalah Ahli Yang Berhormat ini mengambil kesempatan. Satu kebiasaan 'hilang geli kerana geletek' - hilang geli, biasa dah. Masalah kita sekarang, saya menyokong usul Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana kita hendak asingkan masalah yang ada di Malaysia ini, cuma kita hendakkan perenggan yang keempat, ketetapan itu dan di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia, kita asingkan. Kalau hendakkan usul ini kita asingkan buat satu usul yang lain, itu cara yang baik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan. Saya tak nampak logiknya. Semua dalam usul ini semua dia bersetuju, kalau tak bersetuju itu mungkinlah, dia bersetuju tetapi mengapa hendak diasingkan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Diasingkan mungkin ada fikiran lain dan fikiran lain itu mungkin baik, itu saya minta, saya bukan menuduh ada fikiran lain yang tidak baik, adakah fikiran lain yang mungkin baik, itu saya minta penjelasan. Saya tidak menuduh apa-apa. Saya minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu lidah 'terkalang'.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa saya nampak, Kepong kata, sokong semua, Ketua Pembangkang sokong semua, kita berterima kasih, tetapi apa perlu diasingkan, inilah masa kita tunjukkan bahawa kita benar-benar sokong, bila hendak tangguh lagi? Melainkan kalau DAP ada fikiran lain. Apa itu, saya tak tahu, saya minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan fikiran lain, negara kita mengalami satu ekonomi bergelora, kita mesti fikir dengan baik-baik, dengan masak-masak apakah masalah sekarang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap. Itu mengenai Rompin tadi itu, lidah ‘terkalang’.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia belum beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong, beri jalan atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Yan? Yan itu Bukit Jerai sahaja itu 1,500 kaki sahaja tak sampai.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *[Menyampuk dalam bahasa Cina][Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini pertamanya tak faham, bila sudah keadaan macam ini kita rangkumkan sekali, kita bahas sekali, jimat wang rakyat, jimat masa. Kemudian Ahli Yang Berhormat ini perangai macam orang hendak menikah dua, hendak buang hak pertama sayang, dok nak ‘uuk aak, uuk aak’, fasal apa? Takut kepada Jelutong dengan Tanjongkah? Oh, Jelutong dok kacau Yang Berhormatkah? *[Ketawa]*

Jadi, kalau macam ini kita minta ubah tempat jauh sedikit. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat ini teruskan dan selesaikan kerana orang lain pun hendak bahas, ya. Kalau DAP hendak sokong, sokong sahaja, jangan dok bising-bising. Kalau tak mahu sokong ‘tui’.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tak payah ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli Yang Berhormat dari Kepong, minta teruskan dengan tajuk ya, Yang Berhormat, kerana saya nampak perbahasan ini akan mengambil masa yang begitu lama.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak ganggu saya kerana kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, itu hak Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak mahu beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kalau tidak mahu diganggu, jangan beri jalan, Ahli Yang Berhormat teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita di sini pun mempercayai kepada demokrasi.

Seorang Ahli: Gulung, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua, baik Yan balik ke Jerai kerana gunung itu menjadi bukit sekarang. *[Ketawa]* Kerana apa yang disebutkan demokrasi, kita boleh bangkitkan masalah yang timbul dan pandangan yang berasingan, pandangan yang berbeza dan kita terima adakah perbezaan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini kerana memandangkan keadaan yang timbul di negara ini terutama kerana gawatan ekonomi, kita perlu serius mengenai hal ini kita asingkan kedua-dua perkara ini dan saya berharap semua Ahli Parlimen

yang ada termasuk Yan, termasuk Parit Sulong dan Rompin menyokong pindaan ini. Menunjukkan sikap yang bebas, menunjukkan sikap yang demokratik, menunjukkan ada pendapat persendirian. Menunjukkan itu

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ini tidak lain daripada 34 ahli Kongres nampaknya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Apa dia, Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Aku yang hendak bercakap, hang nak bangkit bercakap, hang bangkang sekejap lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(6), Tuan Yang di-Pertua. Dia buat sangkaan jahat kepada kami ini, dia kata 'ahli Kongres'. *[Ketawa]* Saya minta Yang Berhormat dari Kepong tarik balik atau tidak, sekejap lagi 'biru' Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, apa yang tak kena itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bila kita membincangkan masalah yang serius, di situ ada perangai yang tidak begitu serius seolah-olah berperangai 34 ahli Kongres, tak payah kita buat macam itu. Cuma saya meminta supaya semua ahli yang hadir hari ini sokong pindaan ini *[Beberapa ahli Barisan Nasional: Boo!]* menunjukkan semua itu bukan lidah terkalang.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Rompin bangun pula, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin ada apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak beri jalan? Kalau beri, beri, tak beri, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya masih tak berpuas hati, Kepong tidak jawab soalan saya tadi. Semuanya disokong, mengapa hendak diasingkan? Mungkin Yang Berhormat tidak mahu membangkang kerana ini merupakan rakyat seluruh negara menyokong atas semua isu ini, tetapi adakah perkara lain yang tersirat ini? Saya minta jawapan. Mungkin Kepong ini ada arahan dari Ketua Pembangkang supaya jangan jawab soalan ini. Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada agenda yang lain, tidak seperti Rompin, tidak ada langsung. Cuma kerana keadaan yang luar biasa di negara ini dan juga termasuk masalah mengapa kita membenarkan UEM mengambil alih Renong dengan begitu sahaja, ini memang satu perkara yang serius!

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Dr. Tan Seng Giaw: Memang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kepong, saya telah peringatkan bahawa usul ini berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, selepas itu kita ada debate lagi. Yang Berhormat sudah berucap 15 minit, saya tidak nampak ada berkaitan dengan usul pindaan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada nampak, tetapi ada gangguan. Saya beri peluang untuk.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jalan atau apa?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Point of order, apa ordernya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada 36(1), isu-isu ucapan kita ini hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-

perkara yang dibincangkan sahaja. Isu yang kita bincangkan ini ialah berkenaan isu khas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah menyatakan usulnya tadi, hendak sokong ataupun tidak. Yang meleret-leret ini saya fikir out-of-context. Saya minta tolonglah pihak Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling dan kita hadkan masa ini dan jangan beri peluang meleret-leret.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kepong, cukup ya. Saya jangkakan perbahasan ini akan mengambil masa yang begitu lama dan ramai ahli yang berminat untuk mengambil bahagian. Di sini pun ada list beberapa nama yang ingin mengambil bahagian, jadi kita tidak boleh menumpukan masa yang begitu banyak untuk pindaan ini sahaja, Yang Berhormat. Jadi, saya beri 10 minit. *[Beberapa ahli DAP: Sorak]* Yang Berhormat telah pun berucap 20 minit.

Tuan Michael Lisa Kaya: Gulung, gulung!

Dr. Tan Seng Giaw: Nampaknya ada beberapa ahli naik berang sekarang ini. *[Disampuk]* Boringkah? Tetapi dia ganggu.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan boring, semak!

Seorang Ahli: Mr. Bean, boringlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini memang relevan, ucapan saya pun memang relevan.....

Seorang Ahli: Tak setuju.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak setuju pun kita diam dahulu, dengarlah pendapat saya. Tak dengar dan ganggu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri sokong pindaan ini, kerana inilah menunjukkan kita di Malaysia ini memang satu negara yang berdemokratik.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Machang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payahlah, saya nak habis dah!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, point of order, sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan Yang Berhormat dari Kepong sedang berbincang masalah usul pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Pada saya, pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong ini tidak boleh diterima kerana ia bercanggah dengan Order 28.

Saya baca Order 28, Tuan Yang di-Pertua:

“Jika seseorang ahli hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, (iaitu Yang Berhormat dari Tanjong dalam kes ini) maka bolehlah diubahnya dengan menghantarkan kepada Setiausaha, satu pemberitahu meminda usulnya itu tetapi disyaratkan iaitu pindaan itu, pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara-perkara besar. Pemberitahu meminda usul itu.....” dan seterusnya.

Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ada dua perkara. Sebagai contohnya, perkara yang kedua adalah bercadang untuk membuang terus bahagian yang kedua, para lima, iaitu:

“5. Dan di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.”

Usul yang ada di hadapan kita sekarang ini ialah usul kepercayaan kepada Perdana Menteri. Itu usulnya. Perkara besar, perkara asas, perkara pokok dalam kes ini ialah usul kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika usul Yang Berhormat dari Tanjong diterima, membuang perkataan ini, maka ianya telah mengubah isi kandungan asal, menjejaskan kandungan asal dan ini bertentangan dengan Perkara 28, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan cadangan yang pertama, iaitu:

*“Membatalkan perenggan satu hingga perenggan lima bahagian satu, selepas
“Timbalan Perdana Menteri.....”* dan seterusnya.

Dengan kata lain, membuang semua para satu hingga lima, ianya akan lari terus daripada konteks asal perkara sebenar dalam kes kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelas perkara ini jika Tuan Yang di-Pertua berpendapat bahawa isu itu akan mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara-perkara besar, maka pindaan itu mesti ditolak. *[Tepuk]* Tidak ada makna langsung pasal isu besar di hadapan kita ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:.....ialah isu pindaan, isu kepada kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau pindaan itu diterima, bermakna tidak ada sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini bercanggah dengan hasrat sebenar usul ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, atas Perkara 28, saya mohon supaya cadangan pindaan usul Yang Berhormat dari Tanjong ditolak di bawah Perkara 28. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, semalam kita telah menerima Kertas Pemberitahu berkaitan dengan pindaan Yang Berhormat dari Tanjong dan kita telah meneliti isi kandungan pindaan beliau. Memang betul dalam Peraturan Mesyuarat ada mengatakan bahawa pindaan itu tidak seharusnya bercanggah dengan usul asal dan kita telah timbangkan bahawa usul ini dapat diterima untuk dibahaskan pada hari ini kerana ia tidak bercanggah sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Jadi.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nanti sekejap. Kita telah meneliti dan kita menerima usul ini untuk dibincangkan di dalam Dewan dan terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama ada menerima ataupun menolak usul ini.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, cuba kita perhatikan dengan jelas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:.....bagaimana keputusan tidak bercanggah, bahagian dua, para lima, dengan jelas membuang perkataan, "*Dan di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia*". Itu dia hendak buangkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau itu dibuang, mana lagi pokok usul kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Itulah pokok yang ada di hadapan kita. Jika itu dibuang mengikut cadangan Yang Berhormat dari Tanjong, tentulah ia bercanggah dengan

hasrat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah disebut dengan jelas tujuan usul ini ialah usul kepercayaan terhadap Perdana Menteri. Jika itu dibuang, tentulah hasrat asal usul ini tidak betul, sudah hilang.

Saya tidak nampak bagaimana boleh diterima usul seperti ini, usul untuk meminda perkara asas ini. Kerana jelas pada saya ianya bercanggah dengan perkara-perkara besar yang dihasratkan oleh usul asal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya memohon kepada Tuan Yang di-Pertua mengkaji balik, menggunakan budi bicara Tuan Yang di-Pertua walaupun pada peringkat ini menolak cadangan pindaan ini di bawah Perkara 28.

Seorang Ahli: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, kita telah pun meneliti usul ini semalam dan saya rasa Ahli Yang Berhormat semua dapat salinan usul pindaan. Kalau sekiranya pindaan ini bercanggah dengan apa Yang Berhormat katakan tadi, sepatutnya Yang Berhormat bangkit sebelum usul ini dikemukakan. Jadi.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kita tidak diberi notis ini, hanya tadi saya masuk, ada di sini dan sekarang dia sedang mencadangkan pindaan itu, masa inilah saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Biar saya buat keputusan, Yang Berhormat. Kita tidak boleh panjangkan perkara ini kerana seperti Yang Berhormat tahu.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itulah kerana tidak mahu panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya minta usul ini ditolak kerana membuang masa. Ramai lagi ahli lain yang hendak berucap, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini membuang masa. Sama ada DAP mahu sokong atau tidak sokong, itu cerita DAP, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya kembali kepada Peraturan Mesyuarat. Perkara ini.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya pun menyebut, Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat juga perkara Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap. Biar saya buat keputusan dan saya harap Ahli Yang Berhormat dapat menerima keputusan daripada Speaker bahawa usul ini kita terima semalam dan kita telah teliti dengan secukup-cukupnya memastikan bahawa usul ini tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan mesyuarat.

Jadi, Yang Berhormat, keputusan ini kita telah buat untuk menerima usul ini pada hari ini dibincangkan dengan mengambil kira peruntukan Peraturan Mesyuarat. Tentang penolakan atau penerimaan itu tertakluk kepada pengundian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat dapat menerima keputusan ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ada dua peringkat. Satu, budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, penolakan oleh ahli-ahli Dewan.....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, tata tertib.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf.....

Tuan Lim Kit Siang: Buangkan dia daripada Dewan.

Para Penyokong Kerajaan: *[Boo!]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ooh, apa ini!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei, Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: Keputusan sudah dibuat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bila tiba peringkat dia, dia mempertahankan hak.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bukan bercakap atas perkara yang tidak semena-mena seperti Yang Berhormat dari Kepong bercakap tadi, saya bercakap atas point of order. Ada dua

perkara, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, ialah hak ahli Dewan menolak usul ini.

Apa yang saya bangkitkan di bawah Perkara 28 ialah budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak faham bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan budi bicara membenarkan usul pindaan ini dibuat sehingga ianya bercanggah dengan usul asal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau kita kaji, jelas, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana budi bicara mesti digunakan dengan sebaik, saya tidak mempertikaikan Kerusi, tetapi budi bicara harus dipakai berdasarkan fakta yang tepat dan benar.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Satu, satu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak sebut sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelutong bangun.

Seorang Ahli: Benggali sudah bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak baca sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya minta Machang duduk, Jelutong duduk, sekejap. Yang Berhormat, perkara ini kita telah teliti bersama dengan Tan Sri Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa perkara ini kita bukan buat keputusan tanpa merujuk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kalau seperti Yang Berhormat katakan bahawa keputusan itu budi bicara Yang di-Pertua, maka perkara ini kita telah terima semalam dan hari ini kita buat keputusan bahawa pindaan itu kita benarkan dikemukakan dalam Dewan. Saya harap keputusan saya ini dapat diterima supaya kita dapat teruskan perbahasan ini, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Undi, undi!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu.

Seorang Ahli lain: Benggali!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya pun point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Satu, satu, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beri Jelutong peluang. Sila, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Peraturan Mesyuarat 43 - Keputusan Pengerusi adalah muktamad.....

Seorang Ahli: Sudahlah, siapa pun tahu itu, 'shit'lah, semua orang tahu!

Ramai Ahli: *[Boo]*

Seorang Ahli: Apa punya lawyer!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Childish lawyer!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Satu, satu, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, I have the floor, shut-up and sit down.

Seorang Ahli: Hey, shut-up you!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tolonglah!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hey, don't be rude, please!

Tuan R. Karpal Singh: Ha, ini Dewan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Speaker, ini bukan mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh:.....you are the circus!

Ramai Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, satu, satu. Macam mana kita hendak berbahas semua sekali? Satu, satu. Ya, Jelutong ada apa?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah.....

Ramai Ahli: Tak boleh!

Tuan R. Karpal Singh:.....tindakan diambil ke atas yang tak terima.....

Ramai Ahli: Tak boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau semua Yang Berhormat tak boleh tenang, saya kena tangguhkan Dewan ini untuk menenangkan keadaan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Peraturan Mesyuarat 43, bolehkah tindakan diambil.....

Ramai Ahli: Tak boleh!

Tuan Michael Lisa Kaya: Panjang point of order itu, cukup!

Tuan R. Karpal Singh:.....jika tidak mahu terima keputusan Tuan Speaker. Jika tidak terima, tidak ada jalan lain, but to throw you out, that is no the way.

Ramai Ahli: *[Sorak]*

Seorang Ahli: You come back to Bangla!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bersedia untuk keluar Dewan, Yang Berhormat, kalau perkara yang saya bangkitkan ini tidak betul.

Tuan R. Karpal Singh: Seorang pengkhianat!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: You pengkhianat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat kedua-dua diberi ingatan, Machang dan Jelutong.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya bersedia, Tuan Yang di-Pertua, kalau atas point yang saya bangkitkan ini saya dihalau daripada Dewan, saya bersedia keluar sekarang juga. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: And get out, what are you looking at?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini round ke berapa? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ini sudah lebih daripada yang patut. Minta duduk semualah.....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mahu dapat tahu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong, minta duduklah.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, sebelum saya duduk, saya yang membangkitkan.....

Seorang Ahli: Get out, get out!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduk sekejap, Yang Berhormat. Satu, satu. Beri Jelutong selesaikan dahulu, nanti Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Banyak point of order dari Jelutong, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila habiskan Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Barisan Nasional indiscipline lot.....

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan R. Karpal Singh: Peraturan Mesyuarat 43, kerana tadi Machang berdegil-degil dan dua, tiga ekor lain.....

Seorang Ahli: You are not the Speaker!

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah Tuan Speaker mengambil tindakan ke atas dia, tatatertib!

Seorang Ahli: Tak boleh!

Tuan Michael Lisa Kaya: Hey, Speaker make a ruling, not you make a ruling.

Seorang Ahli: You are not the Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup ya.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan cukup, ambil tindakan!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta duduk semua ya. Saya hendak buat satu keputusan yang muktamad. Yang Berhormat, tindakan apa pun yang

saya ambil di sini adalah berdasarkan kepada budi bicara saya. Saya mempertimbangkan dan saya memohon sekali lagi bahawa Ahli Yang Berhormat semua akan menerima keputusan yang saya telah buat awal tadi bahawa perbahasan ke atas pindaan ini diteruskan, ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jadi, saya harap semua pihak menerima keputusan ini dan kita teruskan dengan perbahasan kepada pindaan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada point juga? Yang Berhormat, kalau point yang sama.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak. Saya hendak minta penjelasan, oleh sebab perkara yang dibangkitkan oleh Machang, Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan. Saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa orang yang menyokong itu, dia sokong, sudah, jangan beri dia bercakap. Beri dia bercakap perkara yang tidak ada kena-mengena. Dia bangun sokong, okay. Kita undi sekarang usul ini diterima atau tidak diterima. *[sambil mengoyakkan Kertas Pemberitahu usul pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong].* Itu sahaja. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat kita, apabila ada usul atau pindaan itu, ia kena dibahaskan dahulu, baru kita kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk buat keputusan sama ada diterima atau ditolak. Saya beri Kepong tadi berucap 10 minit untuk meneruskan ucapan. Kalau tidak ada gangguan tadi, Kepong sudah habis ucapan, kemungkinan kita sudah dapat buat keputusan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, bolehkah dikurangkan pihak Kepong ini supaya dia tidak merapu ke pihak-pihak yang lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, saya sudah beri ingatan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pembangkang telah menghabiskan waktu Dewan dan rakyat Malaysia yang hendak menyatakan sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan negara.....*[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, kita harus bertindak dengan waras di sini dan apa yang dibangkitkan oleh Machang adalah relevan dan benar dan ini harus diambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Parit Sulong, kalau Yang Berhormat ingat tadi saya telah beri Kepong 10 minit untuk meneruskan ucapan dan menyudahkan ucapan dalam 10 minit. Kalau tidak ada gangguan, kita telah pun dapat memutuskan pindaan ini. Saya berharap Kepong dapat meneruskan 5 minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan mematuhi keputusan Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita ganggu lagi sebab pindaan ini memang relevan dan keputusan Tuan Yang di-Pertua pun tepat. Bila ada usul seumpama ini dibangkitkan, memang kita bahaskan sama ada kita setuju dengan pendapat pihak kami, kita terima dan kita timbang dengan baik, kemudian kita buat keputusan, itu secara demokrasi. Jangan kita kacau sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan ini tidak bercanggah dengan semangat yang dibangkitkan di dalam usul ini. Saya pun dengar dengan baik ucapan Yang Amat Berhormat tadi dan saya percaya semangat yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat itu betul dan kalau ada sedikit pindaan pun tidak akan menjejaskan semangat itu. Sebab itulah saya meminta semua ahli di sini mempertimbangkan dengan semasak-masaknya walaupun kepala sama bulu, hati berlain-lain. *[Ketawa]*

Dengan itu, saya berharaplah semua yang hadir hari ini dapat menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sekarang kita mohon keputusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa usul sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terbuka sekali lagi untuk dibahas. Ya, Keningau.

5.50 ptg.

Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sebelum itu kita ada usul untuk memanjangkan mesyuarat, sekejap ya. Minta seorang mengemukakan usul. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dibahas dan diputuskan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dibahas dan diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dibahas dan diputuskan.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Keningau, sila.

Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, perkara di hadapan kita bukan lagi menjadi perkara yang sulit, ianya sudah diketahui umum. Begitu juga dengan usul di hadapan kita yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sesebuah negara berdaulat dan merdeka tentu sekali mempunyai kuasa berasaskan perlembagaan, di samping ianya mempunyai sekatan kuasa berasaskan undang-undang antarabangsa. Sesebuah negara yang berdaulat dan berhasrat untuk berkecimpung dalam dunia antarabangsa dan pendekatan globalisasi perlu perhubungan yang merapatkan jurang perbezaan dan fahaman.

Dalam tujuan yang baik ini, sesebuah negara tidak boleh campur tangan hal dalam negara yang lain. Oleh kerana itu, jika ada pihak-pihak tertentu yang ingin atau cuba melintasi batas prinsip

perhubungan antarabangsa, sudah sememangnya kita tidak boleh membenarkan atau membiarkan itu begitu sahaja. Tentu sekali kita perlu membela negara kita demi maruah, keutuhan, kedaulatan dan keselamatan negara kita dan rakyatnya.

Dalam hal ini, kadang-kadang ada perlunya juga untuk kita memberi pengetahuan dan penjelasan bahawa negara kita mengamalkan sistem demokrasi dan kebebasan berpolitik dan kebebasan untuk rakyatnya memilih pemimpin-pemimpin politik mereka. Suara ramai adalah pada umumnya diterima pakai oleh sebahagian besar negara-negara demokratik dalam dunia.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, cara beberapa pemimpin Kongres Amerika Syarikat itu haruslah dibantah. Nampaknya Ambassador Amerika pun telah memberi nasihat kepada mereka. Walaupun demikian, dalam hal demokrasi dan kebebasan rakyat memilih pemimpin-pemimpin mereka adalah tanggungjawab kita semua memastikan pengamalan itu terang dan ketara dan dilakukan dengan betul, bukan hanya di bibir kerana kami dalam Parti Bersatu Sabah memang bersetuju benar bahawa sistem demokrasi dan kebebasan memilih pemimpin-pemimpin dalam pilihan raya harus dipertahankan dalam erti kata yang sebenar dan tidak dibenarkan siapa-siapa untuk merosakkan sistem dan prinsip demokrasi dan kebebasan memilih pemimpin-pemimpin itu baik dari luar ataupun dari dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu saya menyentuh perkara-perkara yang lain yang jelas. Justeru itu, atas nama kedaulatan negara kita dan maruah pemimpin utama negara Malaysia, kami bagi pihak Parti Bersatu Sabah menyokong penuh usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Dato' Menteri Kerja Raya.

5.55 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Saya percaya tidak ada seorang pun pada ketika ini yang tidak memahami dan mengakui akan kualiti kepimpinan Perdana Menteri yang telah berjaya mendapat pengiktirafan dan persahabatan di

seluruh dunia, terutama di kalangan Dunia Ketiga. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah satu-satunya pemimpin yang benar-benar memahami hasrat dan masalah serta isu yang dihadapi oleh negara-negara yang sedang membangun dan kurang membangun dalam perjuangan mereka menurut keadilan dalam peraturan dan perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kami membantah dengan sekeras-kerasnya resolusi yang dibawa oleh ahli Kongres Amerika Syarikat kerana ia merupakan satu tindakan campur tangan secara terang-terangan dalam hal ehwal sebuah negara lain yang berdaulat. Tindakan dan sikap ahli-ahli Kongres Amerika itu menyimpang sama sekali daripada prinsip-prinsip demokrasi dan perhubungan antarabangsa yang kita pertahankan selama ini. Mereka melaung-laungkan konsep demokrasi serta kebebasan bersuara harus memahami bahawa kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri kita bukanlah bermaksud anti-Yahudi atau anti mana-mana kaum. Mereka sengaja memutarbelitkan apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita demi kepentingan dan muslihat mereka untuk membalas dendam terhadap seorang pemimpin popular sebuah negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, motif di sebalik usul itu menunjukkan secara tidak langsung seolah-olah anggota-anggota Kongres Amerika berhak mengambil apa-apa sahaja tindakan terhadap orang lain pada bila-bila masa mereka suka. Dalam dunia bebas dan demokratik ini adalah tidak sopan untuk mengenakan keputusan sebuah negara itu kepada sebuah negara yang lain. Dalam masyarakat berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya meletakkan satu asas kukuh untuk perpaduan negara. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mempertahankan hak dan aspirasi setiap bangsa. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi ahli-ahli Kongres tersebut mengatakan Perdana Menteri berpihak kepada sesuatu kumpulan atau kaum. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan asas kemajuan negara ini di bawah dasar perpaduan kaum. Oleh itu, adalah janggal untuk mengatakan Perdana Menteri telah membuat kenyataan-kenyataan yang mengandungi sentimen perkauman terhadap mana-mana pihak.

Di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia telah muncul sebagai model negara dan masyarakat majmuk dan digerakkan di atas prinsip toleransi, keadilan dan saling menghormati. Inilah masanya bagi setiap rakyat Malaysia menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri ketika negara menghadapi ancaman terhadap kedaulatan dan kesejahteraannya daripada luar.

Saya ingin sekali lagi menyatakan keyakinan dan sokongan penuh kepada pemimpin agung kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

6.00 ptg.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Parti Gerakan bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul khas yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi keyakinan penuh dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Jangan kita lari dari fokus dan tujuan dari usul ini. Saya tahu ada orang cuba mahu melemahkan semangat kita untuk menyokong usul ini dan saya merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat walau datang dari pembangkang atau dari Barisan Nasional untuk memberi fokus. Ini adalah satu perkara yang serius. *[Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu keluar Dewan]*

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat sudah lari!

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ketua Pembangkang pun sudah lari, apa you tak cakap? *[Ketawa]* Saya harap jangan lari dari fokus kita. Kita jangan masuk dalam perangkap pihak pembangkang. Kita fokus dan cakap apa yang patut kita cakap.

Parti Gerakan memandang berat terhadap surat daripada 34 ahli Kongres dan draf usul daripada tiga anggota Kongres Amerika Syarikat yang menuntut Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia supaya meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Perkataan-perkataan yang telah digunakan dalam kedua-dua dokumen tersebut khususnya draf usul didapati adalah keterlaluan. Ini adalah kerana perbuatan ini hanya boleh dilakukan oleh mereka dari kaum pelampau (racist) yang boleh buat perkataan ini dalam dokumen itu yang mempunyai agenda politik dengan tujuan untuk memainkan emosi pengundi-pengundi demi mendapat sokongan mereka. Dengan izin, they are not going to play politics at our aspect. Mereka ini juga menganggap stereotype kesemua pemimpin Islam Dunia Ketiga adalah sama tanpa menghiraukan keadaan sebenar seperti di Malaysia serta penjelasan yang telah diberikan oleh Perdana Menteri kita. Mereka ini juga cuba melemahkan (undermine) proses demokrasi di Malaysia melalui campur tangan mereka dalam hal ehwal dalaman negara kita.

Mereka dalam Kongres boleh cakap apa mereka hendak cakap, kita tidak salahkan mereka. Tetapi jangan campur tangan dalam hal ehwal politik atau hal ehwal di Malaysia. Mereka mahu marah

orang, boleh marah, tetapi jangan mahu kita ambil tindakan atas Perdana Menteri yang kita semua kasih.

Kami menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin Malaysia, sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan memandangkan beliau telah berjaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan membawa keamanan dan kestabilan politik kepada negara. Dengan itu, rakyat telah dapat mencapai kemakmuran serta negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mampat. Keadaan ini walau bagaimanapun telah berubah akibat negara telah diserang oleh pengurus-pengurus dana antarabangsa yang tidak bertanggungjawab, yang boleh diandaikan sebagai penyamun tamak yang hanya tahu mengaut keuntungan di sebalik memusnahkan ekonomi sesebuah negara sehingga memiskinkan rakyat jelata kita.

Kita harus mengambil langkah untuk menentang draf usul ini di peringkat awal lagi dan menghalanginya dibawa ke peringkat Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa atau The Committee of International Relations mahupun sehingga Kongres. Tidak berguna kita berdialog dengan pihak pencadang usul ini memandangkan bahasa yang digunakan oleh pencadang usul ini mencerminkan bahawa mereka merupakan golongan pelampau. Dengan izin, they are the Archie Bunkers of America. Kalau you all tidak tengok TV series Archie Bunker, pergilah tengok. Itu macam punya orang Amerika ada, bigots dan sangat racist. Walau bagaimanapun, kita seterusnya melalui perbincangan dan penjelasan untuk mengubah sikap lain dari 34 anggota Kongres yang telah menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di samping anggota-anggota Kongres lain yang mempunyai pengaruh dalam Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa (International Relations Committee) serta pihak Kongres. Ini bertujuan bagi memastikan draf usul tersebut tidak akan dapat dibawa ke peringkat atasan seterusnya.

Parti Gerakan juga menentang sekeras-kerasnya usaha yang diambil oleh Kerajaan Amerika Syarikat dalam menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya (Iran-Libya Sanctions Act) ke atas Petronas yang melabur di dalam industri gas di Iran.

Kami juga menentang sekeras-kerasnya penggunaan Akta Sekatan Cuba (Hans Burton Act) ke atas mana-mana negara yang melabur di Cuba. Pemakaian kedua-dua perundangan ini merupakan berkenaan undang-undang Amerika Syarikat ke atas negara-negara lain yang juga merupakan satu pencabulan ke atas kedaulatan sebuah negara.

Di sini kami ingin menyeru pentadbiran Presiden Clinton supaya prihatinlah terhadap bantahan daripada negara-negara lain yang merupakan separuh daripada negara-negara di dunia dan tidak melaksanakan undang-undang Amerika Syarikat ke atas mana-mana syarikat di negara-negara lain.

Parti Gerakan dengan ini menyeru agar semua rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam menangani sebarang usaha mana-mana pihak atau negara-negara yang ingin melemahkan (undermine) kemerdekaan serta kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dan sokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sebelum kita teruskan, nampaknya ramai yang ingin mengambil bahagian ini. Untuk membolehkan seramai mungkin yang dapat mengambil bahagian dalam perbahasan, saya kena mengehendkan masa 15 minit seorang daripada sekarang. Yang Berhormat Datuk Senator.

6.08 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bukan sahaja untuk diri saya sendiri, tetapi adalah juga untuk semua ahli parti saya iaitu Parti Liberal Demokratik dari Sabah untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Parti Liberal Demokratik Sabah adalah satu-satunya parti politik di negeri Sabah yang dari dahulu lagi menyokong penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad walaupun pada ketika negeri Sabah di bawah pemerintahan Parti Bersatu Sabah. Parti Liberal Demokratik tidak pernah berbelah bahagi kesetiannya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas dasar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang pemimpin yang terbukti mempunyai sifat-sifat yang menghormati semua kaum dan agama di negara ini.

Kami menyesali sikap keangkuhan dan kelancangan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang tidak menghormati kedaulatan negara kita kerana menuntut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan terhadap tuduhan yang tidak pernah dilakukan. Bukan sahaja dari keangkuhan dan kelancangan mereka dikesali, tetapi juga kejahilan mereka terhadap usaha-usaha yang dirancangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan

Malaysia sebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari berbilang kaum, budaya dan agama dapat hidup dengan aman damai dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Ingin saya tegaskan di sini, tidak ada pemimpin lain di dunia ini selain daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang mengamalkan prinsip toleransi dan menghormati rakyat berbilang kaum dan agama, tidak kira dari dunia mana mereka berasal. Ini jelas terbukti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun mendapat tentangan dari pihak-pihak tertentu membenarkan pasukan kriket Israel dan sekumpulan pelajar-pelajar dari pusat pengajian tinggi Israel dibenarkan melawat Malaysia.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, hendak beri jalankah?

Datuk Chong Kah Kiat: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia tidak beri jalan.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini dikatakan oleh 34 ahli Kongres Amerika bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita anti-Yahudi? Saya percaya dan saya yakin tidak seorang pun di antara 34 ahli Kongres di atas tahu tentang perkembangan di Malaysia ataupun pernah datang ke sini. Jadi, tuduhan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersikap bermusuhan dengan mana-mana bangsa dalam negara atau luar negara, termasuk Yahudi adalah tidak benar sama sekali. Jika ancaman oleh 34 ahli Kongres Amerika diteruskan atau tidak ditarik balik, maka ia hendaklah diingat yang akibatnya kelak akan dirasai dan mengecewakan rakyat negara mereka sendiri dan bukannya rakyat negara kita Malaysia. Pihak pentadbiran Amerika Syarikat hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan hubungan baik dengan negara kita.

Parti Liberal Demokratik Sabah juga membantah dengan sekeras-kerasnya keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyiasat Petronas kerana melabur dalam industri gas di Iran. Kami beranggapan ianya bertentangan dengan peraturan perdagangan bebas antarabangsa. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia supaya kita berdiri teguh dan bersatu memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kita tidak rela Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan negara kita ditindas,

dihina dan diperkecil-kecilkan oleh negara lain terutama oleh 34 ahli Kongres Amerika yang tidak pernah tahu keadaan di Malaysia yang sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' Menteri, sila.

6.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai mewakili pucuk pimpinan wakil-wakil rakyat dan ahli-ahli dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak untuk menyatakan sokongan kami terhadap usul yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan yang mulia sebentar tadi.

Kami dari Parti PBB sepertimana rakan-rakan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain berdiri teguh dan ingin menyatakan sokongan padu tanpa berbelah bahagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Kami dari Parti PBB mengecam keras tindakan tidak munasabah, tidak tepat, tidak demokratik dan tidak wajar sekumpulan ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak permohonan menuntut maaf secara terbuka dan perletakkan jawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia kerana didakwa anti-Yahudi. Kami juga membantah keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menghantar wakil mereka menyiasat pelaburan Petronas di Iran yang kononnya melanggar Akta Sekatan Iran-Libya yang diperkenalkan pada tahun 1996. Kami menentang sebarang percubaan untuk menyekat dan mencampuri urusan perdagangan antarabangsa negara yang jelas sekali akta tersebut bertentangan dengan semangat perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa.

Sebenarnya urusan urus niaga dan usaha sama syarikat-syarikat Malaysia di luar negara tidak perlu dipersoalkan. Undang-undang Amerika Syarikat perlu ditolak kerana ia tidak boleh dikuatkuasakan di negara lain (no extra territorial jurisdiction). Undang-undang yang diperkenalkan juga adalah peraturan negara mereka sendiri dan bukan peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Kita tidak akan iktiraf undang-undang Amerika Syarikat tersebut. Justeru itu, syarikat-syarikat dari Malaysia berhak meneruskan dan memperluaskan kerjasama perdagangan di Iran atau negara-

negara lain di dunia ini asalkan boleh menjamin pulangan keuntungan. Tidak ada negara mahupun kuasa besar yang boleh menghalang sebarang aktiviti-aktiviti perdagangan dan perniagaan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami meyakini bahawa kecaman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bukan bermotifkan anti-perkauman atau anti-keagamaan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri tidak pernah berdendam dan memusuhi bangsa atau negara Yahudi. Yang beliau tentang ialah tindakan dan dasar-dasar yang mencabuli hak kemanusiaan. Beliau adalah pejuang hak asasi kemanusiaan sejagat. Sebab itu beliau berani bersuara lantang di meja forum antarabangsa bukan sahaja untuk orang Palestin, malahan untuk orang Bosnia, Somalia, Myanmar dan sebagainya.

Selama ini kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah menunjukkan ketelusan dan sikap toleransi yang ikhlas terhadap orang Yahudi. Ini terbukti dengan beberapa tindakan seperti pembatalan pengharaman tayangan filem "Schindler's List" di pawagam-pawagam tempatan di dalam negara, membenarkan pasukan remaja kriket Israel bertanding dan bermain di kejohanan Kriket Belia Dunia yang berlangsung di Kuala Lumpur dan sebagainya.

Semua ini jelas menunjukkan sikap kesederhanaan dan pragmatik sesuai dengan tuntutan agama dan zaman. Yang jelas, tindakan sekumpulan ahli Kongres Amerika Syarikat sebenarnya ada agenda tersirat yang cuba mengganggu-gugat keharmonian dan kestabilan negara. Inilah bentuk penjajahan baru yang sengaja dibuat dan ianya perlu diawasi. Inilah juga petanda dan tindakan angkuh pihak Amerika Syarikat untuk memperlihatkan kuasa besar mereka untuk bertindak dan mengecam negara-negara kecil serta mencabuli hak-hak kebebasan, keadilan dan kedaulatan sesebuah negara yang merdeka.

Sesungguhnya rakyat Malaysia khususnya rakyat di negeri Sarawak merasakan maruah bangsa dan negara telah dihina oleh orang luar yang sepatutnya tidak berhak mencampuri urusan pentadbiran negara yang berdaulat ini. Apatah lagi untuk menentukan siapa yang boleh berkuasa dan memerintah sesebuah negara. Orang luar tidak berhak untuk mengajar atau menentukan kedudukan pucuk kepimpinan negara kerana pemimpin di negara ini ditentukan dan dipilih oleh rakyat melalui proses pilihan raya yang bebas dan demokratik. Hanya rakyat di negara ini yang berhak menentukan siapa jadi pemimpin, bukannya orang asing. Walaupun negara kita kecil, kita ada maruah dan harga diri yang

perlu dipertahankan. Kita tidak sekali-kali akan tunduk di bawah telunjuk dan kehendak kuasa dan peraturan orang luar.

Rakyat Malaysia amat terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melalui kepimpinan beliau menerajui negara selama lebih 16 tahun, beliau telah berjaya membawa banyak perubahan. Dari hanya negara yang dikenali bergantung kepada sektor pertanian dan perlombongan pada tahun 70-an dan 80-an kepada sebuah negara membangun yang berjaya dalam bidang perindustrian pada tahun 90-an dan sekarang sedang hebat merencanakan era teknologi maklumat dan Era Teknologi Tinggi (hi-tech) dalam menuju alaf baru. Pencapaian seperti ini tidak pernah terfikir dan terlintas oleh para pejuang kemerdekaan dahulu. Sesungguhnya generasi pada hari ini harus bersyukur dan bertuah mempunyai pucuk pimpinan yang mampu mendahului zamannya demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat keseluruhannya.

Justeru itu, dalam keadaan pucuk pimpinan negara sedang menghadapi kecaman dan serangan orang asing, seharusnya setiap ahli masyarakat terus bersatu hati dan bekerja keras mendukung segala usaha pucuk pimpinan negara. Tidak sepatutnya dalam keadaan begini rakyat membiarkan pucuk pimpinan seseorang sedangkan nikmat yang dikecapi lebih 40 tahun yang lalu adalah hasil keringat dan usaha bertubi-tubi kerajaan untuk mengangkat martabat bangsa dan negara. Banyak lagi yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk mencapai cita-cita kita bagi membina satu Bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu dan sanggup berdiri teguh menghadapi apa jua cabaran dan ancaman.

Orang asing mungkin mendakwa bahawa mereka tahu masalah kita dan bagaimana untuk mengatasinya. Sebenarnya mereka tidak tahu kerana masalah di negara mereka sendiri pun tidak dapat mereka selesaikan. Keadaan di negara mereka sebenarnya jauh lebih lekeh dan lebih teruk daripada negara kita. Tetapi mereka tetap mempertahankan propaganda mereka atas prinsip demokrasi tulen dan kebebasan bersuara. Justeru itu, rakyat tidak seharusnya mudah terpengaruh dengan dakwaan dan dakyah orang asing. Kita lebih arif dengan masalah kita. Kita telah buktikan bahawa segala dasar yang diusahakan selama ini telah berjaya. Yang penting, kita tidak harus panik dan perlu mendisiplinkan diri dalam menyelesaikan apa jua masalah dan rintangan yang dihadapi. Inilah sumbangan rakyat yang begitu diharapkan dan jangan pula ada di antara kita yang menjadi 'musuh dalam selimut' atau 'tali barut' yang diperalatkan oleh golongan tertentu untuk memenuhi cita-cita mereka.

Sesungguhnya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah Bapa Perubahan dan Bapa Wawasan yang melalui dasar-dasar dan gagasannya yang pragmatik telah berjaya

mengubah corak hidup masyarakat Malaysia yang berbilang kaum menikmati arus pembangunan dan nikmat kemerdekaan yang sebenar.

Kemakmuran dan kecemerlangan negara sebenarnya dicemburui oleh negara luar. Hakikatnya, Malaysia merupakan negara kebanggaan dan model rujukan oleh negara-negara membangun seluruh dunia. Nikmat kemakmuran ini bukan sahaja dinikmati oleh rakyat tempatan, malah menjadi rahmat kepada penduduk-penduduk negara jiran apabila dianggarkan kira-kira 1.7 juta rakyat asing bekerja di pelbagai sektor di dalam negara.

Jelasnya, gaya kepimpinan dan arah tuju wawasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri pada hari ini begitu disenangi dan diterima oleh seluruh rakyat sama ada di tanah Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Kestabilan negara yang dikecapi terbukti jelas adalah hasil sikap toleransi, hormat-menghormati dan kepercayaan tanpa prasangka yang diamalkan, yang merupakan asas pengukuhan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama yang sudah pasti fenomena seperti ini jarang kelihatan bagi lain-lain negara di dunia ini.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri adalah Wira Bangsa dan pencetus semangat untuk rakyat beroleh kejayaan dengan gagasan 'Malaysia Boleh!'.

Kami dari Parti PBB dan rakan-rakan komponen Barisan Nasional akan terus setia dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri di sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kami juga berjanji akan terus berusaha dengan lebih gigih, lebih produktif dan bekerja lebih kuat untuk melonjakkan nama negara ke persada kecemerlangan dan kegemilangan bersama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

6.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, sejak awal-awal lagi PAS memberi peringatan dan amaran kepada kerajaan supaya bebas dan merdeka dalam menentukan dasar luar negeri dan menangani semua masalah tanpa terikat dengan mana-mana pihak kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan dan berdaulat. Sepatutnya kita bebas menentukan apakah bentuk pemerintahan yang kita pilih selaras dengan kepentingan negara dalam segala aspek.

Walaupun dikatakan telah mencapai kemerdekaan, tetapi beberapa keputusan dan sikap yang diambil oleh pihak kerajaan kadang-kadang terlalu ketara menunjukkan hanyut dan boleh dipengaruhi

oleh kuasa lain tanpa berpegang kepada prinsip menegakkan keadilan dan kebenaran di mana kadang-kadang kepentingan diri lebih diutamakan daripada kebenaran dan keadilan, maka dasar luar dan amalnya tidak berkonsisten dengan hakikat yang sebenar. Seperti dalam menangani masalah Palestin sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga sekarang kerana segan kepada Barat yang dikira negara terkuat.

PAS sentiasa menentang sekeras-kerasnya campur tangan negara lain dalam urusan negara kita dalam semua perkara kerana perkara ini menjadi urusan rakyat negara ini sendiri, seperti juga kerajaan dan rakyat negara ini tidak boleh menentukan dalam urusan negara lain dan apa-apa perkara yang berkait dengan urusan yang menjadi hak negara lain.

Agama Islam yang menjadi dasar dan pegangan PAS melarang penganutnya memaksa orang lain sama ada dalam konteks negara atau individu dan juga dalam perkara agama yang dianuti oleh seseorang.

Zaman penjajahan sudah berlalu dan tidak ada lagi dalam dunia moden yang dikatakan bertamadun ini berlakunya perkara-perkara tersebut. Zaman ini bukan lagi zaman upeti di mana negara lemah dipaksa membayar upeti kepada negara yang lebih kuat yang dinamakan Syarikat India-British atau India-Belanda yang memonopoli kuasa politik dan ekonomi, sepatutnya tidak wujud lagi sekarang. Semua perkara yang berlaku di zaman itu sudah diletakkan dalam lipatan sejarah yang dianggap menjadi peristiwa hitam dalam sejarah manusia sejagat.

Kita merasa terkejut apabila munculnya berita ahli-ahli Kongres Amerika dan beberapa akhbar di Amerika dikatakan mahu supaya pemimpin negara kita meminta maaf atau meletak jawatan kerana memberi kenyataan yang dianggap anti-Yahudi. Perkara ini menjadi bukti dan keyakinan bahawa negara Amerika yang besar itu sebenarnya berada di bawah pengaruh Yahudi yang menjadi golongan minoriti yang berjumlah hanya 4 juta orang di Amerika dan 34 juta orang di seluruh pelosok dunia.

Kita tidak menyangka negara yang dianggap termaju dan terbesar di dunia itu mahu memaksa negara lain dengan slogan The New World Order - Orde Baru Dunia, rupanya dikuasai oleh segelintir bangsa Yahudi yang menguasai ekonomi, media massa dan seterusnya mempengaruhi politik yang menunjukkan bahawa Amerika juga dikuasai oleh politik wang dan media massa yang teruk seperti juga di Malaysia sehingga ada kalangan yang mendedahkan bahawa sesiapa sahaja yang mahu menang dalam pilihan raya Presiden, Kongres dan Mayor di Amerika mestilah membuat kenyataan-kenyataan terbuka menyokong Israel, kalau tidak, maka menemui kegagalan.

Kita tidak seharusnya boleh dipaksa dalam mengadakan hubungan apa sahaja bentuknya dengan mana-mana negara di dunia ini termasuk juga negara yang bermusuh dan disenaraihitamkan oleh pihak Amerika seperti Sudan, Libya, Iran dan Iraq, seperti juga kita tidak seharusnya campur tangan dalam urusan negara lain sama ada hal dalaman atau luar negeri kerana tindakan sebegitu rupa adalah menyalahi moral dan adab masyarakat antarabangsa sejak zaman berzaman.

Yang paling anehnya, negara yang disenaraihitamkan oleh Amerika itu kononnya kerana keganasan dan memberi perlindungan kepada pengganas tanpa bukti yang kukuh benar-benar melakukan keganasan seperti menceroboh negara lain dan melakukan kegiatan keganasan atau memberi perlindungan kepada pengganas yang dapat dibuktikan atau mempunyai kadar jenayah yang paling tinggi. Sebaliknya, Amerika sendiri yang mempunyai senarai keganasan yang paling buruk di dunia sama ada dalam sejarahnya di zaman silam membunuh orang-orang asli dan merompak tanah air dan hak mereka, begitu juga dalam sejarah moden seperti campur tangan di Vietnam, Lubnan, Somalia dan lain-lain dan juga senarai keganasan dalam negerinya sendiri yang tidak terkawal di mana jenayah berlaku mengikut kadar saat, bukan lagi hari dan jam.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada negara-negara lain lebih banyak tidak ada bukti yang kukuh, tetapi lebih banyak ditentukan oleh sikap ingin melakukan penjajahan bentuk baru dalam menguasai politik, ekonomi dan persenjataan dengan menghalalkan keganasan yang dilakukan ke atas negara lain yang tidak bersedia tunduk kepada kemahuannya. Bukan sahaja membolehkannya campur tangan dalam urusan negara lain, perkara dalaman dan luar negeri, bahkan ke peringkat menangkap individu-individu seperti yang dilakukan kepada rakyat Libya, Palestin dan Pakistan dengan memaksa supaya dibuktikan olehnya dan dibicarakan oleh mahkamah mereka sehingga bagi menilai dan menentukan keamanan dunia dan keadilan mestilah mengikut telunjuk Amerika walaupun melakukan pencerobohan terhadap negara lain seperti yang dilakukan ke atas Iraq dan Libya. Sehingga kini Amerika menghalalkan dirinya dan negara yang ditentukan olehnya untuk memiliki senjata pemusnah yang paling canggih.

Negara lain tidak boleh memiliki teknologi nuklear walaupun untuk tujuan keamanan. Amerika dan sekutu-sekutu Baratnya dan juga Israel yang ganas itu tidak termasuk dalam senarai negara yang diharamkan memiliki senjata pemusnah yang telah menjadikan manusia itu lebih ganas daripada binatang

buas, kerana binatang buas hanya mampu membunuh beberapa orang sahaja dalam satu masa, tetapi senjata pemusnah yang canggih boleh membunuh berjuta manusia dalam sekelip mata, boleh memusnahkan kehidupan dan merosakkan alam sekitar. Sehingga kini Amerika tidak menandatangani pengharaman periuk api dan paling aneh beberapa tindakan pencerobohan Amerika berlesen melalui Bangsa-bangsa Bersatu dengan mendapat restu daripada negara-negara anggota termasuk Malaysia sendiri.

Amerika diberi kebenaran oleh masyarakat antarabangsa untuk campurtangan dalam Perang Teluk dengan mengambil alasan daripada pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, tetapi sebenarnya untuk mengawasi kawasan simpanan petrol terbesar di dunia dan melindungi negara haram Israel yang memberi makna besar kepada keputusan pilihan raya di Amerika.

Kami tidak lupa bahawa Perdana Menteri pernah menyokong resolusi tajaan Amerika tahun 1990 dahulu untuk menggempur dan menghancurkan Iraq. Amerika juga terlibat dalam menentang kebangkitan semula umat Islam di mana sahaja. Di belakang menghalang kemenangan parti Islam di Algeria, membenarkan rejim tentera memerintah secara diktator di negara-negara umat Islam yang dikira golongan Islam boleh menang, melalui demokrasi seperti di Turki, Mesir, Tunisia, Indonesia dan lain-lain. Amerika terlibat bersama-sama kuasa besar yang lain melalui CIA dalam peristiwa menjatuhkan hukuman mati secara undang-undang yang dilakonkan dan pembunuhan secara senyap ke atas pemimpin-pemimpin gerakan Islam di beberapa buah negara Asia Barat. Perkara ini didedahkan sendiri oleh kalangan mereka dalam beberapa kenyataan

dan buku-buku yang dikarang selepas bersara. Kita percaya sudah tentu mereka sangat bersetuju dengan penyingkiran Mufti Selangor baru-baru ini yang dilakukan di Malaysia.

Perlu difahami oleh semua pihak betapa zionisme yang didalangi Yahudi bercita-cita besar untuk menakluk dunia itu dapat mempengaruhi pemerintahan mereka. Negara-negara besar yang lain dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan cabang-cabangnya dalam organisasi politik seperti Majlis Keselamatan, organisasi ekonomi seperti Bank Dunia, organisasi pendidikan seperti UNESCO dan lain-lain, menguasai media massa melalui Reuters, UPI, CNN dan lain-lain juga menguasai pertubuhan-pertubuhan amal seperti Lions Club, Rotary Club dan lain-lain yang berselindung di sebalik kerja-kerja kebajikan dan juga pertubuhan Freemason bagi mempengaruhi orang-orang kenamaan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Saya tidak tahu sama ada Freemason ini mendapat kebenaran daripada kerajaan atau tidak.

PAS pernah memberi amaran berkenaan bahaya zionisme, Yahudi dan peranan Amerika sejak lebih 40 tahun, termasuk melalui Parlimen, apabila menjadi parti pembangkang pertama dalam sejarah pilihanraya di Malaysia di negara ini, menasihati kerajaan supaya berhati-hati dalam menghadapi percaturan politik antarabangsa, bahaya mengadakan hubungan dengan Israel dan sikap PAS tidak berubah sehingga hari ini. Sikap kepimpinan negara kita agak terlambat untuk memahami kerenah-kerenah Amerika dan Yahudi.

Kita baru beberapa bulan sahaja menentang kedatangan Pasukan Kriket Israel, masih ada lagi pemuda-pemuda, pelajar-pelajar yang menunggu perbicaraan mahkamah kerana bantahan itu dan terpaksa berdepan dengan kerajaan yang bertindak bagi pihak Israel. Tidakkah kerajaan pernah menandatangani satu perjanjian sulit ketenteraan dengan Amerika pada tahun 1984 dahulu yang memberi kemudahan kepada Angkatan Tentera Amerika di pelabuhan-pelabuhan dan pangkalan tentera kita. Adakah kerajaan bersedia untuk membatalkan perjanjian ini? Walaupun PAS hanya parti pembangkang, tetapi sikapnya tetap bersama.

Seluruh parti Islam di seluruh dunia menentang Amerika dan Yahudi, gerakan Islam menjadi golongan terawal dan terakhir menentang sebarang campurtangan asing, walaupun secara ketenteraan dan sikap ini bukannya kerana adanya usul ini, tetapi mendahului usul ini. PAS menganggap usul ini terlalu kecil dan tidak penting, kerana ianya lebih bersifat 'latah' apabila digertak bukannya secara faham dan berteraskan akidah. Apa perlunya usul ini kalau sudah dikatakan Perdana Menteri sebenarnya mendapat kepercayaan rakyat dan terlalu kuat. Kita merasakan usul ini lebih bersifat mengampu dan mahu menutup masalah negara yang besar seperti krisis mata wang, kejatuhan saham dan mahu menutup masalah dalaman yang ada dalam kerajaan, bukannya kerana menentang zionisme dan Amerika.

Kita tidak mahu usul ini menjadi 'sokong membawa rebah' kerana ia menampakkan seperti tidak ada kepercayaan kepada Perdana Menteri sehingga perlu diisytiharkan kepercayaan. Kita tidak yakin bahawa kerajaan

bersungguh-sungguh dan istiqamah menentang Yahudi dan Amerika. Ianya boleh kendur dan berubah terbalik dalam sekelip mata sahaja kalau mendapat simpati Amerika dan Yahudi dalam menangani masalah ekonomi sekarang sikap kerajaan mesti berpaling tadah dan kita tetap menentang Amerika dan Yahudi yang biadap, walaupun bersendirian bukannya kerana usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Datuk Menteri.

6.35 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng

Ding]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut berucap bagi pihak parti SUPP iaitu salah sebuah dari 14 parti komponen Barisan Nasional.

Bagi ahli-ahli termasuk Presiden parti, saya ingin menyatakan dengan sejelas-jelas dan setegas-tegasnya sokongan padu parti SUPP ke atas usul khas memberi keyakinan penuh, sokongan tidak berbelah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Pengerusi Barisan Nasional.

Saya juga berdiri mewakili parti SUPP bersama-sama parti lain untuk terus mempertahankan prinsip menghormati kerukunan hidup rakyat berbagai kaum dan agama dan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, prinsip tersebut terus

diamalkan. Justeru itu menafikan sekeras-kerasnya kenyataan anti mana-mana kaum termasuk Yahudi terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kami juga membantah dengan sekeras-kerasnya cadangan usul dari 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita dengan corak kepimpinan yang dinamik dan tersendiri disanjung tinggi dan dihormati oleh setiap lapisan masyarakat, tidak mengira kaum, agama, tua atau muda.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah memimpin negara kita lebih dari satu setengah dekad. Kejayaan yang sudah dicapai oleh Malaysia telah menjadi envy negara-negara sedang membangun dan juga negara-negara maju. Amat jelas kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri tidak memberi ruang untuk sesiapa mempertikaikan kualitinya. Orang asing seperti 34 orang Ahli Kongres Amerika Syarikat yang telah mengemukakan usul untuk mencemar nama baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan rakyat Malaysia, tidak ada hak langsung untuk campur tangan dalam hal ehwal negara kita, apatah lagi mendesak seorang Perdana Menteri yang disanjung begitu tinggi oleh rakyat negaranya sendiri untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Rakyat Malaysia telah begitu matang dan tidak perlu khidmat nasihat dan campur tangan rakyat asing untuk menentukan pemimpinnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah melaksanakan polisi dan mempaparkan corak kepimpinan dan sikap yang adil saksama dan terbuka. Di bawah pimpinan beliau, negara dan rakyat telah menikmati kestabilan politik, keharmonian, toleransi dan saling hormat-menghormati di kalangan rakyat berbagai kaum dan agama diiringi pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi yang amat membanggakan.

Sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengilhamkan dan memperkenalkan Wawasan 2020 yang telah diterima oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia, malahan turut diuji dan diteladani oleh negara-negara lain khususnya negara yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berpegang teguh kepada prinsip 'without fear or favour'. Beliau adalah seorang pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran atau mendedahkan faktor-faktor yang dianggap sensitif oleh sesetengah negara. Keberanian yang beliau tunjukkan bukan bermaksud sombong atau angkuh, tetapi untuk memperbetulkan kebenaran secara adil dan saksama yang pemimpin-pemimpin lain takut untuk mendedahkan. Oleh sebab itu, ramai yang berasa iri hati terhadap beliau dan menunggu masa untuk membaling berbagai tohmahan yang tidak berasas. Mereka tidak mahu Malaysia dipimpin oleh seorang pemimpin yang berkaliber dan berani bersuara seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Pada mereka hak untuk bersuara adalah hak kuasa-kuasa besar

sahaja. Negara seperti Malaysia dan pemimpinnya yang cuba menegakkan keadilan dan memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun khususnya harus dijatuhkan.

Rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian berasa amat kecewa dan kesal ke atas apa yang telah dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Mereka telah menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab dengan mencuba berbagai cara untuk menghancurkan ekonomi yang telah kita bangunkan selama ini dengan harapan agar negara-negara membangun seperti Malaysia akan sentiasa ketinggalan di belakang dan boleh dijajah semula melalui kegiatan ekonomi.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia dan sahabat-sahabat kita di seluruh dunia supaya tampil ke hadapan sama-sama membela dan mempertahankan pemimpin Malaysia dan juga negara Malaysia amnya. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah diterima rakyat Malaysia yang terdiri dari lebih seratus kaum yang berbilang agama di seluruh Malaysia. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah pemimpin kemegahan seluruh rakyat Malaysia. Hakikat ini harus dihormati dan diterima masyarakat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah membuktikan beliau adalah seorang pemimpin yang bersikap terbuka dalam menangani sebarang isu. Dalam suasana yang tidak menentu beliau telah menyokong penayangan filem bertajuk 'The Schindler's List' dan membenarkan Pasukan Kriket dari Israel ke

Malaysia. Beliau juga telah membenarkan pelajar-pelajar dari Israel datang ke sini, walaupun dianggap sebagai suatu yang sensitif. Pendirian beliau adalah berasaskan bahawa melalui lawatan sebegini akan dapat membantu dunia luar melihat dan memahami cara hidup berdamai di negara kita dengan harapan mereka dapat menghargainya.

Kenyataan yang menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad seorang insan yang telah memperjuangkan segala-galanya demi keadilan berbilang bangsa dan agama sebagai anti-Yahudi adalah amat tidak berasas dan paling tidak adil, bak kata pepatah 'kuman di seberang sana nampak, gajah di hadapan mata tidak nampak'. Saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, apa jenis penyakit yang mereka hadapi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah dengan rendah diri mengatakan kenyataan beliau telah disalahtafsir dan diputarbelit oleh unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab. Kenyataan ini harus diterima dengan baik oleh Ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat yang mempunyai bionic eyes, melihat kuman-kuman di Malaysia. Mereka harus bersikap terbuka dan demi kepentingan hubungan kedua negara menarik balik usul yang tidak berasas, yang mereka perjuangkan. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi bagi pihak parti, saya menyokong penuh usul yang di hadapan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

6.45 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah pun diperkatakan dan akan diperkatakan mengenai keunggulan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Kita mengetahui bahawa beliau adalah jurucakap dunia ketiga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pemimpin dunia Islam yang bermartabat. Beliau juga adalah pembela rakyat tanpa mengira batasan-batasan kaum, agama ataupun budaya. Oleh itu, tiada ugutan ataupun tohmahan mana-mana pihak luar sekali pun yang akan kami dari pihak penyokong-penyokong kerajaan ataupun BBC izinkan untuk menggugat kepercayaan dan keyakinan rakyat Malaysia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam apa bentuk jua sekali pun. *[Tepuk]*

Sebelum saya lebih lanjut dengan perbahasan ini, saya merakamkan rasa kesal saya terhadap tindak-tanduk pihak Ketua Pembangkang sebentar tadi. Kalau hendak sokong - sokong sepenuhnya, kalau tidak sokong - cakap tidak sokong, jangan main separuh-separuh. *[Tepuk]*

Saya juga agak terkeliru dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Presiden PAS iaitu ahli dari Marang yang nampaknya seolah-olah melalui satu jalan American bashing, tetapi tidak langsung menyokong kepimpinan sebuah negara Islam, seorang pemimpin Islam yang cuba diganggu-gugat oleh sekelompok manusia yang saya percaya adalah ditaja oleh kelompok-kelompok yang anti-Islam. Atas hakikat inilah saya mengancam

sekeras-kerasnya tindakan 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat yang mentohmah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai anti-Yahudi dan seterusnya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon maaf secara terbuka dan jika gagal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatannya sebagai pemimpin tertinggi Malaysia yang merdeka, yang berdaulat dan bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar BBC pun turut sedar bahawa usul mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ditaja dan diusahakan oleh 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat ini masih di peringkat awalan, masih di peringkat cadangan dan belum lagi pasti diterima oleh Kongres Amerika sepenuhnya. Tetapi izinkan saya katakan di Dewan yang mulia ini bahawa usaha sedemikian adalah bertentangan dengan beberapa peruntukan yang termaktub di dalam Kanun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Charter).

Semua Ahli Kongres Amerika Syarikat yang mengusahakan dan menaja usul ataupun cadangan usul mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia perlu sedar bahawa Malaysia adalah Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Begitu juga dengan Amerika Syarikat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diwujudkan atas beberapa matlamat yang murni. Ini termasuklah matlamat memelihara keselamatan dan keamanan sejagat.

Contohnya, Fasal 2(1) Kanun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa, dengan izin, *‘The Organization is based on the principle of the sovereign equality of all its members’* ataupun secara bebasnya saya

tafsirkan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu diwujudkan atas prinsip-prinsip persamaan kedaulatan seluruh negara anggotanya. Fasal 2(4) Kanun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pula menyatakan, dengan izin “*All members shall refrain in their international relation from the threat or the use of force against the territorial integrity or political independence of any state, or in any other manner inconsistent with the purposes of the United Nations*”. Maksudnya, mana-mana negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di dalam melaksanakan dasar-dasar antarabangsanya hendaklah mengelak dari menggunakan ugutan atau kekerasan ataupun tekanan yang bercanggah dengan integriti kewilayahan atau bertentangan dengan kemerdekaan politik sesuatu negara ahli yang lain. Fasal ini juga melarang mana-mana negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melanggar mana-mana matlamat kewujudan PBB itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu oleh sekumpulan lapan orang ahli perniagaan Amerika Syarikat yang menemui saya pagi tadi atas urusan lain, bahawa Kongres Amerika Syarikat mempunyai 435 kerusi di peringkat “Lower House” dan 100 lagi kerusi di peringkat “Upper House”. Ini bermakna bahawa 34 Ahli Kongres yang cuba campur tangan dalam urusan politik Malaysia kali ini hanya mewakili segelintir atau mewakili sejumlah peratusan yang kecil dari kalangan keseluruhan Ahli Kongres Amerika Syarikat. Ini bermakna mereka merupakan golongan minoriti di Amerika Syarikat.

Jika inilah hakikat yang sebenar-benarnya, saya harap majoriti Ahli Kongres Amerika Syarikat yang lainnya akan bertindak menasihati 34 Ahli

Kongres yang terlibat dengan usaha campur tangan atau cuba memalukan Perdana Menteri Malaysia ini. Mereka juga mesti meminta maaf kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, mereka mesti meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia dan mereka mesti menuntut maaf kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya harap Presiden Clinton sendiri akan campur tangan mewaraskan 34 Ahli Kongres ini supaya mereka sedar dan insaf bahawa tindakan mereka terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia adalah bertentangan dengan Kanun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat yang saya yakin sekali lagi ditaja oleh suatu kelompok manusia tertentu yang emosional di Amerika Syarikat ini, saya harap akan sedar dan insaf bahawa tindakan mereka adalah negatif, tindakan mereka tidak akan menyumbang kepada apa jua usaha memupuk keamanan dan kesejahteraan sejagat.

Saya juga mendesak Duta Besar Amerika Syarikat yang berpangkalan di Kuala Lumpur, yang semalam membuat kenyataan bahawa rakyat Malaysia seolah-olah emosional di dalam konteks cadangan usul mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang dibuat oleh Ahli-ahli Kongresnya supaya Duta Besar ini juga melaporkan kepada Washington DC dan Capitol Hill, bahawa kami rakyat Malaysia berdiri teguh di atas prinsip kesejahteraan sejagat, sebagaimana yang termaktub di dalam kanun yang saya sebutkan tadi. Juga tolong nyatakan bahawa rakyat Malaysia adalah 'peace loving people', orang yang sentiasa memelihara keamanan dan juga cintakan keamanan. Pada

waktu yang sama kami menyeru Duta Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur supaya memberitahu Ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat seluruhnya bahawa amalan politik di Malaysia tidak sama dengan amalan politik di Washington DC.

Kami tidak datang ke Dewan Rakyat atas dukungan kumpulan-kumpulan lobi, kami tidak datang ke Dewan Rakyat Malaysia atas dukungan wang kumpulan tertentu yang ingin menguasai Kerajaan Malaysia. Kami datang ke Dewan Rakyat atas tajaan sokongan rakyat jelata di peringkat akar umbi. Jadi, kalau ada sekelompok Ahli Parlimen atau Ahli Kongres Amerika Syarikat yang datang ke Kongres Amerika Syarikat atas dukungan kelompok tertentu dan atas biaya kerajaan, biaya kewangan kelompok tertentu, jangan dia cuba mempermainkan politik yang cuba diperjuangkan oleh kelompok-kelompok itu terhadap Malaysia dan pemimpin Malaysia. Kita tidak akan rela dengan perbuatan seperti itu. Juga di Malaysia kami tidak mempunyai public relations, syarikat-syarikat public relations yang akan mengendalikan hal ehwal seseorang ahli Parlimen. Di Amerika Syarikat kalau wujud kami tidak akan persoalkan, tetapi janganlah minat golongan-golongan lobi dipanjangkan ke dalam Kongres untuk mempersendakan satu negara lain yang berdaulat dan merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Presiden Clinton, saya berharap semoga beliau juga akan berani untuk menegur. Saya sebut “semoga Presiden Clinton akan berani untuk menegur” perbuatan 34 Ahli Kongresnya terhadap Malaysia. Saya menyatakan rayuan ini kerana di dalam pertemuan Clinton dengan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di White House pada 7 Mei 1994, Presiden Clinton telah melahirkan hasrat Amerika Syarikat untuk menjalin hubungan lebih baik dengan Malaysia secara kekal dan abadi katanya. Dalam pertemuan selama 80 minit itu, termasuk pertemuan 10 minit antara empat mata, Presiden Clinton telah dilaporkan sebagai berkata, bahawa beliau mengkagumi kepimpinan Perdana Menteri Malaysia iaitu Mahathir Mohamad serta kagum dengan pencapaian Malaysia mutakhir.

Atas hakikat ini, saya yakin Presiden Clinton akan menggunakan kebijaksanaannya menangani karenah Ahli Kongresnya yang bertindak untuk serba-sedikit merenggangkan hubungan baik Amerika Syarikat dan Malaysia hari ini.

Saya juga mendesak perkara ini supaya Clinton membuktikan kata-kata yang diungkapkan bahawa beliau mengkagumi kepimpinan Mahathir Mohamad yang hari ini cuba dan sedang diperkotak-katikkan oleh 34 Ahli Kongres dari Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas isu membabitkan penganugerahan jurisdiction undang-undang Amerika Syarikat iaitu Akta Sekatan Iran-Libya 1996 ke atas negara-negara lain yang merdeka dan berdaulat, termasuklah Malaysia.

Akta ini diluluskan oleh Kongres Amerika Syarikat atas sebab-sebab yang relevan dengan senario politik Amerika Syarikat serta juga serasi dengan selera kelompok-kelompok lobi yang juga menaja Ahli Kongres yang membawa akta tersebut. Saya tidak berhak untuk menyatakan sama ada akta tersebut baik atau sebaliknya. Bagaimanapun, saya menentang sekeras-kerasnya jika akta ini mahu diluaskan jurisdiction penguatkuasaannya ke atas negara lain termasuk Malaysia dan juga syarikat Malaysia. Usaha seperti ini

bukan sahaja melanggar prinsip dan semangat Kanun Hak Asasi Sejagat 1948, usaha ini juga melanggar prinsip dan semangat liberalisme perdagangan yang diperjuangkan oleh World Trade Organisation dan pada waktu yang sama usaha ini juga melanggar semangat dan prinsip keadilan yang sentiasa dipelihara dan diperjuangkan oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSO).

Pada 23 Julai 1997 Alan Lason, iaitu seorang Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat memberitahu Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa Amerika Syarikat bahawa, dengan izin, *“Our active efforts to implement ILSA (Iraq-Libya Sanction Act) have not been without cost. ILSA has been the source of increasing friction in our bilateral relations with some of our closest friends and alliance, especially in Europe.”* Ertinya, akta ini telah pun diakui oleh seorang Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat kerana Setiausaha Negaralah yang bertanggungjawab terhadap akta ini, bahawa akta ini telah menjadi satu sumber pergeseran bilateral di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara lain baik kawan, mahupun sekutu termasuk di Eropah.

Penolong Setiausaha yang sama juga menegaskan bahawa *“the threat of ILSA Sanctions against firms from these countries*, bermakna terhadap syarikat-syarikat dalam negara ini, *and their assertion that we are using our law to impinge on their foreign policy prerogatives and commercial interests have prompted sharp reactions.”* Akta ini telah membangkitkan banyak criticism, banyak reaksi yang agak tidak sihat terhadap Amerika Syarikat khususnya di Eropah. Ini jelas apabila Jacques Chirac menyatakan sokongan sendirian dengan Malaysia dan Mahathir terhadap ura-ura Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengenakan tindakan ke atas Petronas. Jika pihak Setiausaha Negara Amerika Syarikat telah menginsafi bahawa Akta Sekatan Iraq-Libya boleh menjejaskan hubungan baik Amerika Syarikat dengan sahabat dan sekutu, maka ianya tidak seharusnya dikuatkuasakan ke atas entiti mana-mana perniagaan dari mana-mana negara asing sekali pun.

Atas asas ini saya menentang ura-ura Amerika Syarikat untuk menggunakan Akta Sekatan Iraq-Libya ke atas Petronas yang melabur dalam industri gas di Iran. Usaha seperti ini tidak adil dan pasti akan menjejaskan hubungan baik Amerika Syarikat dan Malaysia sekarang. Oleh itu, saya harap Kerajaan Malaysia tidak akan berganjak dengan pendiriannya terhadap isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lubok Antu.

7.03 mlm.

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri atas nama rakyat Sarawak, mewakili semua rakyat jelata Sarawak, para petani di rumah panjang sehingga kepada masyarakat bandar yang terdiri daripada kakitangan kerajaan serta para peniaga dan pedagang, saya bangun untuk menyokong usul yang sangat bermakna ini. Saya berdiri atas nama Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyatakan sokongan padu kami terhadap usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Usul yang mengungkapkan sokongan padu terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Seluruh rakyat Sarawak khususnya dan rakyat Malaysia amnya amat menghargai pengorbanan Perdana Menteri terhadap kemajuan dan pembangunan negara. Sejak tahun 1981 setelah Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau telah banyak berkorban untuk pembangunan negara. Rakyat desa hidup senang lenang, mudah mencari rezeki, hidup senang menikmati arus pembangunan negara. Begitulah para pedagang dan peniaga mudah meraih peluang niaga, tidak mungkin terdapat kerajaan yang amat pro kepada peniaga serta pedagang selain daripada Malaysia.

Malaysia muncul dalam peta dagangan dunia terletak dalam senarai ke-17 dalam perdagangan dunia. Malaysia disebut-sebut sebagai model negara membangun. Dalam sekelip mata muncul sebagai 'naga' kecil di Asia di samping Taiwan, Singapura dan Jepun. Nama Malaysia sering meniti dari bibir ke bibir disebut di mana-mana sebagai jagoan Dunia Ketiga, muncul sebagai jurubicara mutlak Dunia Ketiga untuk berhadapan dengan negara-negara Barat, terutama Amerika Syarikat. Imej Dr. Mahathir ialah imej yang dinamik, sekali gus memancarkan imej Malaysia yang ingin maju dan sekali gus ingin perubahan mendadak dalam tata atur dunia secara global.

Lantaran itu, beliau tidak ragu-ragu berbicara dengan lantang tentang konsep memperkayakan jiran, konsep dagangan yang lebih adil dalam G15 dan APEC. Dalam Persidangan Negara-negara Komanwel beliau lantang menyuarakan isu-isu mata wang. Beliau mahu Persatuan Negara-negara Islam bersatu, mengubah sikap dan bersedia menghadapi ketidakadilan Barat terhadap negara-negara Islam. Begitulah insan yang bernama Dr. Mahathir bin Mohamad yang sejarah politiknya memancarkan imej pantang dicabar, memandang jauh ke depan dan penuh dengan misi serta visi. Tokoh yang memulakan perubahan dengan menukar jarum jam agar rakyat Malaysia Timur dan Malaysia Barat dapat hidup bersama, sama-sama berkongsi harapan dan impian, sama-sama berganding

bahu membangunkan negara serta sama-sama menghargai nilai yang sama walaupun kami bermula dalam kepelbagaian agama, adat resam serta budaya.

Riwayat politik Dr. Mahathir ialah riwayat yang penuh mencabar. Berbekalkan iltizam yang kukuh dan visi yang tinggi melangit, Dr. Mahathir muncul di tengah-tengah harapan rakyat yang cukup tinggi. Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir berjaya mengibar bendera Malaysia di pentas dunia. Malaysia dihormati oleh lawan dan kawan. Malaysia mencipta nama dari masa ke semasa. Sahabat Malaysia bertambah hari demi hari. Semua bangsa dan negara berlumba-lumba untuk bersahabat dengan Malaysia. Mereka ingin belajar bagaimana Malaysia menjadi maju dalam sekelip mata. Mereka ingin tahu apakah lampu ajaib yang digunakan oleh Malaysia. Malaysia saling berganti menerima tetamu asing yang datang hanya untuk mempelajari apakah ilmu yang digunakan oleh Dr. Mahathir untuk memajukan negara.

Dengan masyarakat berbilang bangsa, budaya dan negara sebagai latar belakang, negara terus mencipta kejayaan demi kejayaan, dan semua cerita dan kisah tentang kejayaan ini ternyata tidak dicapai dengan mudah. Semua kejayaan ini dicapai hasil dari kerja keras semua pihak yang terlibat yang merupakan hasil kegemilangan gabungan tenaga rakyat jelata, para pekerja, petani dan nelayan serta barisan kepimpinan yang ada. Kisah kejayaan ini tentulah hasil daripada kerja kuat dan wawasan kepimpinan yang sedia ada. Tanpa misi dan visi yang jelas sudah pasti negara tidak mampu mencipta kejayaan seperti yang sedang dinikmati kini.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin yang kini jelas telah meletakkan asas yang kukuh untuk meraih kejayaan yang lebih unggul. Dalam konteks inilah betapa kita rakyat Malaysia mesti terus bersatu untuk mempertahankan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kita masih perlukan kepimpinan kedua-dua tokoh ini. Mereka sanggup bersusah payah, mencanai otak dan bersenting lengan untuk terus memajukan negara. Begitulah sejarah telah meletakkan harapan yang tinggi terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Gandingan kedua-dua pemimpin yang amat mantap dan stabil ini sudah cukup untuk meyakinkan rakyat jelata.

Siapakah 34 orang ahli Kongres Amerika Syarikat yang dengan begitu angkuh mendesak Perdana Menteri meletakkan jawatan? Siapakah 34 orang ahli Kongres Amerika Syarikat yang sanggup mencabar kewibawaan rakyat dan negara kita, kita punya maruah dan kita punya harga diri? Kita tentu

tidak mahu maruah, harga diri dan kewibawaan kita dicabar dengan begitu mudah. Rakyat Iraq sanggup berkubu betis untuk mempertahankan pemimpin besar mereka, Saddam Hussin. Rakyat Iraq sanggup mati, menderita dan berlapar hanya untuk mempertahankan maruah, kewibawaan dan imej pemimpin besar mereka. Rakyat Libya dan rakyat Iran juga sanggup berkorban apa sahaja demi harga diri, maruah dan kewibawaan pemimpin mereka.

Hari ini marilah kita sama-sama menyatukan azam untuk mempertahankan harga diri dan kewibawaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Timbalan Perdana Menteri. Rakyat masih perlukan kepimpinan kedua-dua pemimpin ini. Orang luar bandar di Sarawak masyarakat Dayak terutamanya para pengundi rumah panjang masih sayangkan kedua-dua pemimpin ini. Mereka masih perlukan kepimpinan tokoh-tokoh ini. Rakyat Sarawak khususnya percaya bahawa hanya dengan pimpinan tokoh dinamik dan berwawasan ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama gandingan paling cocoknya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, rakyat dan negara pasti dapat terus menerus menikmati arus pembangunan dan kemajuan negara.

Akhirnya, saya mewakili Presiden Parti Bangsa Dayak Sarawak, Ahli-ahli Majlis Tertinggi Parti Bangsa Dayak Sarawak ingin merakamkan sokongan kepada usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.

7.11 mlm.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ada menyuarakan tadi jika mahu sokong usul ini sokonglah. Jika tidak, jangan sokong. Atas prinsip tidak boleh dinafikan jika sesuatu negara lain mencampur tangan dalam hal dalaman sesuatu negara, kita tidak boleh terima. Kami terima itu. Tetapi apa yang kami tidak boleh terima adalah bolehkah satu usul yang seperti ini khasnya perenggan yang terakhir, *“Dan di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.”* Satu undi kepercayaan kepada seorang Perdana Menteri adalah satu perkara yang dalam sejarah Dewan yang mulia ini, ini adalah kali yang kedua di mana satu usul seperti ini dibentangkan.

Dalam tahun 1976 jika saya tidak silap apabila Tun Hussein Onn mengambil alih jawatan Perdana Menteri, ada satu usul yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Itu ada atas perkara yang luas di mana usul itu mendapat sokongan, jika saya tidak silap daripada semua pihak dalam Dewan ini. Tetapi malangnya hari ini ada ulang tahun ke sembilan bagi insiden Memali, dan lebih

daripada itu usul, surat yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah daripada 34 ahli Kongres bertarikh 27 Oktober 1997, ulang tahun ke sepuluh Operasi Lalang. Kedua-dua tarikh ini saya ingat tidak baik, taubatlah semua ahli-ahli Barisan Nasional dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, dalam hal immunity Raja-raja Melayu dalam tahun 1993 kami dari DAP ada memberi sokongan penuh kepada kerajaan, kerana atas prinsip itu adalah satu keperluan dan berdasarkan itu kami memberi sokongan yang penuh. Hari ini atas permintaan rakan saya dari Tanjong tadi apabila dia membawa satu pindaan kepada usul ini, apa yang diminta adalah untuk mengasingkan apa yang halal daripada apa yang haram. *[Ketawa]* Jika isi kandungan usul ini adalah apa yang halal untuk menutup tindakan ahli-ahli Kongres dan juga cubaan yang dibuat untuk menguatkuasakan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas Syarikat Petronas yang melabur di dalam industri gas di Iraq, kami memberi sokong. Tetapi jika ada perkara-perkara lain, jika ini adalah satu perangkap atau trap di mana jika kami memberi sokongan hari ini, esok dalam surat khabar “DAP memberi sokongan penuh kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.” Saya ingat itu tentu apa yang terjadi besok jika kami memberi sokongan kepada usul ini dalam konteks apa yang ada sekarang. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh membuat sendiri satu pindaan berdasarkan dengan pindaan yang dibawa oleh rakan saya tadi. Jika itu boleh dibuat, kami memberi sokongan penuh.

Tuan Speaker, bagi apa yang jadi asas usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri, apa yang dikatakan oleh 34 ahli Kongres ini adalah mengenai apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri di Kuala Terengganu. Jika saya tidak silap apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri mendapat sokongan penuh daripada ahli Gua Musang. Dia memberi sokongan, dan dalam surat khabar jika saya tidak silap ada tajuk ini, satu komplot Yahudi untuk memusnahkan negara-negara Islam. Adakah itu benar, adakah apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri apa yang dikatakan oleh 34 ahli Kongres ini. Malangnya, Perdana Menteri sendiri tidak ada di sini hari ini. Jika dia ada di sini dia sendiri boleh barangkali memberi apa-apa perkataan yang digunakan. Maksud adalah something subjektif.

Apa yang dikatakan mereka, 34 ahli Kongres ini, dan apa yang dicadangkan oleh rakan saya dari Tanjong tadi, apa yang dikatakan oleh dia ada dalam televisyen, boleh disiarkan di sini untuk apa yang ada di sana kaset itu tidak dimusnahkan. Itu jadi rekod bagi semua stesen TV. Ini bukan pita video lucu, D.P.Vijandran. *[Ketawa]* Itu barangkali tidak boleh disiarkan walaupun diterima sebagai barang kes dalam Dewan ini oleh Tuan Yang di-Pertua yang baru masuk ke Dewan ini, ini perkara lain.

Tetapi on a serious note, bolehkah kami dapat tahu apakah perkataan-perkataan yang digunakan. Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah beliau tidak bermaksud apa yang dicakap oleh 34 ahli Kongres ini. Sebagai lawyer, saya mahu tahu what were the word used, dengan izin. Because from the word used we will know what the message was.

Jika tanpa itu sukar untuk kami di sini untuk memberi sokongan yang penuh bagi usul yang di bawah Timbalan Perdana Menteri. Bolehkah saya dapat apakah perkataan yang digunakan, what were the exact word used.

Seorang Ahli: Kalau tidak hendak sokong, duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali Timbalan Perdana Menteri boleh bantu Dewan yang mulia ini to get proper perspective of what was actually said. Adakah teks di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh gulung, tidak ada apa-apa masalah. Sebagai dasar, principle, we support that any inteferece by another country in our domestic affairs will be approved by DAP right to be, yang itu kami memberi jaminan. Tetapi untuk mendapat sokongan daripada pembangkang, as it is stated, di sini bukan sokongan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional. All as if in one voice, sokong. Sokongan itu is expected. Boleh dapat sokongan daripada DAP khususnya, bagi PAS saya tidak tahu. Jika boleh beri penjelasan barangkali kami boleh tukar fikiran dan memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Seorang Ahli: Duduklah!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun masih terdapat beberapa orang lagi yang tunjuk minat hendak berucap, saya benarkan dua orang lagi berucap sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diminta jawab.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Timbalan Menteri.

Tuan Yunus bin Rahmat: Pemuda dan Wanita UMNO.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

7.20 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong usul yang

telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan memberikan ikrar sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kita sedia maklum bahawa Malaysia adalah satu negara yang mengamalkan prinsip sikap terbuka, adil dan saksama dan menyangkal sekeras-kerasnya bahawa pimpinan negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim adalah anti mana-mana kaum termasuk Yahudi. Malaysia mencapai taraf kedudukannya pada hari ini adalah disebabkan oleh kewibawaan pimpinan dinamik Dato' Seri Dr. Mahathir yang telah berjaya mengangkat negara kita ke taraf negara pembangunan moden. Malah Dato' Seri Dr. Mahathir dikenali sebagai Bapa Pembangunan Moden Malaysia. Ini semua adalah kerana ketrampilan kepimpinan beliau yang telah mengasaskan proses pembangunan negara melalui dasar-dasar visionarynya seperti Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Perindustrian Moden, Dasar Pembangunan Negara Berwawasan, Dasar Pertumbuhan Negara sebagai Pusat Kecemerlangan serta Multimedia Super Corridor. Apakah hanya masa senang sahajakah kita mengingati dan mengiktiraf dinamisme Dato' Seri Dr. Mahathir. Mujurlah dasar liberalisme dan keterbukaan yang diamalkan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir ini telah menjadikan kita semua tetap kukuh dan bersatu, menyokong terus pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan yakin bahawa seperti masa-masa lain yang kita menghadapi masalah di mana kita mampu mengatasinya, kita juga mampu mengatasi sebarang cabaran seperti yang kita hadapi pada ketika ini.

Kita mahu Amerika Syarikat terutamanya 34 orang ahli Kongres Amerika diberitahu bahawa kita orang Malaysia tahu menentukan kepimpinan negara melalui sistem demokrasi kita dan tidak perlu orang luar mencampur urusan pimpinan negara. Kita rakyat Malaysia mesti sedar bahawa masalah kita hari ini adalah satu usaha konspirasi luar untuk menggugat negara dan kepimpinan ini yang bermula dengan cara undermining, dengan izin, bursa saham dan spekulasi rakus di pasaran kewangan kita. Oleh itu, kita mesti terus yakin bahawa hanya kita yang boleh menyelamatkan diri kita dan kita mesti sokongan sepenuhnya pasaran saham kita dan ekonomi kita, kerana fundamental kita tetap kukuh. Jangan kita biarkan keadaan self fulfilling prophecy ini, dengan izin, berlaku, kerana macam mana kita tidak mahu dijajah secara politik, begitu juga sekaranglah masanya bagi kita untuk merapatkan jurang supaya menyokong ekonomi pasaran stok dan pimpinan kita untuk mengelak daripada kita menjadi mangsa imperialisme ekonomi pihak antarabangsa yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan serta wanita Barisan Nasional seluruh negara dengan ini menyokong sepenuhnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

[Tepuk]

7.25 mlm.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dan saya bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan usul percaya terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas usul yang dibawa pada hari ini. Kepada pemimpin parti Barisan Nasional, Pemuda Barisan Nasional dan Pemuda UMNO ingin mengucapkan penghargaan yang setingginya kerana telah menunjukkan semangat setia kawan dan perpaduan yang benar-benar utuh dalam perkara ini. Inilah kelebihan Barisan Nasional, ketawa semasa senang dan bersama semasa susah. *[Tepuk]*

Rakyat telah membuat keputusan untuk dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Rakyat juga telah membuktikan sanggup bersama-sama dengan Perdana Menteri di dalam keadaan susah dan senang. Dengan itu, usul hari ini bagi saya perlu dinamakan sebagai pernyataan rakyat, kerana tanpa mengambil kira fahaman politik dan latar belakang agama, kaum dan budaya, rakyat Malaysia mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meneruskan kepimpinan negara dalam apa jua cabaran yang melanda. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, atas rasa keprihatinan Pemuda dan barisan persatuan-persatuan belia, sehingga jam 5.00 tadi, di Bilik VIP di Lapangan Terbang kita, kita telah menyambut William Ramsay, Penyiasat daripada Jabatan Perdagangan USA, selaku Timbalan Setiausaha Negara bagi sekatan komoditi dan tenaga. Sehingga jam 5.00 tadi, 50 Pemuda dan 50 belia telah menunggu beliau khususnya. Hingga jam 5.00 beliau tidak berani keluar daripada Bilik VIP selama lima jam, itu baru 50 orang. Tetapi kalau kita Ahli Dewan ini menunggu dia. *[Tepuk]* Jangan hendak kurang ajar, ini baru 50 orang. Tunggulah rakyat Malaysia mengamuk. Tetapi kita tidak bersifat begitu dan kita selalu rasional.

Tetapi tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh seorang ahli Kongres dari parti Demokrat, Robert Wexler dari Florida yang cuba bawa resolusi menuntut Perdana Menteri kita memohon maaf

atau meletakkan jawatan adalah merupakan satu kebiadapan. Kita mendapat tahu daripada Tan Sri Razali Ismail, bekas Presiden United Nations General Assembly, wakil kita di Bangsa-Bangsa Bersatu. Dari 435 ahli-ahli Kongres hanya 20% sahaja yang pernah pergi melawat ke luar negeri. Ini termasuk Robert Wexler yang tidak pernah tahu hal ehwal negara luar terutama Malaysia. Buta tentang negara luar, baru hendak kurang ajar untuk minta Perdana Menteri meletak jawatan atau minta maaf. Ini pemimpin yang kurang ajar.

Tidak cukup itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, seorang ahli Senate Amerika, Senator Barbara Boxer, ini seorang anak ahli tinju, [*Ketawa*] yang juga dari Parti Demokrat telah membuat tuntutan supaya Dato' Seri Dr. Mahathir memohon maaf, dalam Congressional Record Item 50 of Sitting yang boleh kita lihat dalam senarai rekod Kongres yang dikeluarkan beberapa hari ini dan saya ada buktinya. Senator Barbara Boxer menuduh kenyataan Dr. Mahathir mengenai Yahudi benar-benar menyakitkan dan jelas menunjukkan sikap anti-Semitic. Namun, tidakkah mereka sedar bahawa perkara berkenaan telah pun dijelaskan oleh Dr. Mahathir bahawa apa yang dilaporkan tidak seperti apa yang diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, baik kenyataan ahli Kongres, Robert Wexler ataupun Senator Barbara, tuntutan dan desakan yang dibuat benar-benar mencerminkan sikap angkuh ahli-ahli politik mereka. Malah tindakan tidak demokratik mereka itu terserlah dalam banyak perkara sebelum ini. Malah jika kita ingin mengatakan rasa tersinggung kita selama ini, Barat terutamanya sering melontarkan tohmahan dan gambaran yang buruk terhadap Islam. Islam digambarkan agama yang menggalakkan keganasan, Islam itu malas dan Islam itu pasif. Malah dalam filem-filem yang saya terpaksa sebut banyak dikuasai oleh penerbit Yahudi tidak akan melepaskan peluang untuk menunjukkan insiden keganasan yang melibatkan orang Islam. Dalam filem 'True Lies' umpamanya imej Islam telah digunakan. Selain pelakon yang berwatakkan Arab, nama wataknya juga menggunakan Islam.

Jika ini hendak diambil kira, sakit hati dan tersinggung kita tidak dapat diperkatakan lagi. Jika inilah sandarannya, saya percaya umat Islam seluruh dunia jauh lebih tersinggung dan kenyataan serta gambaran tentang Islam itu jauh lebih menyakitkan hati kita. Namun, Islam itu mulia dan tinggi martabatnya. Kita tidak melenting dan kita tidak marah melulu, tetapi sebaliknya kita meneruskan usaha untuk memberikan citra yang baik tentang Islam. Malaysia jelas mempunyai agenda untuk mengangkat citra Islam melalui usaha berterusannya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu usul yang saya rasakan perlu dikenali sebagai pernyataan rakyat ini harus mendesak Kongres Amerika untuk tidak melayani resolusi yang cuba dibawa oleh Wexler ini. Begitu juga kita meminta Presiden Clinton tidak melayani desakan yang dibuat oleh Senator Barbara Boxer kerana adalah tidak wajar dan tidak demokratik bagi

mana-mana negara dan badan legislatif untuk meminta pemimpin negara lain meletakkan jawatan.

Di samping itu, kita mahu Kongres Amerika menghormati kemerdekaan Malaysia yang berhak untuk menentukan soal kepimpinan negara kita sendiri dan Kongres Amerika seharusnya menghormati kedaulatan Malaysia dengan tidak mencampuri urusan politik dalam negara Malaysia. Malah mereka perlu menghormati sokongan tidak berbelah bagi rakyat negara kita terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan adalah tidak bertanggungjawab untuk mendesak pemimpin kami meletakkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Kongres sepatutnya menerima pandangan Duta Amerika di Malaysia, John Meller yang menyifatkan resolusi yang dibawa oleh Wexler dan 33 Ahli Kongres yang lain sebagai tidak wajar dan mereka perlu menumpukan kepada usaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diminta gulung.

7.31 mlm.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli yang turut mengambil bahagian dan memberikan sokongan terhadap usul yang telah dikemukakan atas nama kerajaan dan saya juga faham bahawa sebahagian besar dari Ahli-ahli Yang Berhormat masih memohon peluang

untuk menyatakan pendirian mereka dan saya ucapkan juga penghargaan kepada mereka.

Saya ingin menyentuh secara ringkas beberapa aspek yang dikemukakan. Pertama, mengapakah dianggap penting untuk kita ketengahkan usul ini walaupun usul ini belum merupakan usul yang diluluskan oleh Kongres Amerika.

Saya telah jelaskan tatkala membentangkan usul tadi bahawa ini menyentuh prinsip dan kerukunan hidup kita, prinsip kebebasan dan kedaulatan negara kita, ini juga harus kita tegaskan pendirian kita kerana kita tidak mahu masyarakat atau orang asing mempertikai kewibawaan pimpinan kita dan menunjukkan rakyat keseluruhannya yang diwakili oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berdiri teguh dan bersama-sama dengan Perdana Menteri yang kita kasihi.

Yang kita pertikaikan ialah kerana nada yang tidak sopan dan draf usul yang dikemukakan yang bertentangan dengan norma, peraturan dan tatacara diplomatik hubungan antarabangsa yang diterima. Justeru itu, menuntut Perdana Menteri memohon maaf, walaupun beliau sudah memberikan penjelasan atau meletakkan jawatan adalah satu tuntutan yang keterlaluan.

Saya turut kesal kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya lebih cenderung untuk menerima hujah Ahli-ahli Kongres Amerika dan hujah laporan yang tidak bertanggungjawab dari media masing daripada menerima penjelasan pemimpin kita sendiri. *[Tepuk]*

Bukan sekadar itu, mereka menganggap bahawa ini dan usul yang kita kemukakan tidak lain dari satu percubaan untuk mengalih pandangan kita dari memusatkan perhatian kepada permasalahan yang kita hadapi.

Saya ingin menjelaskan, usul ini bagi kita penting, masalah ekonomi negara kita penting, kedudukan dan krisis mata wang penting, tidak ada niat dan tidak timbul sama sekali kemungkinan kita mahu mengalih pandangan kita dari memusatkan perhatian kita bagi memastikan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang terus mampan di negara kita. *[Tepuk]*

Dan elok saya jelaskan bahawa kemampanan ekonomi selama ini bukan peranan pembangkang. Kemampanan dan pertumbuhan ekonomi yang cergas dan segar adalah berkat pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri. *[Tepuk]*

Sebab itulah dalam menangani masalah ini kita tidak mahu pandangan kita diganggu-gugat oleh sama ada sebahagian dari pembangkang ataupun dari beberapa Ahli-ahli Kongres yang cuba mempertikai dan mempersoalkan kedudukan kita. Kita juga harus memberikan mesej yang jelas, Malaysia negara yang merdeka, Malaysia negara yang bersatu, walaupun masyarakatnya pelbagai kaum, kita ada pendirian, kita ada maruah dan kita tidak mahu maruah kita dipertikai dan digugat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ini sebab kita membangkitkan isu ini dan memanjangkan usul ini kerana kita tahu degup, denyut, kemarahan petani, nelayan dan penjaja dan warga Malaysia keseluruhannya, semua rakyat Malaysia yang bertanggungjawab yang mempunyai ketaatsetiaan kepada

negara, kecintaan kepada negara dan tahu menunjukkan rasa terima kasih akan tetap tersinggung seperti kita yang melahirkan pandangan hari ini tidak mungkin orang yang bertanggungjawab tidak merasa tersinggung bila pimpinan mereka yang dikasihi, yang dipilih oleh mereka dipertikai oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. *[Tepuk]*

Jadi, kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kepong dan Jelutong, saya ingin nasihatkan supaya tahu peranan pembangkang. Kita tidak pertikai hak sesiapa untuk mengkritik. Bahkan tatkala menjelaskan perkara ini atas nama Jemaah Menteri minggu lalu, kenyataan saya menyebut pandangan yang dikemukakan oleh Jemaah Menteri, kita tidak mempertikai, mempersoal hak sesiapa sahaja, rakyat Malaysia, warga asing untuk memberi teguran dan memberikan pandangan, berbeza pendapat bahkan mempersoalkan beberapa dasar yang kita buat di negara kita. Tetapi untuk menggugat maruah kita, untuk mempertikai sistem yang kita telah terima dan untuk mempertikai kenyataan bahawa Malaysia sebagai negara berbilang kaum dengan pelbagai agama dan budaya boleh bersatu, sepatutnya saya ingin menjelaskan 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat harus belajar dari Malaysia bagaimana hidup *[Tepuk]* bersama di antara masyarakat pelbagai kaum, bangsa dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga tuduhan bahawa usul yang dikemukakan ini untuk memerangkap pembangkang. Kerana meminta sokongan pada hal menurut mereka lagi Perdana Menteri ada membuat kenyataan atau menyinggung persoalan itu di Kuala Terengganu. Baik, saya jelaskan pada hari ini, bahawa dasar negara kita dan dasar luar kita cukup jelas. Kita adalah

negara di antara negara yang tegas mempertahankan keadilan dan menentang salah laku dan kezaliman Israel terhadap orang-orang Arab. *[Tepuk]* Tetapi ini harus dibezakan sikap pendirian ini dengan sikap kepada orang-orang Yahudi secara umum. Sebab itu saya ingin jelaskan, kerana berbangkit dari kekeliruan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Marang yang seperti biasa berbeza pendapat dari Mursyidul'am mereka *[Ketawa]* ataupun apakah, sebagai Ketua Dewan Ulama, apa nama baru pun saya tak berapa faham, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Arab] [Ketawa]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jadi, kita melihat percanggahan yang sedemikian rupa di antara dua tokoh penting PAS, seorang beri tandatangan surat sokongan atas nama Menteri Besar dan Ketua Menteri beri surat sokongan dan saya melihat surat sokongan dan tandatangan nampak saheh, mari Ahli Yang Berhormat dari Marang pertikaikan pula, nampak dalam satu parti pun ada dua mazhab. *[Ketawa][Tepuk]*

Saya ingin jelaskan perkara ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Marang mempertikai keputusan kita dalam isu pasukan kriket Israel ataupun pelajar-pelajar biasa. Dasar kita dalam soal hubungan diplomatik dengan Israel, dengan pendirian kita dan dasar luar kita dalam ketegasan kita dalam semua forum antarabangsa cukup jelas. Tetapi haruslah kita arif, bezakan di antara sikap pendirian terhadap keganasan dan kezaliman negara Israel dengan

sikap kita kepada orang-orang Yahudi yang tidak terlibat kesemuanya dalam soal keganasan itu.

Jadi, oleh yang demikian, saya harap ini akan membuka mata dan memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang dan suku sakatnya supaya lebih faham tentang masalah ini. Beliau bangkitkan kononnya ada perjanjian tentera sulit di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Saya tak tahu dari mana dia korek perjanjian itu. Inilah cara politik yang saya anggap cukup tidak sihat. Permainan untuk cuba mengusik perasaan rakyat, menimbulkan kebencian kepada kerajaan.

Saya ingin menegaskan di sini, apa yang ada hubungan kita dengan Amerika Syarikat ialah hubungan antara negara yang biasa, hubungan perdagangan yang cukup baik dan hubungan diplomatik yang kita dapat banggakan, tetapi ini tidak sama sekali menjejaskan hak kita untuk memberi dan mengemukakan pandangan dengan bebas dan merdeka, kita bukan negara boneka di bawah telunjuk mana-mana kuasa besar. *[Tepuk]*

Dan kalau ada orang-orang asing yang kadang-kadang rasa bimbang, gusar, gundah-gulana dan kadang-kadang sedikit marah kepada Perdana Menteri kita ialah kerana kebebasan dan ketegasan dan keberanian beliau mengemukakan pandangan bagi pihak negara-negara membangun, miskin dan melarat. *[Tepuk]*

Dan sepatutnya dalam hal ini, pimpinan PAS bersama kita sebagai pembela golongan miskin dan tertindas. Nampaknya mereka menyeleweng. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan

mengatakan bahawa masalah yang dibangkitkan yang tidak dikaitkan secara langsung dengan usul ini, insya-Allah kita akan tangani dengan sebaik mungkin berkat perpaduan yang wujud di kalangan masyarakat kita.

Saya juga ucapkan terima kasih kerana PBS dalam konteks ini memberikan sokongan kepada usul ini. *[Tepuk]* Dan juga Bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tekankan bahawa usul ini kita kemukakan kerana memang benar kita tersinggung, rakyat tersinggung, negara tersinggung bila ada percubaan untuk mempertikai sistem kita dan mempertikai kewibawaan pucuk pimpinan parti kita dan bagi menjelaskan kedudukan ini, saya ingin menggunakan Dewan yang mulia ini menjelaskan bahawa dalam pimpinan parti dan kerajaan tidak mungkin sesiapa juga dengan kerenah apa jua yang mungkin membolehkan ada keretakan kerana kita sudah muafakat dan membulatkan tekad untuk memberikan sokongan yang cukup padu kepada pemimpin kita. *[Tepuk]*

Dan bagi pihak rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya ingin mengulangi pantun saya dan saya akan sampaikan bagi pihak rakan-rakan semua kepada pucuk pimpinan kita Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

*Dengan helah pencak pendekar
Takkan tergugat pahlawan sejati. [Tepuk]*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan “Bahawa

usul di atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu hendaklah disetujui.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara berdaulat dan merdeka yang dibangunkan di atas prinsip demokrasi dan musyawarah;

Menginsafi sifat majmuk masyarakat Malaysia dari segi suku kaum, agama dan kebudayaan di mana rakyat telah hidup bersama dengan aman damai, hormat menghormati dan saling berganding bahu membina sebuah negara yang utuh lagi makmur;

Menyakini bahawa hubungan antara negara-negara perlu mengikut prinsip keadilan, kebebasan, persamaan dan saling menghormati;

Memaklumi bahawa Malaysia memberi kebebasan kepada rakyatnya memilih pemimpin dan kerajaan menerusi proses pilihanraya yang bebas dan demokratik;

Menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara dan mendukung prinsip perdagangan bebas;

Maka Dewan ini memandang berat terhadap surat 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat bertarikh 27 Oktober 1997 kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang mengandungi tuduhan beliau seorang yang anti-Yahudi serta usul beberapa ahli Kongres di Kongres Amerika Syarikat yang menuntut Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka bersabit tuduhan tersebut atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Kesal dengan usaha Kerajaan Amerika Syarikat untuk menggunakan Akta Sekatan Iran-Libya (Iran-Libya Sanctions Act) ke atas Petronas yang melabur di dalam industri gas di Iran;

Maka Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan seperti berikut:

1. **Menegaskan** bahawa Malaysia akan terus mempertahankan prinsip menghormati kerukunan hidup rakyat pelbagai kaum dan agama dan di bawah pimpinan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad prinsip tersebut terus diamalkan. Justeru itu, mengamalkan sikap terbuka, adil dan saksama serta menafikan kenyataan anti mana-mana kaum termasuk Yahudi.
2. **Membantah** cadangan usul dari beberapa ahli kongres dan menuntut masyarakat antarabangsa akur terhadap hak rakyat mana-mana negara menentukan kepemimpinan serta dasar negara masing-masing melalui proses demokrasi dan musyawarah;
3. **Membantah** keputusan Kerajaan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas dalam industri gas di Iran kerana ianya melanggar semangat perdagangan bebas yang diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa;
4. **Dan** di atas segala ini memberi keyakinan dan memberi sokongan penuh kepada Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebenarnya, saya tak dengar ada suara yang tak bersetuju, maka Usul ini dipersetujui secara sebulat suara. *[Tepuk]*

Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam.

